

**PENGGUNAAN IMITASI DALAM PENULISAN KARANGAN
BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI**

NUR HAFIZAH BINTI ABD AZIZ

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Nur Hafizah binti Abd Aziz**

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA090031**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Penggunaan Imitasi dalam Penulisan Karangan Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar
Universiti

Bidang Penyelidikan: **Linguistik Terapan**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh :

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh :

Nama: Prof. Madya Dr. Haji Mohammad Bin Seman
Jawatan: Penyelia

ABSTRAK

Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan imitasi dalam penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti dengan menggunakan model karangan sebagai sumber dalam imitasi. Imitasi adalah satu pendekatan peniruan yang digunakan untuk membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran penulisan karangan. Justeru itu, kajian ini juga turut bertujuan untuk mengenalpasti ayat-ayat imitasi yang digunakan oleh pelajar serta aspek-aspek kesilapan yang sering berlaku di dalam proses imitasi. Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif yang dilaksanakan melalui kajian kes dengan menggunakan pendekatan imitasi iaitu peniruan gaya bahasa. Satu set model karangan telah diberikan kepada pelajar sebagai sumber imitasi. Seterusnya data kajian berkaitan penggunaan imitasi dalam penulisan karangan ini dikumpulkan daripada 64 skrip jawapan karangan yang telah ditulis oleh pelajar. Data kajian ini dianalisis bagi melihat kekerapan penggunaan imitasi yang telah dilakukan oleh responden dari sudut gaya bahasa *Istifha:m*, gaya bahasa *Nida:’*, gaya bahasa *Amr* dan gaya bahasa *Nahy*. Maklumat yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan SPSS (Statistical Packages Of Sciences Social Versi 12) dan juga secara manual. Hasil analisis menggunakan SPSS ditunjukkan dalam bentuk peratus dan kekerapan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa imitasi gaya bahasa *Istifha:m*, *Nida:’*, *Amr* dan *Nahy* telah dilaksanakan oleh responden melalui tiga teknik imitasi iaitu teknik Imitasi Model, teknik Penggantian Leksikal dan teknik Penggantian Keseluruhan Ayat. Selain daripada itu, kajian juga merekodkan kesilapan yang tertinggi yang telah dilakukan oleh responden iaitu kesilapan sintaksis. Secara kesimpulannya, diharapkan kaedah ini dapat digunakan sebagai salah satu strategi dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Arab oleh tenaga pengajar bahasa Arab dan pelajar bahasa Arab.

ABSTRACT

This study aims to identify the use of imitation techniques in Arabic essay writing among university students by using a model of an essay composition as the main source of imitation. Imitation is a replication approach used to help students improve their skills in essay writing. Hence, this study also aims to identify the imitation sentences used by students and to study which types of errors often occur in the process of imitation. This descriptive research was conducted by using the imitation approach namely the imitation of writing style. A set of model essays was given to students as a source of imitation. The data related to the study of imitation in these essays was collected from 64 answer scripts of essays written by students. Data was collected to observe the frequency of imitation done by the respondents in terms of *Istifha:m* Language Style, *Nida:* Language Style, *Amr* Language Style and *Nahy* Language Style. The data obtained was analyzed using SPSS (Statistical Packages of Social Sciences Version 12) system and also manually. The analysis using SPSS is shown in percentage and frequency. The result shows that the imitation of *Istifha:m*, *Nida*, *Amr* and *Nahy* Language Style were implemented by the respondents through three imitation techniques namely Model Imitation technique, Lexical Replacement technique and Replacement Overall verse technique. In addition, the study also recorded the highest error committed by the respondents during imitation was syntax error that needs to be taken serious attention by an Arabic language lecturer, especially in the area of writing skills. In conclusion, this study can be used as one method of teaching and learning Arabic writing by Arabic language teachers and students.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وأصحابه

أجمعين ومن تابعهم بإحسان إلى يوم الدين أما بعد...

Alhamdulillah segala puji dan syukur bagi Allah S.W.T Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang menjadi utusan terakhir yang membawa rahmat ke seluruh alam. Hanya kepada Allah S.W.T kesyukuran dipanjatkan atas segala anugerah dan kekuatan yang telah diberikan kepada penulis untuk menyiapkan kajian disertasi ini.

Sepanjang tempoh kajian ini, penulis telah melalui pelbagai pengalaman yang amat bernilai dan memperolehi pelbagai ilmu yang sangat berguna sebagai bekalan dan panduan untuk masa akan datang. Sepanjang proses menyiapkan kajian ini juga, penulis telah menerima pelbagai bantuan, sokongan, galakan dan kerjasama yang sangat baik daripada pelbagai pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Keikhlasan dan ketulusan pihak tersebut serta sumbangan yang diberikan sangat-sangat dihargai dan didahului dengan ribuan terima kasih.

Dalam kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dekan Prof. Dr. Zuraidah Mohd Don dan Timbalan Dekan Prof Madya Dr. Stefanie Shamila Pillai, Penyelia Disertasi Prof Madya Dr. Mohammad bin Seman yang telah banyak membimbing dan memberikan panduan serta tunjuk ajar kepada penulis dalam menyiapkan disertasi ini. Tanpa bimbingan, panduan, tunjuk ajar, pandangan, nasihat, teguran dan dorongan daripada beliau sudah pasti penulis akan menghadapi kesukaran dalam menyelesaikan kajian ini.

Penulis juga ingin mengucapkan ucapan yang sama kepada semua pensyarah yang telah mencurahkan ilmu kepada penulis di sepanjang tempoh mengikuti Program Sarjana Pengajian Bahasa Moden sesi 2009/2010 iaitu Prof Dr Solahuddin Shamsuddin, Dr. Saroja Dhanapal, Dr. Sheena Kaur, dan Dr. Rodney C. Jubilado. Tidak lupa juga kepada semua kakitangan Ijazah Tinggi Fakulti Bahasa dan Linguistik yang banyak membantu dalam pengurusan sepanjang pengajian penulis.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada ditujukan kepada pelajar-pelajar Fakulti Syariah Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam membantu penulis untuk menyiapkan disertasi ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan sejawatan, Penyelaras Unit Bahasa Arab dan rakan seperjuangan yang telah turut sama membantu memberikan pendapat dan pandangan dalam penulisan ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang tiada batasnya kepada suami tercinta Mohd Naser bin Mohd Sabri dan anak yang disayangi Areej Hayati binti Mohd Naser yang telah banyak membantu sepanjang proses penulisan disertasi ini. Sokongan dan kesabaran kalian telah memberikan penulis semangat untuk terus menyiapkan disertasi ini. Akhir kata, semoga usaha yang kerdil ini mendapat keredhoan dan keberkatan daripada Allah SWT serta dapat memberi faedah kepada semua dalam usaha meningkatkan martabat bahasa Arab dalam pendidikan negara.

Sekian. Wassalam.

Nur Hafizah Binti Abd Aziz

Nilai, Negeri Sembilan.

2 Zulkaedah 1435

28 Ogos 2014

Dedikasi

Sekalung penghargaan buat kedua arwah Ibu Bapa yang dicintai

Abd Aziz bin Ismail & Nor Hayati binti Chik

Atas pengorbanan dan didikan kalian dalam membesarkanku

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا.

اللَّهُمَّ ارْحَمْهُمَا وَاغْفِرْ لَهُمَا وَعَافِهِمَا وَاعْفُ عَنْهُمَا وَأَكْرِمْ نُزُلَهُمَا وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُمَا وَاجْعَلْ قَبْرَهُمَا
عَلَيْهِمَا رَوْضَةً مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ وَالِدَيَّ وَمَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ أَجْمَعِينَ

ISI KANDUNGAN

Tajuk	Halaman	
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii	
ABSTRAK	iii	
ABSTRACT	iv	
PENGHARGAAN	v	
ISI KANDUNGAN	viii	
TRANSLITERASI	xiii	
SENARAI CARTA	xv	
SENARAI JADUAL	xv	
Pengenalan	1-13	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.1.1	Kedudukan Bahasa Arab dalam Sistem Pendidikan di Malaysia.	2
1.1.2	Matlamat Pembelajaran Bahasa Arab	4
1.1.3	Pembelajaran Penulisan Bahasa Arab	5
1.2	Permasalahan Kajian	6
1.3	Kepentingan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Batasan Kajian	9
1.7	Definisi Operasional	10
1.7.1	Imitasi	10
1.8	Rangka Kajian	11
1.9	Kesimpulan	13

KAJIAN LITERATUR	14-46
2.0	Pendahuluan. 14
2.1	Asas Penulisan 15
2.1.1	Kemahiran Menulis 16
2.1.2	Kepentingan Kemahiran Menulis 18
2.1.3	Tujuan Pembelajaran Kemahiran Menulis 19
2.2	Penulisan Bahasa Arab 20
2.2.1	Objektif Penulisan Bahasa Arab 22
2.2.2	Bentuk Penulisan Bahasa Arab 23
2.2.3	Kajian Kemahiran Penulisan dalam bahasa Arab 25
2.2.4	Kelemahan dalam Penulisan Karangan bahasa Arab 26
2.3	Imitasi 30
2.3.1	Definisi Imitasi 30
2.3.1.1	Teori Pembelajaran Mazhab Behaviorisme 31
2.3.1.2	Teori Pembelajaran Mazhab Kognitif 33
2.3.1.3	Teori Pembelajaran Mazhab Kognitif Sosial 34
2.3.2	Penggunaan Model Karangan 35
2.3.3	Pendekatan Pembelajaran Penulisan Berasaskan Model 36
2.3.4	Kajian Penggunaan Imitasi dalam Penulisan 38
2.4	Gaya Bahasa 39
2.5	Gaya bahasa <i>Insya:iy.</i> 43
2.5.1	Pembahagian Gaya Bahasa <i>Insya:iy.</i> 43
2.5.2	Pembahagian Gaya Bahasa / <i>Uslu:b Insya' Tolabi:</i> 44
2.5.2.1	Gaya Bahasa <i>al-Istifha:m</i> (pertanyaan) 44
2.5.2.2	Gaya Bahasa <i>al-Nida:'</i> (seruan) 44
2.5.2.3	Gaya Bahasa <i>al-Amr</i> (suruhan) 45

2.5.2.4	Gaya Bahasa <i>al-Nahy</i> (tegahan)	47
2.5.2.5	Gaya Bahasa <i>al-tamanniy</i> (harapan)	47
2.6	Kesimpulan	49
METODOLOGI PENYELIDIKAN		50-57
3.0	Pendahuluan	50
3.1	Reka Bentuk Kajian	50
3.2	Persampelan Kajian	52
3.3	Tempat Penyelidikan	53
3.4	Instrumen Kajian	54
3.4.1	Penulisan Karangan	54
3.4.2	Tajuk Karangan	55
3.4.3	Sebab Pemilihan Ujian berbentuk Karangan.	55
3.5	Tatacara Pengumpulan Data	56
3.5.1	Peringkat Pra Uji	57
3.5.2	Peringkat Pengumpulan Data	57
3.5.3	Kaedah Analisis Data	59
3.6	Kesimpulan	60
ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN		61-102
4.0	Pendahuluan	61
4.1	Analisis Kajian	62
4.1.1	Penggunaan Imitasi dalam Penulisan	62
4.1.1.1	Gaya <i>Istifha:m</i>	63
4.1.1.2	Gaya <i>Nida:’</i>	65
4.1.1.3	Gaya <i>Amr</i>	66
4.1.1.4	Gaya <i>Nahy:</i>	68
4.1.1.5	Rumusan	70

4.1.2	Menganalisis Ayat-Ayat Imitasi yang Digunakan	71
4.1.2.1	Gaya <i>Istifha:m</i>	71
4.1.2.2	Gaya <i>Nida:’</i>	77
4.1.2.3	Gaya <i>Amr</i>	80
4.1.2.4	Gaya <i>Nahy</i>	85
4.1.3	Aspek-Aspek Kesilapan yang Berlaku di dalam Proses Imitasi	89
4.1.3.1	Kesilapan Leksikal	89
4.1.3.2	Kesilapan Sintaksis/Nahu	91
4.1.3.3	Kesilapan Morfologi	95
4.2	Dapatan Kajian	96
4.2.1	Dapatan daripada Penggunaan Imitasi dalam Penulisan	96
4.2.2	Dapatan daripada Penggunaan Ayat-Ayat Imitasi	97
4.2.2.1	Pengetahuan tentang Ayat <i>Istifha:m</i> (Ayat Tanya)	100
4.2.2.2	Pengetahuan tentang Ayat <i>Nida:’</i> (Ayat Seruan)	100
4.2.2.3	Pengetahuan tentang Ayat <i>Amr</i> (Ayat Perintah)	101
4.2.2.4	Pengetahuan tentang Ayat <i>Nahy</i> (Ayat Larangan)	102
4.2.3	Dapatan daripada aspek kesilapan yang berlaku	102
4.3	Kesimpulan	105
RUMUSAN DAN SARANAN		106-111
5.0	Pendahuluan	106
5.1	Rumusan	106
5.1.1	Rumusan Penggunaan Imitasi dalam Penulisan Karangan daripada Kajian Lepas	106
5.1.2	Rumusan daripada Dapatan Kajian	107
5.2	Saranan	109
5.2.1	Saranan untuk Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan.	109

5.2.2	Saranan untuk Kajian Akan Datang	112
5.3	Kesimpulan	114
	BIBLIOGRAFI	115
	LAMPIRAN A	125
	LAMPIRAN B	127

University of Malaya

TRANSLITERASI

Transliterasi huruf-huruf Arab ke huruf-huruf rumi ini, adalah berpandukan pedoman yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pascasiswazah Bahasa Arab (JAPSAR), Jabatan Bahasa Arab Dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

1. Huruf-huruf Konsonan

BIL	LAMBANG HURUF	TRANSLITERASI	CONTOH PENGGUNAANNYA
1	ء	'	ba'asa : بَأْسَ
2	ب	B	badala : بَدَلَ
3	ت	T	taraka : تَرَكَ
4	ث	Th	thabata : ثَبَّتَ
5	ج	J	Jarasa : جَرَسَ
6	ح	ḥ	Ḥasuna : حَسُنَ
7	خ	Kh	Khasha'a : خَشَعَ
8	د	D	Darasa : دَرَسَ
9	ذ	Dh	Dhafara : ذَفَرَ
10	ر	R	Rashada : رَشَدَ
11	ز	Z	Za:ra : زَارَ
12	س	S	Salaka : سَلَكَ
13	ش	Sh	Shariba : شَرِبَ
14	ص	Ṣ	Ṣabiḥa : صَبِيحَ
15	ض	Ḍ	Ḍaḥika : ضَحِكَ
16	ط	Ṭ	Ṭa'ima : طَعِمَ
17	ظ	Ẓ	Ẓafira : ظَفِرَ
18	ع	'	'adala : عَدَلَ
19	غ	Gh	Ghafara : غَفَرَ
20	ف	F	Fataḥa : فَتَحَ
21	ق	Q	Qasama : قَسَمَ
22	ك	K	Kathura : كَثُرَ

23	ل	L	Laḥana : لَحْنٌ
24	م	M	Mathala : مَثَلٌ
25	ن	N	Nabata : نَبَاتٌ
26	ه	H	Hazala : هَزَلٌ
27	و	W	Warada : وَرْدٌ
28	ي	Y	Yabisa : يَبِيسٌ
29	ة	t	Ja:mi'at : جَامِعَةٌ

2. Huruf-huruf Vokal Pendek

BIL	LAMBANG HURUF	TRANSLITERASI	CONTOH PENGGUNAANNYA
1	ـَ	a	karama : كَرَمٌ
2	ـِ	i	Labisa : لَبِيسٌ
3	ـُ	u	kutiba : كُتِبَ

3. Huruf-huruf Vokal Panjang

BIL	LAMBANG HURUF	TRANSLITERASI	CONTOH PENGGUNAANNYA
1	ـَا	a:	Ma:lik : مَالِكٌ
2	ـَاي	i:	Ti:n : تَيْنٌ
3	ـَاو	u:	Mandu:b : مَندُوبٌ

4. Diftong

BIL	LAMBANG HURUF	TRANSLITERASI	CONTOH PENGGUNAANNYA
1	آي	ay	Zaytu:n : زَيْتُونٌ
2	آو	aw	Law : لَوٌ

SENARAI CARTA

NO. CARTA	HALAMAN
Carta 3.1: Kaedah pendekatan pembelajaran berasaskan model	58
Carta 4.1: Perbezaan Penggunaan Gaya Bahasa <i>Istifha:m</i>	64
Carta 4.2: Perbezaan Penggunaan Gaya Bahasa <i>Nida:'</i>	66
Carta 4.3: Perbezaan Penggunaan Gaya Bahasa <i>Amr</i>	68
Carta 4.4: Perbezaan Penggunaan Gaya Bahasa <i>Nahy</i>	70
Carta 4.5 : Kekerapan penggunaan imitasi dalam kalangan pelajar	70

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	HALAMAN
Jadual 1.1 : Gaya bahasa <i>Insya:iy</i> di dalam model karangan	10
Jadual 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina	62
Jadual 4.2 : Taburan Kekerapan Penggunaan Gaya Bahasa <i>Istifha:m</i>	63
Jadual 4.3 : Taburan Kekerapan Penggunaan Gaya Bahasa <i>Nida:'</i>	65
Jadual 4.4 : Taburan Kekerapan Penggunaan gaya bahasa <i>Amr</i>	67
Jadual 4.5 : Taburan Kekerapan Penggunaan gaya bahasa <i>Nahy</i>	69
Jadual 4.6 : Perbezaan Kekerapan Imitasi Gaya Bahasa	96
Jadual 4.7 : Kekerapan Penggunaan Teknik Imitasi dalam Penulisan Karangan	98
Jadual 4.8 : Kekerapan Kesalahan dalam Imitasi Gaya Bahasa	103

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembelajaran bahasa adalah amat penting dalam era pemodenan ini. Pembelajaran bahasa terutamanya pembelajaran bahasa asing tidak hanya dikaitkan dengan fungsi pemerolehan bahasa secara akademik dan pengetahuan semata-mata, tetapi fungsinya telah berubah kepada fungsi komunikasi untuk membolehkan rutin dan kerja seharian diselesaikan (Andrian 2007:1).

Crystal (1987:369) telah membincangkan beberapa faktor yang menyebabkan fenomena tersebut dengan mengaitkannya dengan pembelajaran bahasa asing, iaitu: (1) pembelajaran bahasa asing bukan merupakan satu kehendak, malah dilihat sebagai suatu kelebihan untuk bertemu dengan masyarakat serata dunia, (2) pembelajaran bahasa asing boleh meningkatkan tahap keyakinan diri terutama kanak-kanak agar mereka boleh menyesuaikan diri dalam keadaan persekitaran yang selalu berubah mengikut peredaran masa, (3) pembelajaran bahasa asing boleh menggalakkan dua hala dan kerjasama di antara negara dan masyarakat serta mengurangkan jurang etnosentrik, (4) pembelajaran bahasa asing dikaitkan dengan golongan belia yang menggunakan bahasa asing sebagai batu loncatan untuk meningkatkan peluang kerjaya, (5) pembelajaran bahasa asing juga membolehkan seorang individu mengakseskan budaya-budaya lain serata dunia seperti menonton filem bahasa asing, kesusasteraan dan sebagainya, (6) pembelajaran bahasa asing merupakan satu-satunya cara sahaja untuk mewujudkan apresiasi budaya, dan (7) pembelajaran bahasa asing merupakan suatu hak dan peluang pendidikan kepada semua.

Dalam pembelajaran bahasa ini, aspek-aspek utama yang perlu ditekankan ialah pembelajaran kemahiran asas iaitu, kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pembelajaran membaca dan menulis yang dipelajari oleh pelajar bahasa asing di sekolah dan peringkat tinggi bukanlah sesuatu yang terpisah sifatnya. Malah ia telah berjalan serentak dalam masa yang sama dan seiring walaupun pada hakikatnya kemahiran membaca telah mendahului kemahiran menulis.

Kemahiran menulis adalah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh semua pelajar. Ini adalah kerana, menulis merupakan proses untuk menyampaikan idea atau pendapat dengan tepat. Namun begitu kemahiran menulis bukanlah suatu kurnian, akan tetapi ia merupakan suatu kemahiran yang boleh diajar, dipupuk dan dilatih dalam melahirkan penulisan yang terbaik. Memandangkan penulisan karangan adalah sebuah proses mental dan fizikal yang dinamik yang memerlukan pengulangan yang berterusan, maka strategi dalam penulisan karangan perlu dilaksanakan dalam kalangan pelajar. Kajian mengenai penulisan ini haruslah sentiasa dilakukan bagi memastikan strategi-strategi dan teknik-teknik yang pelbagai dapat dihasilkan dalam membantu pelajar dalam pembelajaran penulisan karangan.

1.1 Latar Belakang Kajian

1.1.1 Kedudukan Bahasa Arab dalam Sistem Pendidikan di Malaysia.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia telah bermula sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan telah berkembang dari semasa kesemasa mengikut peredaran zaman dan perkembangan Islam di Malaysia. Seiring dengan perkembangan bahasa-bahasa lain, bahasa Arab juga telah mengalami perkembangan yang pesat. Perkembangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ini dapat dilihat di institusi pondok dan seterusnya peringkat tertinggi. Kajian-kajian terhadap pengajaran

dan pembelajaran bahasa Arab mula dijalankan oleh sarjana-sarjana bahasa (Asma,2010:2). Kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa telah dipraktikkan dan diselidiki keberkesanannya terhadap pelajar-pelajar bahasa terutamanya dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing kepada bukan penutur jati.

Namun begitu status bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing di Malaysia masih lagi diperbincang oleh para sarjana bahasa. Secara dasarnya, bahasa ketiga atau bahasa asing di Malaysia merupakan semua bahasa kecuali bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa ibunda masing-masing. Para sarjana bahasa juga telah mengemukakan beberapa teori yang boleh menentukan sama ada sesuatu bahasa itu bahasa ketiga atau sebaliknya. Bahasa pertama ialah bahasa yang diperoleh penutur semenjak masih kanak-kanak lagi dan diperturunkan dari generasi ke generasi. Bahasa kedua pula adalah bahasa yang diperolehi melalui pembelajaran dan pendedahan, manakala bahasa asing atau bahasa ketiga adalah berdasarkan pembelajaran tetapi kurang pendedahannya. Pembelajaran di Malaysia telah mengkategorikan bahasa Arab sebagai bahasa ketiga atau bahasa Asing seperti bahasa Jepun, Perancis dan Jerman yang telah ditawarkan di sekolah-sekolah serta institusi-institusi pendidikan Malaysia.

Walau bagaimanapun bagi Asmah Omar (1990:28) telah berpendapat bahasa Arab tidak dianggap sebagai bahasa asing di Malaysia tetapi bahasa agama kepada masyarakat Islam di Malaysia. Berikutan dengan itu, bahasa Arab mempunyai status yang istimewa dan tersendiri berbanding bahasa-bahasa asing yang lain berdasarkan pengajian Islam, budaya dan polisi pendidikan yang tersendiri. Maka, bahasa Arab di Malaysia tidak diajar sepertimana di negara Arab sebagai bahasa ibunda atau sebagai bahasa asing sepertimana di Barat.

1.1.2 Matlamat Pembelajaran Bahasa Arab

Setiap orang pelajar mempunyai pelbagai tujuan dalam pembelajaran bahasa. Ada sebahagiannya belajar bahasa untuk memahami bahasa tersebut, ada pula yang bertujuan untuk memahami bahan bacaan yang menggunakan bahasa tersebut, dan ada juga yang belajar untuk bertutur dengan lancar serta ada juga yang belajar untuk berbagai-bagai tujuan. Namun begitu menurut Raminah (1993), tujuan pembelajaran bahasa adalah untuk berkomunikasi dengan orang lain dalam menyampaikan kehendak, perasaan pendapat, pengalaman, buah fikiran, pengetahuan, mendapatkan informasi, menambahkan ilmu pengetahuan, memahami orang lain dan sebagainya. Justeru itu, bahasa menjadi satu medium yang penting dalam kehidupan manusia.

Bagi pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah, matlamat pembelajaran bahasa Arab adalah bertujuan untuk menanam minat pelajar mempelajari asas bahasa Arab dan menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan pelajar berkomunikasi menggunakan ayat mudah. Namun begitu, pembelajaran bahasa Arab di peringkat dewasa mula berubah di atas kesedaran individu. Secara amnya di Malaysia, sebilangan besar masyarakat Islam tidak memahami bahasa Arab, namun kecintaan mereka terhadap bahasa Arab yang amat tinggi serta memandang bahasa Arab sebagai bahasa agama (Asmah:1990) telah mencetuskan kesedaran ke atas keperluan mempelajari bahasa Arab untuk melaksanakan ibadat dan tuntutan agama seperti solat, bacaan al-Quran, menunaikan umrah, haji dan sebagainya. Ini adalah disebabkan, masyarakat Islam Malaysia mula menyedari tentang implikasi daripada kurangnya kefahaman terhadap bahasa Arab boleh menjejaskan kualiti ibadat sama ada dari segi bacaan mahupun penghayatan di dalam sesuatu ibadat (Naimah Abdullah:2009).

1.1.3 Pembelajaran Penulisan Bahasa Arab

Pada asasnya Abdullah Hassan (1989) berpendapat proses pembelajaran bahasa kedua berlaku terhadap mereka yang melebihi umur lima tahun, iaitu apabila pembelajaran bahasa kedua itu tidak lagi berlaku secara semulajadi. Namun begitu bagi pembelajaran penulisan bahasa Arab bermula setelah pelajar dapat menguasai kemahiran membaca (Fatimah:2013). Ini turut dinyatakan oleh Rosni Samah (2012) untuk menguasai kemahiran menulis, pelajar haruslah mengetahui menulis perkataan dengan betul disamping mempunyai kosa kata Arab yang banyak bagi menulis ayat-ayat pendek yang betul. Disamping itu juga, pelajar perlulah mempunyai kemahiran memahami dalam bacaan serta dapat mengenalpasti kaedah-kaedah atau teknik-teknik yang dapat membantu dalam penulisan.

Pembelajaran penulisan bahasa Arab adalah satu proses yang berbeza dengan penulisan bahasa Melayu disebabkan cara memulakan penulisannya dari kanan ke kiri serta kaedah penulisan huruf-huruf Arab yang agak kompleks disebabkan setiap hurufnya mempunyai sekurang-kurangnya dua bentuk bergantung kepada kedudukannya dalam perkataan, iaitu sama ada tunggal atau bercantum dengan huruf lain sama ada di awal, di tengah atau di hujung perkataan (Fatimah: 2013). Justeru itu, pelajar akan dapat menulis dengan baik sekiranya berjaya melalui proses-proses pembelajaran penulisan bahasa Arab yang bermula dengan mengenali huruf, menulis huruf, menulis huruf sambungan, menulis perkataan dan akhirnya menulis ayat-ayat pendek (Rosni Samah, 2009:104).

1.2 Permasalahan Kajian

Dalam membicarakan hal yang berkaitan dengan penulisan karangan, secara umumnya kemahiran menulis ini adalah di antara kemahiran yang sukar di kuasai oleh pelajar. Pencapaian dalam peperiksaan penulisan karangan juga amat rendah berbanding kemahiran bahasa yang lain. Pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang dalam kemahiran komunikasi, tidak semestinya akan memperolehi keputusan yang sama dalam penulisan karangan. Ini menyebabkan pelajar sering mengeluh dan kurang berminat dalam penulisan karangan kerana tidak dapat menghasilkan satu karangan yang terbaik.

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Che Radiah (2006) terhadap 120 orang pelajar dari empat buah sekolah menengah di negeri Selangor telah mendapati bahawa terdapat 15.1% kesilapan terjemahan secara literal dari bahasa ibunda di dalam karangan pelajar dan 12.3% kesilapan penggunaan bentuk/pola perkataan. Daripada penelitian tersebut beliau telah mendapati bahawa pengaruh atau gangguan bahasa ibunda pelajar, iaitu bahasa Melayu merupakan faktor utama kepada berlakunya kesilapan dalam penulisan karangan pelajar

Selain itu juga, permasalahan yang berlaku dalam penulisan karangan adalah ketidakbolehan pelajar untuk menghasilkan struktur ayat yang gramatis. Pelajar sering menggunakan kaedah terjemahan perkataan daripada bahasa ibunda sehingga menjadikan karangan mereka sukar dibaca dan difahami. Malah terdapat juga perkataan yang terkeluar dari maksud asal disebabkan mereka banyak menggunakan kaedah terjemahan *harfiyah*. Pernyataan ini disokong oleh Zainol Abidin (2003:6) yang menyatakan kelemahan dalam membentuk ayat secara bertulis dengan baik akan menjadikan sesuatu idea itu kabur dan sukar difahami, seterusnya menggagalkan komunikasi atau penyampaian mesej kepada pembaca.

Kebiasaannya para pelajar pada peringkat pengajian tinggi tidak lagi menghadapi masalah dalam menulis ayat di dalam bentuk mudah. Namun begitu situasi akan berbeza apabila pelajar mula menulis karangan. Penggunaan gaya bahasa ibunda sering sahaja berlaku. Selain itu juga amalan kesalahan dari segi konsep jantina, bilangan, ganti nama, kata hubung, penggunaan huruf naïf di hadapan kata nama atau kata kerja dan sebagainya. (Zainol Abidin, 2003:141). Beberapa persoalan telah timbul dari ketidakupayaan pelajar menulis dalam Bahasa Arab. Kelemahan pelajar mengungkap idea dan fakta secara bertulis mudah dikesan melalui kertas-kertas ujian, peperiksaan dan latihan-latihan yang diberikan di dalam kelas.

Justeru itu, beberapa cadangan telah dilakukan oleh kebanyakan pengkaji untuk memastikan pelajar dapat menulis karangan bahasa Arab dengan baik seperti kajian lanjutan tentang pengkayaan kosa-kata melalui teknik-teknik tertentu (Che Radiah: 2006), kajian tentang perbandingan antara ayat bahasa Arab dengan ayat bahasa Melayu (Zainol Abidin: 2003) dan proses pembelajaran seperti pendekatan strategi yang akan diguna pakai oleh pelajar dalam usaha menguasai kemahiran bahasa (Hamdi:2010)

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah amat penting kerana menawarkan satu pendekatan yang luas dalam penggunaan imitasi dalam proses penulisan yang dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat. Justeru itu kajian ini dapat memberi pendekatan yang baru dalam proses pembelajaran dan pengajaran penulisan. Ini disebabkan, teknik yang berkesan akan dapat menarik minat para pelajar dalam mempelajari kemahiran bahasa serta dapat menguasai kesemua kemahiran dengan lebih mudah dan berkesan. Justeru itu, diharapkan kajian yang dilakukan ini dapat menghasilkan beberapa natijah yang baik agar dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat. Antaranya :-

i. Penggubal Modul Sukatan Pembelajaran

Memberi maklumat tentang penggunaan imitasi di dalam penulisan karangan supaya dapat membantu para pelajar menghasilkan penulisan yang lebih gramatis

ii. Guru-guru Bahasa Arab

Kajian ini amat penting untuk guru-guru Bahasa Arab dalam mempelbagaikan teknik pengajaran dalam membantu pelajar membina dan menulis ayat dengan baik seterusnya dapat menghasilkan sebuah karangan yang bermutu dan gramatis. Dengan strategi yang pelbagai dapat membantu guru-guru dalam pengajaran bahasa serta dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka.

iii. Pelajar

Kajian ini diharapkan dapat memberikan kepelbagaian strategi kepada pelajar dalam menguasai kemahiran menulis Bahasa Arab seterusnya boleh meningkatkan motivasi mereka dalam mempelajari bahasa kedua ini dengan lebih mendalam serta membantu mereka dalam penguasaan kesemua kemahiran asas bahasa.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini amat penting bagi merealisasikan beberapa perkara berikut

1. Mengkaji penggunaan imitasi dalam penulisan karangan pelajar universiti.
2. Menganalisis ayat-ayat imitasi yang digunakan dalam penulisan karangan pelajar universiti.
3. Mengkaji aspek-aspek kesilapan yang sering berlaku di dalam proses imitasi dalam penulisan karangan pelajar universiti.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini juga cuba menjawab tujuan kajian yang telah dinyatakan di atas iaitu:

1. Bagaimanakah penggunaan imitasi dalam penulisan karangan pelajar universiti.
2. Apakah ayat-ayat imitasi yang digunakan dalam penulisan karangan pelajar universiti.
3. Apakah aspek-aspek kesilapan yang sering berlaku di dalam proses imitasi dalam penulisan karangan pelajar universiti.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini akan berkisar di sekitar penggunaan imitasi model karangan dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar-pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kajian ini juga akan turut meninjau hasil penulisan pelajar selepas menggunakan kaedah imitasi. Disebabkan penulisan karangan adalah satu teknik yang berterusan, kajian ini hanya akan menilai pencapaian pelajar dalam penulisan pertama yang menggunakan imitasi. Ini kerana, imitasi adalah strategi latih tubi awalan bagi menghasilkan penulisan yang terbaik dan strategi ini, tidak akan digunakan lagi setelah pelajar mahir dalam penulisan karangan.

Pelajar-pelajar yang dipilih sebagai responden di dalam kajian ini adalah pelajar dari semester satu yang telah mengambil subjek Bahasa Arab UBA1042 pada semester satu. Rasional pemilihan pelajar tersebut adalah kerana subjek UBA1042 akan memberikan pengetahuan kepada mereka tentang kemahiran menulis, dan dalam masa yang sama, mereka juga turut mempunyai pengetahuan dalam kemahiran menulis yang telah diajar di peringkat sekolah menengah. Justeru itu, mereka merupakan pelajar yang

sesuai dijadikan sampel bagi mendapatkan hasil kajian yang baik dan menjadi rujukan kepada pelajar lain.

Di dalam kajian ini juga, pengkaji turut membataskan kajian kepada struktur ayat bagi gaya bahasa *Insyaya:iy* yang terdapat di dalam teks model karangan sahaja walaupun secara dasarnya gaya bahasa *Insyaya:iy* terbahagi kepada 5 gaya bahasa, namun pengkaji hanya dapat memilih 4 gaya bahasa sahaja, berikutan hanya gaya bahasa tersebut yang terdapat di dalam teks model karangan. Teks model karangan juga telah diedarkan kepada responden sebelum ujian menulis. Di dalam model tersebut, semua gaya bahasa *Insyaya:iy* telah dikeluarkan dan dijadikan sebagai sumber untuk menganalisis penulisan gaya bahasa pelajar. Justeru itu, pengkaji hanya mengkaji imitasi dalam penulisan gaya bahasa *Insyaya:iy* pelajar sahaja. Berikut adalah jenis pembahagian gaya bahasa *Insyaya:iy* dan jumlah ayat yang terdapat di dalam teks model karangan.

Jadual 1.1: Gaya bahasa *Insyaya:iy* di dalam model karangan

Gaya Bahasa <i>Insyaya:iy</i>			
<i>Istifha:m</i>	<i>Nahy</i>	<i>Nida:’</i>	Amr
1	3	2	5

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Imitasi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, imitasi adalah berasal daripada bahasa Indonesia Belanda yang membawa makna tiruan (570:2005). Walau bagaimanapun perkataan imitasi ini telah diterima di dalam bahasa Melayu apabila Haji Zainal Abidin

Safarwan dalam Kamus Besar Bahasa Melayu (663:1995) dan Abdullah Hassan serta Ainon Mohd dalam *Tesaurus Melayu Moden Utusan* turut menyatakan bahawa imitasi adalah bermakna tiruan. Malah menurut Kamus Dewan, tiruan adalah berasal dari perkataan tiru yang membawa maksud perbuatan meniru, mencontohi, mengikuti perbuatan orang samada dari segi perkataan, gaya, cara dan lain-lain.(1697:2005).

Justeru itu,berdasarkan definisi yang dinyatakan tadi, pembelajaran imitasi adalah satu pembelajaran yang dikenali sebagai pembelajaran melalui pemerhatian dan peniruaan. Malah menurut Neil Miller dan John Dollard (1941) dalam kajian mereka “*Social Learning and Imitation*” menyatakan bahawa pembelajaran imitasi adalah hasil proses pembelajaran yang ditiru daripada orang lain. Proses pembelajaran tersebut dinamakan "Social Learning" ataupun "Pembelajaran Sosial". Tingkah laku peniruan (imitative behavior) manusia terjadi kerana manusia merasa telah memperoleh imiginasi ketika meniru perilaku orang lain.

1.8 Rangka Kajian

Kajian yang dijalankan ini dibahagikan kepada lima bab iaitu:

BAB 1 : PENDAHULUAN

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Pada bab ini, pengkaji akan membincangkan latar belakang kajian disamping menyatakan permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

Bab ini berkisar mengenai apakah landasan bagi teori yang digunakan oleh pengkaji. Bab ini juga akan mengutarakan fakta, teori, pendapat, penilaian dan juga kajian-kajian yang berkaitan dengan tajuk pengkaji. Kajian-kajian lepas yang dihuraikan adalah yang berkaitan secara langsung mahupun tidak langsung dengan kajian yang dijalankan. Daripada itu juga, pengkaji akan cuba mengenal pasti metodologi kajian yang digunakan dan kewujudan jurang kajian yang belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji pada kajian lepas.

BAB 3 : METODOLOGI PENYELIDIKAN

Bab ini akan membentangkan secara terperinci mengenai metodologi kajian yang menjadi tunjang kepada kejayaan sesuatu kajian. Pengkaji akan menerangkan prosedur dan kaedah kajian yang dilaksanakan dalam kajian bagi mendapat hasil dapatan yang bertepatan dengan objektif kajian. Bab ini akan merangkumi reka bentuk kajian, persampelan kajian, tempat penyelidikan, instrumen kajian seterusnya tatacara pengumpulan data bagi memperolehi data bagi kajian ini.

BAB 4 : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Bab ini akan membentangkan analisis daripada data mentah yang telah diperolehi. Setelah data mentah dianalisis, pengkaji akan membuat interpretasi terhadap dapatan kajian dan membincangkannya berdasarkan soalan kajian dan objektif kajian.

BAB 5 : RUMUSAN, SARANAN DAN PENUTUP

Hasil perbincangan dalam bab keempat, pengkaji membuat kesimpulan dan rumusan. Pengkaji mengemukakan pandangan dan saranan yang penting bagi meningkatkan dan menyumbang ke arah pengajaran dan pembelajaran serta pemerolehan bahasa yang lebih proaktif dan efektif kepada pelajar, sekali gus dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa di Malaysia. Seterusnya pengkaji menutup kajian ini.

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan mengapa kajian ini perlu dilakukan. Beberapa sebab utama telah diutarakan dalam bab ini yang menjadi persoalan kajian. Ianya bertujuan untuk menyingkap permasalahan dalam usaha mempertingkatkan institusi pendidikan negara khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

Justeru itu, keperluan dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab sebagai bahasa asing di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi harus diberi perhatian sewajarnya. Pengkaji berharap dengan pelaksanaan kajian ini akan merungkaikan segala persoalan yang wujud berdasarkan rangka kajian yang telah dibina.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan.

Pemerolehan bahasa kedua dan bahasa asing adalah berbeza dengan pemerolehan bahasa pertama iaitu bahasa ibunda. Penguasaan bahasa pertama dalam kalangan penutur jati berlaku secara tidak formal. Namun begitu berbeza dengan bahasa kedua dan bahasa asing yang perlu dipelajari secara formal. Proses pembelajaran dan pengajaran bahasa asing yang dilaksanakan akan berkembang melalui aktiviti latihan dan pengukuhan (Kamarudin Hj. Husin, 1998:353)

Menurut Arbak dan Ismail (1986:1), penulisan dianggap sebagai satu kemahiran bahasa yang paling sukar dikuasai. Justeru, ia adalah merupakan suatu kemahiran bahasa yang terakhir sesudah kemahiran-kemahiran bahasa yang lain seperti, kemahiran mendengar, bertutur dan membaca. Pendapat ini juga turut disokong oleh Marohaini Yusoff (2004:1) dengan menyatakan penulisan merupakan kemahiran yang terpenting daripada kemahiran-kemahiran yang lain seperti membaca, mendengar dan bertutur. Ini adalah disebabkan banyak kegiatan pembelajaran menghendaki pelajar mempunyai kemahiran menulis terutamanya dalam pembelajaran bahasa kedua. Malah menurut Chen Yoke Thin (2003:7), seorang penulis dapat menyatakan sesuatu gagasan fikiran, perasaan atau pengalamannya melalui penulisannya.

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia bermula dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat universiti. Subjek bahasa yang dipelajari oleh semua peringkat pelajar ini menekankan kemahiran bahasa seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Daripada keempat-empat kemahiran bahasa, kemahiran menulis

boleh dianggap sebagai kemahiran bahasa yang paling tinggi kedudukannya dan yang paling sukar dikuasai oleh pelajar. Justeru itu, pelbagai bentuk strategi dan kaedah telah diguna pakai oleh guru bahasa untuk membantu dalam penguasaan bahasa kedua pelajar (Abdul Aziz Abdul Talib, 2000:33-34) bagi membangkitkan minat pelajar dalam pembelajaran serta membantu pelajar dapat menulis karangan dengan lebih baik. Penyelidikan dalam bidang penulisan karangan juga telah melihatkan pelbagai peralihan, bermula dari hasil karangan seterusnya proses menulis karangan.

Pada bab ini, penulis akan cuba membincangkan tentang kemahiran menulis karangan. Aspek utama dalam perbincangan ini adalah strategi-strategi pembelajaran dalam membantu penguasaan kemahiran menulis karangan. Akhir sekali, penulis akan menghubungkan kaedah imitasi model dalam pembelajaran karangan Bahasa Arab

2.1 Asas Penulisan

Menurut pendapat Kamarudin Hj Husin & Siti Hajar Hj Abdul Aziz (1997:2), menulis ialah proses merakam atau menghasilkan bahan yang berbentuk idea, pendapat, pengalaman, perasaan dan maklumat dalam bentuk tulisan untuk berhubung dengan orang lain atau diri sendiri. Ia juga merupakan satu proses memberikan simbol-simbol grafik bagi melambangkan bahasa dalam menyusun perkataan, rangkai kata, ayat dan seterusnya unit-unit yang lebih panjang mengikut peraturan-peraturan tertentu dengan menunjukkan wacana dan pelahiran idea yang jelas dan tersusun.

Berdasarkan pendapat tersebut, Normazidah Mahmood (2002:14) menyimpulkan bahawa penulisan merupakan satu proses untuk menyampaikan idea, buah fikiran, perasaan atau pendapat dalam bentuk grafik. Bentuk-bentuk grafik ini disusun sehingga melambangkan sebutan-sebutan bahasa yang dapat dibaca dan difahami maksudnya.

Penulisan karangan juga merupakan satu kerja seni (Sulaiman&A.Khairi:2004). Ini kerana kemahiran menulis merupakan suatu kemahiran yang boleh diajar dan dilatih untuk melahirkan penulis yang berbakat. Pendapat ini disokong oleh Hashim Othman(2005) yang mengatakan bahawa kemahiran menulis sebenarnya merupakan kemahiran berbahasa yang tertinggi selari mengikut perkembangan otak dan pengalaman berbahasa seseorang. Malah menurut Sulaiman N. & A. Khair (2004:1) kemahiran menulis melibatkan kemahiran kognitif dan linguistik, termasuk aspek mekanis dan proses, serta pembaca. Justeru itu, menulis karangan adalah satu aktiviti yang komunikatif antara penulis dan pembaca.

Aktiviti mengarang merupakan satu kemahiran bahasa yang amat perlu dipelajari dan dimiliki oleh setiap pelajar. Malah menurut Ishak Haron (1979) diambil dari Mashitah Zainuddin (2005:26), kemahiran menulis adalah amat penting dalam pendidikan formal kerana kebanyakan jawapan-jawapan pelajar dalam ujian dan peperiksaan rasmi adalah memerlukan penghasilan idea, pendapat, fakta dan lain-lain yang perlu disampaikan kepada pemeriksa melalui kemahiran bahasa tulisan yang bersifat formal. Pendapat tersebut turut disokong oleh Mashitah Zainuddin (2005:25) yang menyatakan karangan adalah salah satu gerak kerja yang penting dalam kriteria penulisan yang telah diajar ke dalam pembelajaran bahasa sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah seterusnya peringkat universiti. Pembelajaran karangan adalah mustahak kerana ia merupakan peringkat kemahiran bahasa yang tertinggi iaitu kemahiran bahasa tulisan.

2.1.1 Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis adalah amat penting dalam dunia moden. Ini berikutan dengan perkembangan teknologi yang menjadikan menulis sebagai salah satu medium

untuk perhubungan dan komunikasi di antara sesama manusia dalam menyampaikan tujuan tertentu, idea, perasaan dan sebagainya (Mahmud 1985). Menurut UNESCO (1980), kemahiran menulis dianggap sebagai salah satu kemahiran literasi yang penting dalam kehidupan manusia. Malah menurut Hughey et al. (1983) menulis merupakan satu cara komunikasi yang dilakukan secara bersendirian tanpa didengari dan dilihat oleh individu lain (Rabiah 1999).

Malah menurut Sokolik (2003), kemahiran menulis dibahagikan kepada tiga kriteria, iaitu:

- i. Merupakan satu proses yang melibatkan fizikal dan mental seseorang secara langsung.
- ii. Merupakan kaedah untuk meluahkan perasaan dan keinginan.
- iii. Merupakan proses yang terhasil daripada imaginasi, organisasi, draf, diedit dan dibaca semula.

Terdapat empat proses utama dalam menguasai kemahiran menulis (Kamarudin:2002) iaitu:-

- i. Sistem grafik (notation)
- ii. Ejaan
- iii. Penulisan ayat-ayat gramatis
- iv. Melahirkan pendapat/idea.

Justeru itu, keseluruhan proses ini akan merangkumi kesemua faktor penting dalam kemahiran menulis iaitu kemahiran teknik menulis, tatabahasa (morfologi dan sintaksis), gaya bahasa dan kejituan isi.

2.1.2 Kepentingan Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis adalah salah satu aktiviti akademik yang amat penting di semua sekolah di seluruh dunia. Ini jelas ditunjukkan dalam semua subjek bahasa dan subjek bukan bahasa di sekolah amat memerlukan kemahiran menulis dalam pembelajaran. Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1996:120), para pelajar memerlukan kemahiran menulis bagi menjawab soalan terutamanya soalan esei. Kemahiran menulis juga bertindak sebagai alat untuk menurunkan segala isi pelajaran dan menyatakan pemikiran seseorang (Normazidah,2002:15) dan kerana itu, dalam pembelajaran bahasa dapat disimpulkan bahawa pembelajaran menulis tidak akan terpisah daripada pembelajaran membaca. Kedua-dua proses akan berjalan serentak dan selari. Ini berikutan seseorang akan berpeluang membaca jika ada hasil penulisan yang membolehkannya membaca. Manakala Arfah et al. (1992) menyatakan bahawa kemahiran asas dalam kemahiran menulis pelajar adalah berkait rapat dengan kebolehan pelajar menulis dalam bentuk tulisan yang terang, jelas dan lengkap. Disamping itu juga, menulis merangkumi kebolehan untuk mengolah ayat supaya menjadi gramatis dan dapat difahami oleh pembaca.

Malah menurut Mohd Nadzri (2006:29) dalam dunia persekolahan, banyak kegiatan pembelajaran yang mengkehendaki pelajar mempunyai kemahiran seperti menulis laporan, tugas, latihan dan menjawab ujian dan peperiksaan. Kemahiran menulis juga bukan sahaja di perlukan oleh pembelajaran bahasa pertama tetapi melibatkan semua bahasa kedua yang dipelajari oleh pelajar. Justeru, kemahiran menulis perlu diaplikasikan kepada pelajar bermula dari kemahiran penulisan yang mudah kepada sukar (Zanariah & Hassan, 2011)

2.1.3 Tujuan Pembelajaran Kemahiran Menulis

Menurut Kamarudin (1997) tujuan pembelajaran kemahiran menulis adalah untuk menyatakan pemikiran, maksud, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan jelas dan berkesan dalam tulisan. Selain daripada itu, pembelajaran kemahiran menulis ini juga adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar menguasai teknik mengarang bagi menarik minat pelajar memahami dan mengetahui bentuk-bentuk bertulis pada simbol bahasa serta menggalakkan pembelajaran kepelbagaian kemahiran bahasa (Rushdi 1989).

Malah menurut Down Byrne (1979), pembelajaran kemahiran menulis adalah untuk memenuhi keperluan psikologi pelajar. Kemahiran menulis akan dapat meningkatkan penguasaan bahasa pelajar dan dapat mewujudkan kepelbagaian aktiviti dalam pembelajaran bahasa.

Selain daripada itu, Muhammad Salim (2010) berpendapat pembelajaran kemahiran menulis adalah bertujuan untuk berkomunikasi di tempat kerja, dalam situasi pendidikan dan untuk tujuan kehidupan. Ab. Halim et al. (2010) pula menyatakan tujuan pembelajaran kemahiran menulis adalah sebagai satu kaedah kepada pelajar untuk membina dan mengarang ayat-ayat yang kompleks bagi melahirkan perkara-perkara yang wujud di dalam minda mereka dengan menggunakan perbendaharaan kata yang telah dipelajari sama ada melalui pembacaan teks ataupun memperolehnya daripada kamus. Pembelajaran kemahiran menulis ini akan menggambarkan peningkatan penguasaan pelajar terhadap sesuatu bahasa melalui kemahiran menulis cerita, pendapat, idea dan sebagainya.

2.2 Penulisan Bahasa Arab

Karangan menurut kamus bermaksud gubahan (bunga, manik, permata) atau susunan, ciptaan (cerita, lagu dan lain-lain) atau karya yang terhasil daripada proses mengarang. Mengarang ialah proses menyusun (bunga, manik, permata) hingga kelihatan menarik atau enak dipandang. Mengarang bahan deskriptif atau sensori pula merupakan proses mengarang kata-kata sehingga enak dibaca atau didengar. (Mahzan 2003)

Menurut Salleh 'Abdul Majid al 'Arabi (1986) dalam Rosni Samah (2009:103), perkara utama dalam proses penulisan bahasa Arab adalah seperti berikut :

- i. Memulakan penulisan dari kanan ke kiri
- ii. Menulis huruf Arab
- iii. Menulis perkataan dengan ejaan yang betul
- iv. Membentuk susunan ayat yang betul dan dapat difahami oleh pembaca.
- v. Menggunakan susunan ayat dalam perenggan yang betul dalam bidang-bidang berikut :
 - a. Imla' atau tulisan
 - b. Imla' secara pindah ayat
 - c. Imla' secara lihat
 - d. Imla' secara uji
 - e. Khat
 - f. Ta'bir dan Insya'
 - g. Ta'bir ringkas
 - h. Ta'bir secara ucapan
 - i. Ta'bir bebas

Malah menurut Abdullah (2010:163) diantara kemahiran menulis secara umum adalah untuk memastikan pelajar mampu memindahkan perkataan yang telah mereka lihat dan dengar dengan penulisan yang betul. Selain itu juga beberapa objektif penulisan turut dinyatakan oleh Abdullah (2010:164) adalah seperti berikut:

1. Mampu untuk menyatakan idea yang baik dan bersesuaian dengan tujuan
2. Mampu untuk menulis pendapat atau cadangan ke atas sesuatu tajuk yang didengar atau dibaca.
3. Mampu untuk memindahkan maklumat yang didengar atau dibaca dalam bentuk penulisan.

Sistem pengajaran dan pembelajaran di Malaysia telah menekankan kemahiran menulis bahasa Arab dalam pembelajaran di sekolah. Kemahiran ini telah dipelajari oleh pelajar serentak dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain dalam satu masa pengajaran dan pembelajaran bahasa. Malah di sekolah, kemahiran menulis dan membaca bukanlah suatu perkara yang terpisah tetapi telah dijalankan secara serentak walaupun pada dasarnya kemahiran menulis sebaiknya dipelajari selepas pelajar mahir dengan kemahiran bertutur dan membaca.

Malah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut menekankan pembelajaran penulisan bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa disamping menggariskan beberapa objektif pengajaran penulisan bahasa Arab di peringkat sekolah bagi membolehkan pelajar mencapai perkara-perkara berikut:

1. Menulis dalam pelbagai bidang dan berbincang tentangnya.
2. Menguasai kemahiran menulis khat *nasakh* mengikut kaedahnya yang betul.
3. Menguasai perkataan baru tidak kurang dari 800 perkataan dan menggunakannya untuk bertutur, membaca dan menulis.

4. Menguasai kaedah nahu serta mampu mempraktisnya.
5. Menggunakan kamus Arab yang sesuai bagi mempertingkatkan penguasaan kosa kata.

2.2.1 Objektif Penulisan Bahasa Arab

Menurut Muhammad Kamal al-Naqah (1985), objektif penulisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah untuk mencapai perkara-perkara berikut :

- i. Menulis huruf Arab dan mengetahui hubungan antara baris huruf dengan bunyi sebutan
- ii. Menulis perkataan Arab dengan huruf bercerai dan huruf bersambung serta dapat membezakan baris huruf pada awal perkataan, pertengahan dan akhir.
- iii. Memperkemaskan cara menulis dengan tulisan yang jelas dan betul.
- iv. Memperkemaskan tulisan.
- v. Memperbaiki penulisan yang bermula dari kanan ke kiri.
- vi. Mengetahui tanda-tanda penulisan dan maksudnya serta penggunaannya.
- vii. Mengetahui prinsip-prinsip tulisan dan mengetahui perbezaan antara sebutan dengan penulisan seperti *tanwi:n*, *hamzat* dan *ta'*.
- viii. Menterjemahkan idea dalam bentuk penulisan dengan menggunakan susunan ayat yang betul.
- ix. Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat dengan menggunakan perkataan yang betul dalam konteks ayat.
- x. Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat yang betul mengikut kaedah nahu.
- xi. Menggunakan gaya bahasa yang sesuai bagi tema yang diungkapnya

- xii. Menulis dengan pantas bagi menggambarkan idea dalam bentuk ayat yang betul.

Justeru itu, Rosni Samah (2009:13) telah menyatakan bahawa strategi pembelajaran di peringkat permulaan bagi kemahiran menulis ialah membiasakan diri dengan menulis perkataan dan ayat yang dipelajari serta memperbanyakkan latihan menulis dengan betul. Menurutnya lagi, pelajar digalakkan untuk menyalin perkataan dan ayat yang telah mereka baca dan dengar. Seorang pelajar akan dapat menulis dengan baik sekiranya beliau dapat memenuhi kriteria-kriteria tersebut (Salleh ‘Abdul Majid al-‘Arabi:y : 1981)

- i. Mengenali huruf
- ii. Menulis huruf
- iii. Menulis huruf sambung
- iv. Menulis perkataan

Muhammad Kamil al-Naqah (1985) juga turut menyatakan bahawa pelajar hendaklah mampu menulis teks berdasarkan bahan bacaan yang telah mereka baca. Disamping itu juga, pelajar mampu untuk membuat rumusan dan laporan terhadap sesuatu peristiwa yang telah mereka dengar, lihat dan baca.

2.2.2 Bentuk Penulisan Bahasa Arab

Terdapat tiga bentuk utama dalam kemahiran menulis bahasa Arab yang bermula dengan *imla:’* (ejaan), penulisan *khat* dan penulisan *ta’bi:r* (Rosni 2009:105). Bidang *imla:’* merupakan peringkat permulaan dalam proses membina kemahiran menulis dalam mempelajari bahasa asing yang berasaskan kepada tiga kemahiran asas iaitu

kemahiran mendengar, kemahiran mengingat dan kemahiran menulis kembali perkara yang diingati tersebut.

Dalam konteks pendidikan mengikut pendapat Che Radziah (2006) matlamat pengajaran sesuatu bahasa adalah untuk melahirkan pelajar yang berketrampilan dalam keempat-empat kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Justeru itu, kemahiran menulis adalah kemahiran yang paling tinggi kedudukannya dan paling sukar untuk dipelajari. Ini kerana penguasaan kemahiran ini memerlukan tempoh masa yang panjang, di mana ia berkaitan secara langsung dengan usaha mengarang kata-kata atau bahasa. Menurut beliau lagi, kata-kata tersebut akan diolah dan disusun menjadi frasa, kemudian diolah menjadi ayat seterusnya menjadi perenggan dan akhirnya perenggan tersebut akan membentuk karangan yang lengkap dan mempunyai kesatuan. Malah menurut Rosni Samah (2011), peringkat dalam mengarang kata-kata atau *ta'bi:r* boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu :

1. Menulis huruf, perkataan, ayat dan perenggan bahasa Arab dengan tulisan yang jelas dan tanda yang betul
2. Menulis ayat-ayat pendek dan ungkapan-ungkapan bahasa Arab
3. Menulis petikan dan artikel

Dalam bidang pendidikan, keupayaan menulis karangan dengan baik dan berkesan merupakan penilaian yang terakhir bagi seseorang pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa. Ini kerana kemahiran menulis karangan dengan baik memerlukan beberapa perkara asas seperti kemampuan menulis perkataan, kemampuan menggunakan ayat dan kemampuan mengungkapkan ungkapan (*ta'bi:r*) supaya dapat ditulis dengan baik (Hasan Shaḥatah, 1993). Malah penulisan karangan juga turut akan menjadi lebih kompleks sifatnya pada peringkat universiti atau institusi pengajian tinggi. Menurut (Che Radiah, 2006) karangan pada peringkat tersebut memerlukan

pelbagai ciri kebahasaan yang meliputi peraturan berkaitan morfologi, sintaksis dan semantik. Malah kemahiran ini juga turut bergantung kepada kemampuan pelajar dalam menggayakan bahasanya (Rosni Samah, 2011:130). Justeru itu, tahap penguasaan yang baik dan memuaskan merupakan syarat yang penting dalam menghasilkan penulisan yang baik.

Selain daripada itu, dua kemampuan utama diperlukan bagi menghasilkan penulisan yang baik dan berkesan iaitu pengetahuan tentang topik yang hendak ditulis atau isi karangan itu sendiri dan kedua ialah pengetahuan tentang aspek kebahasaan dan tatacara penulisan (Che Radiah, 2006) Pengetahuan yang baik terhadap keduanya akan membantu penulis menyusun dan menyampaikan isi karangan tersebut dengan lebih sistematik dan lebih efektif dan hal ini akan menjadi semakin rumit bagi pelajar bahasa kedua kerana penguasaan kemahiran menulis karangan ini memerlukan pelajar tersebut menguasai kosa-kata yang luas bagi bahasa tersebut serta penggunaannya yang betul di dalam ayat. Ini adalah kerana perbendaharaan kata atau dikenali sebagai kosa-kata adalah menjadi elemen utama yang menjadi tunggak dalam sesebuah karangan keseluruhannya.

2.2.3 Kajian Kemahiran Penulisan dalam bahasa Arab

Seperti sedia maklum kemahiran menulis merupakan kemahiran yang terakhir yang perlu dikuasai oleh para pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Ghazali (2006) menyatakan dalam kajiannya "*Kemahiran Menulis Tulisan Arab di Kalangan Pelajar-Pelajar UITM*" bahawa beberapa aspek perlu diperbaiki dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Arab seperti pendekatan penyampaian dan teknik peneguhan kemahiran menulis di samping penambahbaikan perlu dilakukan terhadap modul bahasa Arab yang sedang digunakan.

Selain itu, dalam kajian yang dilakukan oleh Nurulasyikin (2006) “*Kemahiran Menulis Aksara Arab di Kalangan Pelajar Sifar Arab,*” telah melihat tahap penguasaan kemahiran menulis aksara Arab di kalangan pelajar yang sifar Arab iaitu: (1) secara bersambung; (2) terpisah; dan (3) mencerakinkan perkataan kepada aksara asal serta mengenal pasti jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Hasil kajian menyatakan bahawa perlu penekanan yang lebih terhadap penulisan aksara Arab untuk memberi pemahaman yang mendalam serta memastikan pelajar menguasai kemahiran menulis aksara dengan baik sebelum meneruskan peajaran di peringkat yang seterusnya. Malah menurut Che Radziah (2006:3) dalam kajiannya juga telah menyatakan bahawa penguasaan kosa kata atau leksikal yang meluas merupakan salah satu aspek ke arah pembentukan karangan yang baik dan sempurna.

2.2.4 Kelemahan dalam Penulisan Karangan bahasa Arab

Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia adalah lebih berteraskan kaedah *Nahw* dan terjemahan (Zainol Abidin 2003:36). Zainol Abidin dalam kajiannya (2003) telah menyatakan bahawa kebanyakan pelajar Melayu tidak menguasai kemahiran menulis ayat Bahasa Arab berikutan disebabkan banyak faktor antaranya ialah kaedah pengajaran guru dan cara pembelajaran pelajar, pengaruh bahasa melayu dan pengolahan terhadap ayat dalam buku teks serta sukatan pelajaran yang tidak meluas terhadap semua bentuk ayat dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya. Abdullah (2010:162) juga turut menyatakan kelemahan dalam penulisan bahasa Arab adalah disebabkan sistem pengajaran di sekolah lebih banyak menumpukan kepada kemahiran hafalan.

Malah Zainol Abidin dalam kajiannya (2003:140) juga turut menyatakan bahawa guru-guru bahasa Arab bersetuju bahawa kelemahan pelajar dalam menulis ayat

karangan adalah seperti menggunakan perkataan melayu dalam membentuk dan menulis ayat, kesalahan dari segi jantina, bilangan, ganti nama, kata hubung, kata soal, penggunaan huruf *nafy* di hadapan kata nama atau kata kerja dan sebagainya serta penggunaan gaya bahasa melayu dalam menulis ayat.

Yusniza (2006) turut meninjau meninjau faktor-faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi kemahiran menulis Bahasa Arab Komunikasi dalam kalangan pelajar tingkatan tiga dari tiga buah sekolah menengah di Negeri Sembilan dalam kajiannya, "*Pengaruh Faktor-Faktor Luaran dan Dalaman Pelajar Sekolah Menengah terhadap Kemahiran Menulis Bahasa Arab*", telah menunjukkan bahawa tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar berada pada tahap baik. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati wujud perbezaan yang signifikan ke atas tahap penguasaan kemahiran menulis di antara ketiga-tiga buah sekolah yang menunjukkan hanya faktor kecerdasan mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan kemahiran menulis berbanding faktor psikologi, persekitaran dan guru.

Selain itu juga, terdapat juga kajian mengenai karangan dalam bidang analisis kesilapan yang telah dijalankan oleh Che' Radziah Mezah (1995) terhadap 120 orang pelajar tingkatan enam Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) yang menyatakan aspek kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah tatabahasa, ortografi, kekeliruan dengan menggunakan huruf, memasukkan huruf yang tidak perlu, kesalahan membuang huruf yang perlu ada dan kesalahan membuang partikel yang perlu. Walaupun pelajar-pelajar telah didedah oleh pengajaran tatabahasa Arab secara sistematik dengan pengenalan kepada istilah-istilah tatabahasa, tanda baca dan sebagainya, namun tidak dapat dinafikan bahawa para pelajar masih banyak melakukan kesilapan dalam menulis ayat asas bahasa Arab. Pendapat ini disokong dengan kajian yang dilaksanakan oleh Abdul Ghani Md Hassan (1999), dan seterusnya kajian yang dijalankan oleh Zulkifli Junoh (2000) terhadap tahap penguasaan pelajar terhadap pembentukan ayat Bahasa Arab.

Menurut Hassan Basri A.M Dahan (1996), dalam kajian beliau mengenai “*Analisis Kesilapan dalam Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Satu Kajian Terhadap Pelajar Tahun Akhir Akademi Islam Universiti Malaya*” telah menganalisa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tahun akhir Akademi Islam Universiti Malaya. Kajian tersebut adalah untuk melihat sejauh mana kesilapan-kesilapan tersebut masih dilakukan oleh pelajar yang berada di tahap terakhir pembelajaran Bahasa Arab

Menurut dapatan kajian tersebut, mutu kemahiran menulis dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab di Malaysia masih rendah dan punca utama kepada kelemahan ini telah dikenal pasti iaitu strategi pengajaran dan pembelajaran yang membabitkan sukatan itu sendiri, pengaruh bahasa ibunda dan sikap pelajar. Malah Zainol Abidin (2003) turut bersetuju bahawa kesilapan yang berterusan ini jelas membuktikan bahawa penggunaan kaedah pembelajaran dan pengajaran tatabahasa yang berterusan bukanlah satu jaminan bagi pelajar menguasai penulisan karangan bahasa Arab yang baik. Namun beliau tegas menyatakan, tiada rumusan yang tepat daripada kajian-kajian tersebut yang menyatakan punca kelemahan adalah disebabkan oleh faktor kaedah pembelajaran, kaedah pengajaran, guru, sukatan pelajaran dan sebagainya.

Manakala kajian Kamarulzaman dan Nik Rahimi (2001) pula, telah dijalankan keatas seramai 124 orang guru-guru pelatih bahasa Arab di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Setiap responden dikehendaki menulis sebanyak 200 perkataan menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 24,000 perkataan. Dapatan kajian mendapati, jumlah kesalahan *imla'* yang dilakukan oleh responden ialah sebanyak 3,396 (13.7%) patah perkataan. Namun begitu menurut Khazri Osman dan Ku Siti Esah Ku Ibrahim (2012) dalam kajian “*Analisa Kesalahan Pelajar dalam Penulisan Bahasa Arab: Kajian Kursus Maha:ra:t Al-Kita:bah*” telah mendapati kesalahan yang paling kurang dilakukan oleh pelajar ialah aspek *imla'*, pemilihan kata tunggal, duaan dan jamak, pemilihan *ishtiqaq*, penyesuaian *mudhakkar* dan *muannath*, pemilihan

ta'diyah dan tatabahasa manakala kesalahan paling banyak dilakukan adalah dari segi membaris perkataan, diikuti aspek *dilalah*.

Seterusnya kajian yang telah dijalankan oleh Zaidi (2011), "*Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Menerusi Program J-Qaf*" adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang terlibat dalam penguasaan kemahiran menulis telah menyatakan bahawa pelajar lemah dalam penguasaan menulis ayat bahasa Arab dari segi menukar pola kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini dan kata kerja imperatif. Malah menurut Rosni (2012), dalam kajiannya "*Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama*" turut menyatakan bahawa tahap pelajar dalam penyusunan perkataan adalah baik dan menyambung ayat pula adalah sederhana, manakala dalam menulis karangan tahap pelajar adalah lemah.

Kesimpulannya, faktor kelemahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab adalah tidak mempunyai kemahiran atau teknik berfikir dalam bahasa Arab, tidak mampu mengolah perkataan dan gaya bahasa yang gramatis dalam ayat, serta pelajar juga tidak mampu menguasai struktur dan ragam ayat bahasa Arab dan turut mengalami gangguan dalam perbendaharaan kata yang terhad dalam kalangan pelajar.

Justeru itu, penulis berpendapat bahawa pelbagai strategi perlu dilaksanakan dalam membantu penguasaan penulisan karangan pelajar. Ini berikutan kajian terdahulu lebih memfokuskan kepada aspek-aspek tatabahasa, retorik, pengajaran dan analisa kesilapan. Walau bagaimanapun, kajian dan penyelidikan terhadap kaedah, strategi dan teknik pembelajaran bagi membantu pelajar menyelesaikan permasalahan dalam penulisan masih lagi kurang dikaji.

2.3 Imitasi

2.3.1 Definisi Imitasi

Sebelum membahaskan pengertian strategi imitasi secara lebih terperinci, terlebih dahulu pengkaji akan menerangkan secara ringkas maksud imitasi. Imitasi adalah daripada perkataan Indonesia Belanda yang bermaksud tiruan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Malah menurut Haji Zainal Abidin Safarwan (*Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* 1995), Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (*Tesaurus Melayu Moden Utusan* 1994) turut menyokong penggunaan perkataan imitasi bagi membawa makna tiruan, ciplakan dan salinan.

Menurut Mawrid (2005:450) pula, perkataan imitasi di dalam bahasa Arab disebut sebagai *Muha:ka:ṭ* (المحاكاة), Taqli:d (تقليد) atau Tazyi:f (تزييف).Istilah *Muha:ka:ṭ* dalam bahasa Arab berdasarkan kata kerja seperti berikut:

حَاكَى - يُحَاكِي - مُحَاكَاةً

Menurut *Mu'jam 'Arabiyy Asasiyy*:, maksud imitasi ialah menyerupai sesuatu pada percakapan, perbuatan dan selain daripadanya. Malah *Mu'jam Wasi:ṭ* (2004:190) juga menyatakan perkara yang sama iaitu:

شَابَهَهُ فِي الْقَوْلِ أَوْ الْفِعْلِ أَوْ غَيْرِهِمَا

Menurut Ibn Manẓur pula dalam *Lisa:n al-'Arab*, makna imitasi adalah persamaan.

فُلَانٌ يَحْكِي الشَّمْسَ حُسْنًا وَيُحَاكِيهَا بِمَعْنَى

Maksudnya: Seseorang yang menceritakan tentang matahari dari segi kecantikannya dan dia meniru kecantikan matahari itu dari segi maknawinya.

Berdasarkan definisi-definisi tersebut dapat disimpulkan bahwa imitasi adalah satu pembelajaran yang dikenali sebagai pembelajaran melalui pemerhatian dan kemudian melakukan kembali tindakan yang sama dengan model yang diperhatikan. Konsep pembelajaran imitasi ini telah melalui pelbagai proses analisis dan kajian yang telah dilakukan oleh pelbagai tokoh pembelajaran melalui sejarah psikologi. Menurut Neil Miller dan John Dollard (1941) mengatakan bahawa pembelajaran imitasi adalah hasil proses pembelajaran yang ditiru daripada orang lain. Proses pembelajaran tersebut dinamakan “Pembelajaran Sosial”. Proses ini telah melaksanakan penggabungan dua teori serentak iaitu teori mazhab behaviorisme dengan teori mazhab kognitif. Seterusnya proses pembelajaran ini telah diperkembangkan lagi kajiannya oleh Albert Bandura dan Richard Walters (1959,1963), yang telah menjalankan kajian tentang pembelajaran melalui proses permodelan iaitu pembelajaran melalui proses pemerhatian atau peniruan.

2.3.1.1 Teori Pembelajaran Mazhab Behaviorisme

Seperti sedia maklum, proses pembelajaran sosial adalah satu proses yang melaksanakan penggabungan dua teori iaitu mazhab behaviorisme dengan mazhab kognitif (Neil Miller dan John Dollard, 1941), maka Crystal (1987:372) pula berpendapat bahawa teori pembelajaran bahasa perspektif behaviouris merupakan suatu proses imitasi dan pengukuhan semula oleh pelajar untuk meniru apa yang didengar, dan melalui latihan yang banyak, pelajar berupaya untuk menghasilkan satu set tabiat yang boleh diterima dalam bahasa baru.

Crystal (1987) juga menegaskan bahawa pelajar-pelajar bahasa khususnya pelajar bahasa asing memindahkan bunyi-bunyi bahasa, struktur-struktur dan penggunaannya dari satu bahasa kepada bahasa yang lain. Namun begitu, akibat daripada proses tersebut, Crystal (1987:372) telah berjaya mendapati bahawa dua kesan yang mungkin terjadi kepada pelajar bahasa asing, iaitu: (1) pindahan positif atau (2) pindahan negatif.

Pindahan positif ini merupakan suatu pendekatan yang digunakan oleh pelajar-pelajar bahasa asing dengan menggunakan perilaku-perilaku semasa mempelajari bahasa pertama dalam keadaan bahasa kedua. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar tersebut mempelajari bahasa asing dengan menggunakan strategi-strategi yang dipraktikkan semasa mempelajari bahasa pertama. Justeru pindahan positif ini dirujuk kepada pelajar-pelajar yang berjaya dan memahirkan diri setelah mempelajari bahasa asing.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pelajar-pelajar bahasa asing yang tidak mendapat manfaat, kebaikan dan kejayaan daripada proses pembelajaran bahasa asing masing-masing. Akibatnya, golongan ini banyak melakukan kesalahan bahasa sewaktu menggunakan bahasa asing mereka. Fenomena ini dikenali sebagai gangguan dan sekaligus merupakan pindahan negatif dalam proses pembelajaran bahasa asing. Keadaan ini menjadi punca utama yang membawa kesulitan dan kesusahan kepada pelajar-pelajar semasa mempelajari bahasa asing sehingga menyebabkan mereka tidak bermotivasi dan akhirnya berputus asa dan kecundang dalam proses pembelajaran bahasa asing.

Teori ini turut disokong oleh Andrian (Andrian Yao Yong Tat, 2007:64) mendapati bahawa teori behaviouris amat bergantung kepada imitasi bunyi bahasa sebagai pendekatan untuk mempelajari bahasa asing. Pelajar bahasa asing mempelajari

bahasa asing berlandaskan strategi pembelajaran bahasa yang sama seperti mempelajari bahasa pertama atau ibunda mereka iaitu: imitasi dengan mendengar, menulis, membaca atau bertutur daripada suatu sumber, sama ada sumber tersebut merupakan seorang guru atau penutur jati bahasa asing tersebut. Daripada proses imitasi ini, pelajar-pelajar tersebut akan cuba sedaya-upaya untuk mengembangkan struktur bahasa asing yang dipelajari secara peringkat demi peringkat.

2.3.1.2 Teori Pembelajaran Mazhab Kognitif

Teori Kognitif pula melihat pembelajaran sebagai satu proses yang aktif dan dinamik yang melibatkan akal fikiran seseorang pelajar untuk melaksanakan pemprosesan maklumat dan data. Menurut O'Malley & Chamot (1990:190) melalui model yang dikenali sebagai Pendekatan Pembelajaran Bahasa Akademik Kognitif (Cognitif Academic Language Learning Approach, CALLA), telah menyenaraikan sepuluh strategi pembelajaran kognitif. Antara strategi-strategi kognitif yang penting iaitu (1) pencarian bahan, (2) pengumpulan, (3) pencatatan nota, (4) rumusan, (5) deduksi, (6) imejan, (7) representasi pendengaran, (8) penghuraian, (9) pindahan, dan (10) pentakbiran.

Teori ini juga turut melibatkan pelajar berhadapan dengan persekitaran dan mendapat pelbagai rangsangan secara sedar atau tidak sedar, dan sengaja atau tidak sengaja. Rangsangan ini akan dirasai atau dialami melalui deria yang kemudiannya akan diproses melalui sistem saraf untuk dikenali. Maklumat yang diperolehi tersebut akan disimpan ke stor ingatan jangka pendek untuk proses memilih, mentafsir, menyimpan, memanggil semula dan menyahkan item bahasa.

Menurut Hismanoglu (2000:5) berpendapat bahawa strategi kognitif O'Malley(1985) lebih menjurus kepada aktiviti pembelajaran spesifik dan dikaitkan dengan pemanipulasian langsung terhadap bahan-bahan pembelajaran.

Malah menurut Crystal (1987:372), pelajar bahasa asing akan menggunakan kreativiti akal untuk menghasilkan strategi-strategi, mencuba keberkesanan strategi-strategi dan mengubahsuaikannya untuk memastikan kejayaan strategi-strategi tersebut. Crystal (1987) juga berpendapat bahawa pelajar-pelajar yang mengamalkan pendekatan teori kognitif ini lebih berjaya berbanding dengan pendekatan behaviouris kerana pelajar memperolehi lebih banyak pengetahuan mengenai strategi-strategi pembelajaran. Teori ini turut disokong oleh Adrian (2007:65) yang mendapati bahawa teori pembelajaran bahasa asing perspektif kognitif lebih bermanfaat dan munasabah daripada teori pembelajaran bahasa asing perspektif behaviouris. Hal ini kerana teori pembelajaran bahasa asing perspektif kognitif memberikan kawalan sepenuhnya kepada pelajar-pelajar dalam proses pembelajaran bahasa asing tersebut. Pelajar-pelajar tidak diajar untuk mengikut secara bulat-bulat apa yang diajar dan dipelajari sebaliknya pelajar-pelajar digalakkan berfikir secara kreatif untuk meyelesaikan masalah dalam proses pembelajaran bahasa asing.

2.3.1.3 Teori Pembelajaran Mazhab Kognitif Sosial

Bandura (1997) berpendapat teori pembelajaran sosial adalah satu hubungan timbal balas antara tingkah laku, persekitaran dan faktor peribadi. Justeru, Kamarul Shukri & Mohamed Amin (2010:28) menyatakan melalui teori pembelajaran ini, membolehkan pelajar bahasa memerhati dan meniru model serta membina efikasi sendiri. Pelajar akan cuba mempertingkatkan kemahiran bahasa mereka dengan meniru penutur asli atau guru bahasa sasaran.

Teori ini juga turut melihat pelajar sebagai individu yang terlibat secara aktif dalam pembelajaran turut dikelilingi oleh persekitaran sosial, dan pembelajarannya akan berlaku melalui interaksi dengan orang ramai. Keadaan ini telah menghasilkan satu jalinan yang kuat antara interaksi sosial, konteks sosial dengan bahasa (Donato 2000).

Vygotsky (1962,1978) menyatakan bahawa kematangan pemikiran pelajar berkembang dengan meniru dan memerhatikan bagaimana model, guru atau orang yang lebih mahir melakukan sesuatu tugas. Seterusnya pelajar tersebut akan melakukan tugas bahasa itu sendiri dengan panduan model dan guru. Pelajar akan mula bekerja di bawah sokongan dan bimbingan model, guru dan orang yang lebih mahir. Seterusnya sokongan dan bimbingan tersebut akan mula berkurangan apabila pelajar semakin mahir. Teori ini menunjukkan kepentingan peranan model dan contoh dalam pembelajaran bahasa asing.

2.3.2 Penggunaan Model Karangan

Sebahagian penyelidik penulisan bahasa kedua dan asing bersetuju bahawa para pelajar harus digalakkan dalam menggunakan model karangan dalam membantu penguasaan kemahiran menulis mereka. Pernyataan ini turut disokong oleh Ferris dan Hedgcock (1998) bahawa pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai jenis bahan bacaan berikutan adalah amat sukar untuk menguasai kemahiran menulis dengan hanya menggunakan kaedah penulisan sahaja. Pendapat tersebut juga turut dinyatakan oleh Eschholz (1980) bahawa pelajar bahasa kedua menulis bergantung dengan apa yang mereka baca dan mereka dapat meningkatkan penguasaan kemahiran menulis melalui pembacaan. Beliau juga turut bersetuju bahawa model karangan dapat membantu dalam pembelajaran penulisan karangan. Terdapat pelbagai bahan bacaan yang dihasilkan

untuk membantu aktiviti penulisan pelajar. Bahan bacaan biasa dalam kalangan pelajar adalah buku-buku teks dan buku-buku contoh karangan yang terdapat di pasaran.

Namun begitu, terdapat beberapa pandangan yang tidak menyokong penggunaan model karangan sebagai alat bantu penulisan. Menurut Gobby (1997), penggunaan model karangan dalam penulisan akan menyekat pelajar bahasa kedua berkreatif. Walau bagaimanapun, pendapat itu tidak disokong oleh McCampbell (2012) yang menyatakan bahawa penggunaan model karangan adalah salah satu teknik untuk memantapkan pembelajaran penulisan karangan. Penggunaannya bukanlah satu cara menyelesaikan masalah dalam penulisan tetapi ia bertindak sebagai bahan bantuan untuk membantu pelajar menulis dengan lebih baik dalam menzahirkan idea mereka kepada pembaca.

2.3.3 Pendekatan Pembelajaran Penulisan Berasaskan Model

Pendekatan model adalah merupakan strategi pembelajaran kemahiran menulis yang menggunakan bahan-bahan prosa sebagai model. Bahan prosa tersebut adalah dari segi gaya penulisan, pemilihan diksi, penyusunan idea dan pembinaan perenggan akan digunakan dalam pembelajaran kemahiran menulis pelajar. Berdasarkan pendekatan ini, pelajar akan meniru aspek-aspek yang dikehendaki melalui model dan mengaplikasikannya di dalam penulisan mereka, khususnya karangan.

Pendapat tersebut turut dinyatakan oleh Za'ba (1965) bahawa untuk mahir dalam penulisan adalah perlu membaca banyak karangan yang baik. Ini adalah kerana tiada kaedah lain untuk menulis kecuali daripada pembacaan yang banyak (Kamarudin, 1997:107). Melalui pembacaan, pelajar dapat mengarang dan menulis sesuatu yang baru dan baik, malah pendekatan pembelajaran berasaskan model adalah satu cara untuk meningkatkan kemahiran menulis. Hal ini adalah kerana, pendekatan ini dapat mendedahkan pelajar dengan kaedah menganalisis dan meniru hasil karya penulis yang

baik dan sistematis. Dengan cara ini juga, pelajar akan dapat menambah idea-idea baru serta teknik-teknik dan cara penulisan yang telah digunakan oleh penulis-penulis yang baik. Selain daripada itu, imitasi juga adalah satu teknik permodelan dan pengukuhan yang bertindak sebagai jambatan untuk membantu pelajar agar mampu menghasilkan hasil secara baik tanpa kehadiran dan bantuan dari model pada masa akan datang (Skinner, 1975; Sloane dan Mac Aulay, 1968)

Malah menurut Steve Krashen (1981), membaca adalah satu cara untuk meningkatkan kemahiran menulis. Malah menurut beliau juga, kemahiran menulis bukanlah satu kemahiran yang dipelajari tetapi dapat diperolehi berdasarkan membaca. Ini membuktikan bahawa kemahiran membaca dan menulis adalah saling berkait rapat di antara satu sama lain. Pendapat ini turut di sokong oleh Frank Smith (1983) yang menyatakan bahawa pelajar tidak belajar melalui arahan tetapi mereka belajar melalui model contoh. Teori-teori tersebut telah menjelaskan kepentingan model dalam meningkatkan kemahiran menulis. Ini juga turut menjelaskan bahawa kemahiran menulis dapat diperolehi oleh pelajar melalui peniruan atau imitasi menggunakan bahan sebagai model. Maka dapat disimpulkan di sini bahawa, pendekatan model ini adalah selaras dengan mazhab Behaviorisme. (Kamarudin:1997). Malah menurut Rahmawati (2007) dalam Yayan Nurbayan (2011) menyatakan bahawa imitasi adalah sesuai untuk diaplikasi kepada pembelajaran menulis

Selain itu juga, menurut Escholz dalam Narayanan Kunchi Raman (1992), pendekatan model adalah salah satu kaedah yang membantu seseorang pelajar memperbaiki kemahiran menulis melalui bacaan berarah. Malah Kamarudin (1997:109) turut menyatakan bahawa kemahiran membaca dan kemahiran menulis adalah kemahiran yang saling berhubung kait antara satu sama lain. Justeru itu, cara yang terbaik untuk menguasai kemahiran menulis adalah dengan menganalisis dan meniru model secara sistematis.

2.3.4 Kajian Penggunaan Imitasi dalam Penulisan

Menurut James F. McCampbell (1966:772), penggunaan imitasi adalah diantara teknik yang digunakan untuk mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Namun begitu, penggunaannya bukanlah satu solusi dalam menyelesaikan masalah penulisan karangan tetapi ia menjadi satu cara untuk membantu pelajar dalam mempertingkatkan ekspresi idea-idea mereka. Malah menurut Bereiter dan Scardamalia (1984) yang telah menjalankan kajian untuk menguji keberkesanan penggunaan model dalam pembelajaran penulisan genre cerita suspen, genre analisis artikel, dan genre artificial telah mendapati bahawa pelajar bahasa pertama telah mendapat banyak faedah daripada penggunaan model disamping mementingkan elemen dan kandungan bahasa tersebut. Pendapat tersebut turut disokong oleh Charney dan Carlson (1995) yang telah menjalankan kajian ke atas kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan mendapati pelajar daripada kumpulan eksperimen yang menerima model karangan, dapat menulis dengan tersusun dan memasukkan maklumat-maklumat penting dalam karangan mereka berbanding kumpulan kawalan yang tidak menerima model karangan. Jacques Crinon dan Denis Legros (2002) juga turut berpendapat bahawa penggunaan model mampu membantu pelajar mencari kelemahan di dalam teks mereka untuk dinilai dan diperbaiki semula.

Menurut Rebekha Abbuhl (2011), bagi penulis baru, pembelajaran penulisan genre baru adalah perkara yang menakutkan kerana pelajar bukan sahaja perlu mempelajari genre tersebut tetapi perlu memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan genre tersebut seperti strategi, gaya bahasa (sociorhetorical) bagi genre tersebut. Justeru, untuk membantu penulis baru menyempurnakan penulisan mereka, guru bagi kedua-dua bahasa, bahasa pertama dan bahasa kedua dan pelajar akan menggunakan model teks sebagai alat bantu mereka (Charney & Carlson:1995, Hillocks:1986,

Macbeth :2010; Storlarek:1994. Ini turut disarankan oleh Marohaini (2001) yang telah menyarankan guru untuk memilih, merancang dan mengajar karangan secara berkesan dalam usaha peningkatan pencapaian penulisan pelajar.

Bagi Richard M. Eastman (1984) pula, kebanyakan peniruan di dalam penulisan adalah berbentuk pilihan daripada keseluruhan model seperti penggunaan leksikal tersendiri, struktur ayat atau pendekatan kepada pembaca. Justeru itu, orang yang mengimitasi dapat mengaplikasi imitasi secara selektif samaada mengolah kembali ayat di dalam penulisan tersebut atau mengadaptasi teknik atau gaya penulisan. Manakala Mahnaz Seidi dan Farnaz Sahebkhair (2011) di dalam kajian mereka, *The Effect of model Essays on Accuracy and Complexity of EFL Learners' Writing Performance* telah mencadangkan penggunaan model karangan di dalam pembelajaran penulisan pelajar dengan sewajarnya bagi mencapai tahap penulisan yang baik. Ini adalah berikutan, kajian tersebut telah menunjukkan bahawa model karangan telah mempengaruhi kebolehan pelajar secara signifikan di dalam prestasi penulisan karangan mereka

2.4 Gaya Bahasa

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005:106) gaya ialah cara menulis atau bertutur, cara membuat sesuatu, terutamanya yang menjadi ciri sesuatu zaman atau seseorang. Justeru apabila disebut gaya secara umum, kita dapat menyatakan bahawa gaya adalah cara mengungkapkan diri sendiri sebagai contoh gaya berpakaian yang bermaksud cara seseorang berpakaian manakala gaya percakapan ialah cara seseorang itu bercakap. Selain itu juga, Gaya boleh ditakrifkan sebagai satu cara menulis atau bercakap.

Walau bagaimanapun, perkataan *bahasa* diberi makna oleh *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 255) sebagai sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat

perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu dengan individu yang lain dan sebagainya). Maka, jika ditinjau dari segi ilmu gaya bahasa, ia memberi takrifan cara pemakaian bahasa, iaitu pengetahuan tentang pemilihan, penyusunan, penggunaan sesuatu perkataan dan ayat. Melalui gaya bahasa seseorang, kita dapat menilai peribadi seseorang (Gorys Keraf 1984 :113), jika baik gaya bahasanya, maka baiklah penilaian orang terhadapnya, jika buruk gaya bahasanya, maka buruklah penilaian orang terhadapnya. Di dalam bidang penulisan pula, gaya bermaksud corak, bentuk, rupa, atau pengetahuan tentang penggunaan kata-kata dan penyusunan ayat.

Menurut Tarigan(1985) kejayaan seorang penulis adalah bergantung kepada penggunaan gaya bahasa dalam penulisan. Penggunaan gaya bahasa ini sedikit sebanyak dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti usia, pendidikan, pengalaman dan kecekapan penulis tersebut menulis sesuatu cerita. Malah menurut Gorys Keraf (2009:112-113) pula menyatakan bahawa gaya bahasa adalah satu cara penulis menyatakan pemikirannya melalui penulisan bahasa yang melambangkan keperibadian penulis itu sendiri. Menurut beliau lagi, gaya bahasa juga dikenali sebagai retorik.

Namun begitu Za'aba (1962:71) pula berpendapat, gaya bahasa ialah rupa susuk bahasa yang dipakai apabila bercakap atau mengarang, iaitu tentang perkataan, ikatan ayatnya, jalan bahasanya, cara susunan atau bentuk pembahasaanya. Gaya bahasa juga dikatakan sebagai kekuatan perbandingan yang dipakai dalam karangan. Bahasa yang dipakai itu ialah untuk menimbulkan daya (iaitu kata-kata biasa, sindiran dan perbandingan) yang mana ianya terhasil dari peribadi seseorang pengarang. Dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa gaya bahasa merupakan satu corak, bentuk kata-kata dan penyusunan kalimat yang digunakan sewaktu berhubung di antara satu sama lain secara lisan mahupun tulisan.

Malah menurut Graham Hough (Rahman Shaari, 1993:3), hubungan diantara bahasa dan gaya bahasa adalah ibarat seperti bahasa ialah pakaian fikiran, dan gaya bahasa pula diibaratkan sebagai fesyen kepada pakaian tersebut. Sementara itu, Keris Mas (1988: 13-16) pula mentakrifkan gaya bahasa sebagai cara atau ragam bahasa itu diguna, khususnya dalam tulisan atau karangan untuk maksud-maksud tertentu seperti menghuraikan ilmu pengetahuan, berucap di hadapan khalayak dan sebagainya, merujuk kepada cara seseorang penulis menggunakan bahasa. Manakala Fatimah Busu (2003:16) pula mendefinisikan gaya bahasa seperti nadi yang berdenyut dan menghidupkan sesuatu karya.

Justeru itu, daripada beberapa definisi yang diberikan tadi, bolehlah dikatakan gaya bahasa sama ada dalam percakapan, mahupun penulisan akan bergantung kepada penulis atau penutur, atas apa yang mahu disampaikan oleh mereka. Gaya bahasa ini juga adalah hasil daripada usaha penulis dalam memanipulasi bahasa yang sedia ada dan seterusnya mengeksploitasi bahasanya dalam penulisan.

Dari segi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, gaya bahasa di dalam bahasa Arab disebut sebagai *Uslu:b* (أسلوب) dan menjadi salah satu subtopik yang dibincangkan dalam ilmu sintaksis dan retorik bahasa Arab (علم المعاني). Setiap gaya bahasa tersebut membawa makna tertentu yang berbeza dengan gaya bahasa yang lain. Istilah *uslu:b* dalam bahasa Arab berdasarkan kata kerja seperti berikut:

سَلَبَ - يَسْلُبُ - سَلْبًا

Menurut *Mu'jam 'Arabiyy Asasi*: maksud asalnya ialah merampas atau menguasai.

*سَلَبَ الْأَمْوَالَهُ (Perompak telah merampas hartanya).

*سَلَبَتْ الْمَرْأَةُ قُوَادَهُ أَوْ عَقْلَهُ (Perempuan itu telah menguasai hatinya atau akalunya)

Malah menurut *Mu'jam Wasi:t* (441), *Uslu:b* membawa maksud jalanatau mazhab.

سَلَكْتُ أُسْلُوبَ فُلَانٍ فِي كَذَا: طَرِيقَتُهُ وَمَذْهَبُهُ.
طَرِيقَةُ الْكَاتِبِ فِي كِتَابَتِهِ

Ibn Manzūr di dalam kamusnya yang besar, *Lisa:n al-'Arab* telah menyatakan makna *uslu:b* adalah seperti berikut:

كُلُّ طَرِيقٍ مُتَمَدٍّ فَهُوَ أُسْلُوبٌ، وَالْأُسْلُوبُ الطَّرِيقُ، وَالْوَجْهُ وَالْمَذْهَبُ، وَيُقَالُ أَنْتُمْ فِي أُسْلُوبٍ سُوءٍ

Maksudnya : Setiap jalan yang panjang adalah uslu:b, uslu:b ialah jalan/cara, wajah dan mazhab. Contohnya : Kamu di jalan yang buruk/salah/jahat.

Berdasarkan definisi dan takrifan di atas, dapat disimpulkan bahawa penggunaan *uslu:b* adalah bersesuaian dalam kajian ini. Ia membawa jalan atau cara sesuatu bahasa itu diucapkan atau dilontarkan. Malah menurut Husin dalam *Kamus Tulla:b* (1994:84), *uslu:b* membawa maksud gaya bahasa, cara, rupa bentuk, corak atau lagak. Ini bertepatan dengan Buku Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab (2002:19) yang diterbitkan oleh DBP yang telah menterjemahkan istilah *uslu:b* sebagai laras bahasa.

Laras bahasa boleh didefinisikan sebagai gaya atau cara penggunaan sesuatu bahasa. Sesuatu laras bermaksud variasi yang ada pada tiap-tiap penutur. Laras bahasa biasanya berubah-ubah mengikut situasi. Ciri-ciri laras yang penting ialah perbendaharaan kata, susunan ayat dan frasa yang digunakan. Sesuatu laras tertentu digunakan untuk keadaan atau situasi tertentu. Daripada suatu segi, dapat dikatakan bahawa dengan memilih laras yang tidak sama untuk situasi-situasi yang berlainan,

anggota masyarakat dapat menunjukkan bahawa mereka sedar akan situasi-situasi sosial yang berlainan yang wujud di sekitar mereka.

2.5 Gaya bahasa *Insya:iy*.

Secara asasnya, *Kalam Arab* atau ungkapan Arab terbahagi kepada dua bahagian iaitu *Kalam Insya:iy* dan *Kalam Khobary*. Perbincangan terhadap kedua-dua bahagian ini akan dibahasakan di dalam subjek *Balaghah* atau Retorik Arab pada bab *Ilmu Ma'a:ny*. Malah menurut Ahmad Ibrahim Al-Hashimi (Muhammad al-Tunjiy, 1999), *Kalam Insya:iy* adalah kalam yang tidak boleh dianggap benar atau bohong. Pembahagian kalam *Insya:iy* ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu : *Insya' Tolaby* dan *Insya' Ghayru Talaby*.

2.5.1 Pembahagian Gaya Bahasa *Insya:iy*.

Insya' Tolaby ialah ungkapan yang menghendaki berlakunya sesuatu yang belum wujud ketika diminta. *Insya'* jenis ini terbahagi kepada lima bahagian *uslu:b* atau gaya bahasa iaitu: *al-amr* (suruhan), *al-Nahy* (tegahan), *al-Istifha:m*(pertanyaan), *al-tamanny*:(harapan), dan *al-Nida:'* (seruan)

Manakala *Insya' Ghayru Talaby* pula akan membincangkan ungkapan yang tidak menghendaki berlakunya sesuatu (bukan permintaan). *Insya'* jenis ini terbahagi kepada beberapa bahagian *uslu:b* atau gaya bahasa iaitu: *al-ta'jub*(kagum), *al-madh*(pujian), *al-dhamm* (kejian), *al-qasm* (sumpah), dan sebagainya.

2.5.2 Pembahagian Gaya Bahasa / *Uslu:b Insyā' Ṭolabi*:

2.5.2.1 Gaya Bahasa *al-Istifha:m* (pertanyaan)

Al-Istifha:m menurut pandangan Ahmad Ibrahim Al-Hashimi (Muhammad al-Tunjiy, 1999:95)ialah satu bentuk gaya bahasa yang menuntut kepada pengetahuan atau maklumat terhadap sesuatu yang tidak diketahui sebelumnya atau perkara yang tidak diyakini tentang maklumatnya. Malah menurut Fuad Ni'mat (1973:188), gaya bahasa *Istifha:m* adalah gaya bahasa yang digunakan untuk meminta penjelasan ke atas sesuatu perkara.

Cara penulisan gaya bahasa *Al-Istifha:m* ini akan berkait rapat dengan penggunaan partikel *Istifha:m*. Contohnya: هَلْ تُحِبُّونَ الْحَيَاةَ؟. Malah menurut Fu'ad Ni'mat (1973:126), diantara partikel *Istifha:m* ialah *hal* (هل), *hamzah* (أ), *mata:* (متى), *kaifa* (كيف), *aina* (أين), *ma:* (ما), *man* (من), *kam* (كم), *ayyu* (أيّ) dan lain-lain lagi.

2.5.2.2 Gaya Bahasa *al-Nida:'* (seruan)

Al-Nida:' membawa maksud panggilan ataupun seruan kepada seseorang ataupun ramai (Hazirah,2012:38) malah menurut Ahmad Ibrahim Al-Hashimi (Muhammad al-Tunjiy, 1999:115) *Nida:'* ialah panggilan yang menuntut perhatian pihak yang kedua dan panggilan tersebut boleh terjadi secara hakiki, iaitu panggilan kepada seseorang ataupun ramai yang boleh mendengar atau menjawab kembali. Selain daripada itu, panggilan tersebut turut terjadi secara *majazi*, iaitu kepada seseorang atau

benda yang tidak boleh mendengar atau menjawab, seperti contoh: يَا كَوْكَبَ السَّمَاءِ

*(Wahai bintang langit!)

Terdapat lapan partikel *Nida*: menurut Mahmud Husni (2005:446) dalam *al-nahwu al-Sya:fy* dan terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

1. Hamzah (أ) dan Ay (أَي) untuk panggilan dekat
2. Aya: (أَيَا), Hayya: (هَيَا) dan A: (آ) untuk panggilan jauh.
3. Ya: (يَا) untuk panggilan dekat dan jauh.
4. Wa: (وَ) untuk ratapan.

2.5.2.3 Gaya Bahasa *al-Amr* (suruhan)

Al-Amr menurut Ibrahim Al-Hashimi (1999:86) ialah perkataan yang menuntut untuk melakukan sesuatu perbuatan daripada pihak kedua (الْمُخَاطَبُ) dengan menganggap dirinya ialah orang atasan.

(طَلَبَ حُضُولَ الْفِعْلِ مِنَ الْمُخَاطَبِ عَلَى وَجْهِ الْإِسْتِعْلَاءِ)

Perkataan الاستِعْلَاءُ ini membawa maksud perintah itu sendiri datang dari orang yang berkedudukan tinggi samaada tinggi secara nyata ataupun tidak, kepada orang yang berkedudukan sebaliknya. Pola ayat suruhan mempunyai empat bentuk:

1. Kata kerja *Amr* atau perintah, contohnya:

يَا يَحْيَىٰ خُذِ الْكِتَابَ بِقُوَّةٍ وَءَاتَيْنَاهُ الْحِكْمَ صَبِيًّا ﴿١٢﴾

Maksudnya: Wahai Yahya! Ambillah Al-Kitab (Taurat) itu dengan sungguh-sungguh.

Dan kami berikannya hikmah, sejak dia masih kanak-kanak. (Maryam:12)

2. Kata kerja *Muḍa:ri'* *Majzu:m* yang didahului oleh partikel Lam al-Amr

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۖ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

Maksudnya: Hendaklah orang yang mempunyai keluasan memberi nafkah menurut kemampuannya dan orang yang terbatas rezekinya, hendaklah memberi nafkah daripada harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak membebankan seseorang melainkan sesuai dengan apa yang diberikan Allah kepadanya. Allah akan memberikan kesenangan setelah berlakunya kesempitan. (al-Talaq:7)

3. Kata nama bagi kata kerja *Amr* atau perintah

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا عَلَيْكُمْ أَنفُسَكُمْ لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا اهْتَدَيْتُمْ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١١٥﴾

Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Jagalah dirimu; tiadalah orang yang sesat itu akan mampu memberi mudarat kepadamu apabila kamu telah mendapat petunjuk.

Hanya kepada Allah kamu semua akan kembali, maka Dia akan menerangkan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan. (al-Ma'idah:105)

4. Masdar sebagai ganti dari kata kerja *amr*

فَاعْتَرَفُوا بِذَنبِهِمْ فَسُحِّقًا لِأَصْحَابِ السَّعِيرِ ﴿١١﴾

Maksudnya: Akhirnya mereka mengakui dosa-dosa mereka, maka tetaplah jauhnya rahmat Allah dari ahli neraka (al-Mulk:11)

2.5.2.4 Gaya Bahasa *al-Nahy* (tegahan)

Nahy adalah satu tuntutan untuk memberhentikan perbuatan atau tindakan seseorang daripada sesuatu perkara dengan menganggap dirinya ialah orang atasan Ibrahim Al-Hashimi (1999:92). Pola bagi ayat *Nahy* hanyalah satu bentuk sahaja iaitu kata kerja *Muḍa:ri'* yang didahului dengan partikel La (لا) al *Nahy*.

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di atas muka bumi sesudah (Allah) memperbaikinya, dan berdoalah kepadaNya dan rasa takut (tidak akan diterima) dan harapan (akan dikabulkan). Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang yang berbuat baik. (al-A'raf:56)

2.5.2.5 Gaya Bahasa *al-tamanniy* (harapan)

Al-Tamanniy pula membawa maksud mengharap sesuatu yang sukar ataupun mustahil dicapai, ia dapat juga disebut sebagai angan-angan (Hazirah,2012:38). Menurut Ibrahim Al-Hashimi (1999:113) Uslub *al-tamanniy* ini dibentuk daripada empat partikelnya iaitu, yang asal ialah *Laita*(ليت),

فَخَرَجَ عَلَى قَوْمِهِ فِي زِينَتِهِ قَالَ الَّذِينَ يُرِيدُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا يَا لَيْتَ لَنَا مِثْلَ مَا أُوتِيَ قُرُونُ إِنَّهُ لَذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٧٩﴾

Maksudnya: Maka keluarlah dia (Qarun) kepada kaumnya dengan kemegahannya. orang yang menginginkan kehidupan dunia berkata: “Mudah-mudahan kita mempunyai harta kekayaan seperti apa yang diberikan kepada Qarun, sesungguhnya dia benar-benar mempunyai keberuntungan yang besar.”(al-Qasas:79)

Manakala yang bukan asal ialah Hal (هل),

فَهَلْ لَنَا مِنْ شُفَعَاءَ فَيَشْفَعُوا لَنَا أَوْ نُرَدُّ فَنَعْمَلْ غَيْرَ الَّذِي كُنَّا نَعْمَلُ قَدْ
خَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ وَضَلَّ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٥٣﴾

Maksudnya: Maka adakah bagi kami pemberi syafaat yang akan memberi syafaat untuk kami, atau dapatkah kami dikembalikan (ke dunia) sehingga kami dapat beramal dengan lain daripada apa yang kami pernah amalkan? Sesungguhnya mereka telah merugikan diri mereka sendiri dan telah lenyaplah daripada mereka tuhan-tuhan yang mereka ada-adakan. (al-A'ra:f:53).

Law (لو),

فَلَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَكُونُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: Maka seandainya kita dapat kembali (ke dunia), nescaya kita menjadi orang beriman. (as-Syuara':102)

dan La'alla (لعلَّ)

وَقَالَ فِرْعَوْنُ يَهْلِمُنْ أَبْنِ لِي صَرْحًا لَعَلَّيْ أَبْلُغُ الْأَسْبَابَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Dan Fir'aun berkata: “Wahai Haman! Buatlah untukku sebuah bangunan yang tinggi, agar aku sampai ke pintu-pintu.(al-Ghafir:36)

2.6 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini akan menerangkan keseluruhan perbincangan dalam kajian. Pengkaji telah menjalankan kajian terhadap asas kepada kemahiran penulisan karangan yang turut merangkumi kepentingan kemahiran menulis dan tujuan pembelajaran kemahiran menulis. Pengkaji juga turut menyentuh kajian tentang asas penulisan bahasa Arab yang merangkumi objektif penulisan dan bidang penulisan bahasa Arab. Secara jelas menunjukkan bahawa penulisan bahasa Arab adalah bermula daripada mengenali huruf dan dapat menulis huruf tersebut dengan baik. Perbezaan yang ketara di antara penulisan bahasa Arab dengan bahasa Melayu adalah memulakan penulisan dari kanan ke kiri serta ciri-ciri tulisan Arab yang unik yang mempunyai huruf bercerai dan huruf bersambung malah terdapat juga titik, simbol, *syadda:h* dan lain-lainnya yang perlu diberikan perhatian.

Walau bagaimanapun, sesuatu yang jelas dalam kajian terdahulu adalah, terdapat banyak kajian yang menumpukan kepada kelemahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab dan analisis kesilapan yang berlaku dalam kalangan pelajar. Selain itu juga, pengkaji turut mendapati banyak kajian yang membincangkan tentang pendekatan dalam pembelajaran penulisan terutamanya yang menggunakan imitasi sebagai salah satu pendekatan dalam pembelajaran penulisan. Kajian berkenaan penulisan karangan menggunakan kaedah imitasi ini telah banyak dilakukan terutamanya di dalam pembelajaran kemahiran penulisan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan masih kurang dikaji di dalam penulisan bahasa Arab. Justeru itu, apa yang dapat disimpulkan bahawa Imitasi dalam pembelajaran karangan adalah satu teknik pembelajaran yang dapat diajar oleh tenaga pengajar bahasa Arab dalam kemahiran menulis.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:106), metodologi didefinisikan sebagai satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Metodologi juga merupakan satu set prosedur yang digunakan untuk menjalankan sesuatu kajian, termasuklah metod, proses dan teknik yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data yang diperlukan (Lee Chai Chuan, 2007).

Bagi mendapat hasil kajian yang benar dan boleh dipercayai, metodologi kajian adalah merupakan satu bab yang perlu diberikan perhatian. Justeru, bab ini akan mengemukakan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam penyelidikan pelaksanaan kaedah imitasi dalam penulisan karangan pelajar-pelajar semester satu, tahun satu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ini adalah untuk menjamin kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah bersesuaian dengan pembolehubah yang dikaji. Justeru, bab ini akan menjelaskan metodologi kajian iaitu: reka bentuk penyelidikan, lokasi penyelidikan, instrument penyelidikan, kaedah pengumpulan data, tatacara dan prosedur penyelidikan, serta cara penganalisan data yang akan diuraikan oleh penyelidik secara mendalam.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Menurut Kerlinger (1973) reka bentuk kajian berfungsi sebagai satu panduan dalam pengkajian untuk mencari jawapan yang jelas terhadap persoalan-persoalan kajian. Kajian

ini adalah merupakan kajian deskriptif yang menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Ia dijalankan melalui dua kaedah iaitu kajian perpustakaan dan penganalisan data. Kajian perpustakaan dijalankan untuk mengumpul data yang berhubung dengan landasan teori serta menumpukan kepada sumber sekunder dan bahan-bahan bercetak di perpustakaan. Penganalisan data dijalankan menggunakan pendekatan teori gaya bahasa dan imitasi yang merupakan landasan teori kajian. Reka bentuk kajian ini dibina sebagai teknik untuk memperolehi data yang menunjukkan imitasi gaya bahasa yang dilakukan oleh pelajar semasa menulis karangan yang ditentukan oleh pengkaji. Seterusnya kajian ini akan mengklasifikasikan imitasi-imitasi tersebut untuk dibuat penganalisan

Reka bentuk kajian adalah teknik serta kaedah tertentu untuk memperolehi dapatan kajian yang tepat dan jelas. Ia adalah berfungsi sebagai garis panduan untuk memperolehi dapatan bagi menjawab persoalan kajian. Menurut Ananda Kumar (2009) hasil kajian ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian. Malah menurut beliau lagi, satu kajian boleh menggunakan beberapa bentuk kajian yang berbeza. Creswell (2002) pula menyatakan bahawa terdapat 3 bentuk atau kaedah kajian yang utama iaitu:

- i. Kuantitatif
- ii. Kualitatif
- iii. *Mixed Method Approaches* ataupun gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif

Justeru itu, reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah reka bentuk kajian kes yang berbentuk inferential yang boleh digeneralisasikan untuk tempat-tempat lain pada kes yang sama. Data-data yang diperolehi daripada kajian ini akan dianalisis menggunakan kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kuantitatif digunakan untuk menjelaskan kekerapan imitasi empat gaya bahasa yang telah

ditetapkan dalam penulisan responden. Seterusnya kaedah kualitatif pula akan digunakan bagi menganalisis ayat imitasi yang telah digunakan oleh pelajar dan kesilapan-kesilapan yang berlaku dalam proses imitasi. Reka bentuk kajian kes ini adalah berbentuk deskriptif di mana tinjauan dilakukan bagi mengumpul maklumat. Data kajian akan dikutip daripada sampel melalui pemerhatian bersistematik. Menurut (Chua 2006), melalui pemerhatian bersistematik, pengkaji akan merancang langkah-langkah pemerhatian sebelum melakukan kajian.

3.2 Persampelan Kajian

Sampel Kajian adalah terdiri daripada pelajar pra-siswazah Semester 1, Fakulti Syariah dan Undang-Undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang sedang mengambil subjek Bahasa Arab. Bagi pelajar pra-siswazah tersebut, mereka telah disyaratkan untuk mengambil dua kursus Bahasa Arab pada semester pertama pengajian yang dikategorikan sebagai kursus wajib Universiti. Kursus tersebut ialah UBA1032 (*Al-Istima' wa al-Muhadthah*) dan UBA1042 (*Al-Qiraah wa Al-Kitabah*). Kursus tersebut menawarkan pengetahuan tentang kemahiran bahasa Arab seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Sampel adalah terdiri daripada 64 orang pelajar jurusan Syariah dan Undang-Undang serta Jurusan Fiqh dan Fatwa. Seramai 25 orang pelajar lelaki dan 39 orang pelajar perempuan telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Kesemua sampel adalah terdiri daripada kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab di sekolah dan telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi mata pelajaran Bahasa Arab. Sehubungan dengan itu dapat dipastikan bahawa semua sampel mempunyai pengalaman belajar bahasa Arab selama lima tahun.

3.3 Tempat Penyelidikan

Tempat kajian yang dipilih adalah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Rasional pemilihan USIM sebagai lokasi kajian dilakukan oleh pengkaji berdasarkan kepada beberapa faktor yang difikirkan sesuai bagi memperolehi dapatan kajian yang baik. Antara faktor tersebut adalah berdasarkan perkara berikut :

- a. USIM adalah sebuah universiti yang menetapkan pencapaian Bahasa Arab di dalam SPM adalah sebagai syarat wajib kemasukan. Oleh yang demikian, pengkaji mengandaikan semua pelajar USIM mempunyai latar belakang dalam bidang bahasa Arab serta dalam bidang kemahiran penulisan serta mampu untuk menulis bahasa Arab
- b. USIM telah mewajibkan semua pelajar untuk mengambil 3 subjek bagi kemahiran bahasa Arab iaitu :
 - i. UBA1032 - menawarkan kemahiran mendengar dan bertutur
 - ii. UBA1042 - menawarkan kemahiran membaca dan menulis
 - iii. UBA1052, UBA1062, UBA1072, UBA1082 dan UBA1092 – menawarkan bahasa Arab untuk tujuan akademik.

Ketiga-tiga subjek tersebut adalah kursus wajib universiti dan fakulti yang mempunyai nilai markah dalam Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) pelajar. Justeru subjek-subjek ini adalah diantara subjek yang penting oleh semua pelajar.

- c. Dalam aspek lain, pengkaji adalah salah seorang tenaga pengajar bahasa Arab di USIM. Disamping itu juga, pengkaji turut mengajar subjek UBA1042 kepada responden kajian. Hal ini membolehkan kerja-kerja penyelidikan dapat

dijalankan dengan berkesan serta dapat mengatasi masalah apabila berurusan dengan pihak tertentu.

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini akan menggunakan satu instrumen sahaja iaitu set ujian penulisan responden sebagai data utama. Set ujian ini telah diedarkan kepada responden berserta dengan teks model karangan yang sama tajuk. Teks model karangan tersebut dipilih daripada contoh karangan yang terdapat di dalam buku *Al-Kita:baṭ Al-Wazi:faṭ Manhaj Jadi:d fi Fanni al-kitabaṭ wa al-ta'bi:r*. Pemilihan teks model karangan tersebut adalah untuk memastikan teks tersebut adalah tulen daripada penutur asli bahasa Arab. Selain daripada itu, teks tersebut bertepatan dengan kaedah penulisan yang dipelajari oleh responden di dalam kursus UBA1042. Di samping itu juga, teks model penulisan tersebut adalah bukan daripada teks bacaan di dalam modul UBA1042 dan menepati kriteria penulisan di peringkat universiti.

3.4.1 Penulisan Karangan

Instrumen yang digunakan dalam kajian penyelidikan ini bagi pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan adalah skrip jawapan penulisan karangan. Menerusi skrip ujian menulis karangan, pengkaji akan mengenalpasti imitasi yang terdapat di dalam teks jawapan bagi ujian menulis karangan responden. Responden dikehendaki menulis sebuah karangan yang sama tajuk dengan model karangan yang diberikan. Panjang karangan tersebut adalah tidak kurang daripada 350 patah perkataan dan masa yang diperuntukan adalah selama 90 minit.

3.4.2 Tajuk Karangan

Tajuk karangan bagi penulisan karangan pelajar adalah sama seperti model karangan yang telah diberikan iaitu

"الْوَقْتُ عَدُوٌّ مُجْتَهِدٌ لَا يَقْتُلُهُ إِلَّا مُجْتَهِدٌ"

Maksudnya: "Masa adalah musuh bagi orang yang rajin, tidak akan dapat membunuh masa kecuali orang yang rajin"

3.4.3 Sebab Pemilihan Ujian berbentuk Karangan.

Menurut Azman Wan Chik (1994:21), ujian berbentuk karangan atau penulisan esei digunakan apabila kumpulan yang hendak di uji adalah kecil. Malah menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1996) apabila guru atau pengkaji mahu menguji kemahiran pelajar untuk mengarang atau menulis sesuatu perkara, adalah sangat penting untuk memilih topik atau tajuk yang bersesuaian dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar. Ini adalah disebabkan topik atau tajuk yang terlalu sukar atau terkeluar dari pengetahuan dan pengalaman pelajar akan menyukarkan proses penulisan karangan dan seterusnya menyebabkan pelajar tidak dapat menulis. Selain daripada itu, Abdul Aziz (1993) turut menyatakan bahawa:

Ujian dalam penilaian memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam pendidikan bahasa. Ujian dan penilaian bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan kedua-dua pihak, iaitu : guru dan pelajar, dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang telah berlaku.

(Abdul Aziz, 1993:32)

Justeru itu, pengkaji telah mencari satu tajuk karangan yang bersesuaian dengan peringkat pelajar iaitu contoh karangan yang terdapat di dalam buku *Al-Kita:baṭ Al-Wazi:faṭ Manhaj Jadi:d fi Fanni al-kitabaṭ wa al-ta'bi:r*. Buku ini telah digunakan oleh pelajar-pelajar di peringkat universiti di Jordan bagi mata pelajaran seni penulisan (*Fannul Insyā'*). Pemilihan contoh karangan tersebut adalah bersesuaian dengan tahap pengetahuan pelajar kerana isinya berkenaan dengan pengajian dan kehidupan pelajar. Oleh kerana objektif kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan imitasi dalam penulisan karangan, maka aspek-aspek yang dikaji adalah imitasi daripada hasil penulisan karangan pelajar yang sama tajuk dengan contoh karangan yang diberikan.

Pemilihan contoh karangan ini juga dilakukan hasil daripada perbincangan dengan beberapa orang tenaga pengajar bahasa Arab di USIM serta dapatan yang diperolehi daripada kajian rintis yang dijalankan sebelum itu. Pemilihan contoh karangan ini juga adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang ingin mengenalpasti ayat-ayat imitasi yang digunakan dalam penulisan karangan. Maka pengkaji telah mencari contoh karangan yang mempunyai gaya bahasa Arab dan tidak pernah dibaca oleh pelajar sebelum ujian dilakukan.

3.5 Tatabara Pengumpulan Data

Tatabara pengumpulan data adalah melibatkan tiga peringkat, iaitu peringkat pra uji, peringkat pengumpulan data dan seterusnya peringkat penganalisan data.

3.5.1 Peringkat Pra Uji

Sebelum proses pengumpulan data dilaksanakan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis beberapa kali bagi memastikan instrumen yang digunakan adalah bersesuaian dan bertepatan bagi kajian imitasi dalam penulisan karangan bahasa Arab. Kajian rintis ini bertujuan untuk menilai kesahan instrumen, sama ada ia mampu untuk mengukur imitasi dalam penulisan karangan bahasa Arab. Selain itu, kajian rintis ini bertujuan untuk menilai tahap kesukaran model karangan yang diberikan kepada pelajar, tahap kefahaman pelajar terhadap kosa kata yang telah digunakan di dalam model karangan dan perkara-perkara lain yang mungkin mengganggu proses pengumpulan dan analisis data yang sebenar.

Dalam kajian rintis ini, terdapat banyak kelemahan pada kaedah yang digunakan, antaranya pelajar tidak memahami instrumen yang digunakan kerana penggunaan leksikal yang agak susah dan menyebabkan pelajar tidak dapat menggunakan imitasi di dalam penulisan karangan mereka sebaliknya mereka lebih senang memilih untuk menulis tanpa merujuk kepada model karangan yang diberikan. Justeru dengan itu, pengkaji telah memperbaiki segera kelemahan yang ada bagi memastikan tidak berlaku sebarang masalah dan kekeliruan dalam kajian sebenar.

Bagi menilai kesahan model karangan yang dibina, pengkaji telah memilih model karangan yang terdapat di dalam buku pengajaran kemahiran menulis dari Universiti Jordan yang ditulis oleh penutur asli bahasa.

3.5.2 Peringkat Pengumpulan Data

Proses untuk mendapatkan data adalah melibatkan seramai 64 orang responden daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM. Mereka terdiri daripada pelajar-

pelajar tahun satu yang mengambil kursus *Maha:rat Al-Qiraah wa Al-Kitabah* (UBA1042). Proses pengumpulan data juga diambil dari kaedah pendekatan pembelajaran berasaskan model (Kamarudin, 1997: 110).



Carta 3.1: Kaedah pendekatan pembelajaran berasaskan model

Bersandarkan kepada kaedah pendekatan pembelajaran penulisan karangan berasaskan model karangan, pengkaji telah memperuntukkan waktu selama 2 jam dalam proses pengumpulan data. Pada 30 minit pertama dikhususkan kepada peringkat membaca. Pada waktu tersebut, setiap responden diberikan satu model karangan yang tidak pernah dibaca oleh responden sebelum ini. Mereka dikehendaki memahami model karangan tersebut secara keseluruhan tanpa merujuk kepada kamus. Pengkaji juga telah memberikan taklimat kepada semua responden bagi memastikan responden faham model karangan yang diberikan

Selepas aktiviti membaca, responden akan melakukan aktiviti menganalisis dan meneliti gaya bahasa yang terdapat di dalam model karangan tersebut. Daripada peringkat analisis, responden akan mencerakinkan kandungan model karangan dan mengambil bahagian-bahagian yang diperlukan sahaja.

Seterusnya pada peringkat menulis, selama 90 minit telah diberikan kepada semua responden untuk menulis sebuah karangan yang sama seperti tajuk model karangan yang diberikan.

3.5.3 Kaedah Analisis Data

Setiap data yang diperolehi dalam kajian ini, akan dianalisis dan dihuraikan secara manual oleh pengkaji. Data tersebut akan dibincangkan secara terperinci menerusi kaedah penjadualan dan graf dalam analisis dapatan. Pengkaji akan menggunakan metod deduktif untuk menganalisis imitasi yang telah dilakukan oleh responden dengan menumpukan kepada jenis-jenis imitasi yang melibatkan gaya bahasa *al-Insya:iy* sahaja.

Gaya bahasa tersebut menjadi tumpuan dalam menganalisis imitasi penulisan karangan pelajar ini kerana ia terkandung dalam bahagian ilmu *Al-Ma'a:niy* iaitu satu bidang dalam retorika Arab yang mengkaji keadaan kaedah-kaedah dan aturan-aturan lafaz Arab yang sesuai dengan keperluan keadaan dan sesuai dengan maksud penutur. Malah menurut *Al-Kha:tib Al Qazwiniy*, ilmu *Ma'a:niy* adalah satu ilmu yang dengannya dapat mengenal gaya bahasa Arab yang bersesuaian dengan konteksnya. Namun begitu, ini tidak bermakna aspek-aspek lain akan diabaikan, tetapi pengkaji lebih cenderung untuk memilih aspek tersebut untuk memastikan kajian ini tidak menjadi terlalu luas dan lebih berfokus.

Bagi menganalisis aspek-aspek kesilapan yang diperolehi, pengkaji telah menggunakan kaedah yang digunakan oleh Ellis dan Tarigan (1997) bagi menganalisis kesalahan berbahasa. Diantara langkah-langkah analisis tersebut adalah :

1. Mengenalpasti kesalahan pelajar berdasarkan aspek-aspek yang sering berlaku dalam kalangan pelajar .
2. Menyatakan atau menjelaskan kesalahan pelajar tersebut.
3. Mengklasifikasi kesalahan pelajar.
4. Menilai kesalahan pelajar.

Seterusnya pengkaji akan membuat rumusan dan memperbaiki kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan bagi mendapat gambaran tentang jenis-jenis kesilapan yang kerap berlaku dalam kalangan pelajar.

3.6 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, tinjauan deskriptif adalah bentuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji secara amnya. Hanya satu instrumen kajian sahaja yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data iaitu satu set soalan ujian kemahiran menulis bahasa Arab. Proses pengumpulan data dijalankan sendiri oleh pengkaji sebelum memulakan penganalisan data yang telah terkumpul. Pada peringkat akhirnya, pengkaji akan menyatakan kesimpulan terhadap dapatan kajian yang telah dijalankan.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan membentangkan dapatan kajian untuk melihat keberkesanan imitasi dalam pembelajaran bahasa Arab berdasarkan instrumen kajian yang telah digunakan iaitu model karangan dan set ujian penulisan karangan pelajar. Keputusan kajian akan dianalisa dan akan dibentangkan melalui dapatan yang didapati daripada hasil tafsiran ujian penulisan yang telah dijalankan ke atas 64 orang pelajar di dalam kajian ini. Berdasarkan pada ujian yang dijalankan, data yang akan dikumpulkan adalah melibatkan imitasi pelajar di dalam gaya bahasa Arab. Gaya bahasa yang dianalisis oleh pengkaji ialah gaya bahasa *Insyaiy* sahaja. Setiap pembahagian bagi gaya bahasa ini akan direkodkan pengulangannya dan kemudiannya akan dianalisis secara deskriptif bagi membantu pengkaji mendapatkan analisis yang lebih tepat mengenai sejauh mana pendekatan imitasi mampu untuk membantu pelajar dalam penulisan bahasa Arab.

Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian SPSS dan juga secara manual bagi mendapatkan jawapan terhadap soalan kajian dan analisis dapatan yang dibentangkan mengikut turutan soalan kajian:

1. Mengkaji penggunaan imitasi dalam penulisan karangan pelajar universiti.
2. Menganalisis ayat-ayat imitasi yang digunakan dalam penulisan karangan pelajar universiti.
3. Mengkaji aspek-aspek kesilapan yang sering berlaku di dalam proses imitasi dalam penulisan karangan pelajar universiti.

Jadual 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina Pelajar	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	25	39.1
Perempuan	39	60.9
Jumlah	64	100.0

Jadual 4.1 di atas menunjukkan bilangan responden yang digunakan di dalam kajian. Berdasarkan jadual tersebut menunjukkan bahawa 39.1% atau 25 orang daripada keseluruhan responden adalah lelaki dan 60.9% atau 39 orang daripada keseluruhan responden adalah perempuan.

Kesemua responden adalah pelajar semester 1, Fakulti Syari'ah dan Undang-Undang di USIM dan daripada 3 kelas tutorial yang berbeza. Responden juga adalah pelajar yang telah mempunyai latar belakang pengajian bahasa Arab di sekolah menengah.

4.1 Analisis Kajian

4.1.1 Penggunaan Imitasi dalam Penulisan

Perbincangan berikut bertujuan untuk menjawab soalan kajian satu, iaitu mengkaji penggunaan imitasi dalam penulisan karangan pelajar USIM. Pengkaji telah melakukan analisis bagi dapatan kajian dari segi kekerapan penggunaan imitasi dalam kalangan subjek kajian. Penggunaan imitasi yang dianalisis adalah hanyalah melibatkan Gaya Bahasa *Insya:iy* sahaja. Justeru, Gaya Bahasa *Insya:iy* yang dianalisis hanyalah dari empat sudut yang utama iaitu; gaya *Istifha:m*, gaya *Nida:'*, gaya *Amr*, dan gaya *Nahy*. Ini adalah disebabkan hanya empat gaya bahasa ini sahaja yang terdapat di dalam

teks model karangan yang diedarkan kepada pelajar, manakala gaya *al-Tamanny*: (harapan) tidak dapat dianalisis berikutan tiada penggunaan di dalam teks model karangan yang diedarkan kepada pelajar. Berikut adalah hasil analisis perkiraan pengkaji terhadap penggunaan imitasi tersebut:

4.1.1.1 Gaya *Istifha:m*

Hasil analisis gaya *Istifha:m* atau dikenali juga dengan gaya penyoalan adalah seperti jadual berikut:


Jadual 4.2 : Taburan Kekerapan Penggunaan Gaya Bahasa *Istifha:m*

PENGGUNAAN	KEKERAPAN	PERATUS (%)	PERATUS KUMULATIF
Tiada Penggunaan	26	40.6	40.6
Sekali	19	29.7	70.3
Dua kali	9	14.1	84.4
Tiga kali	3	4.7	89.1
Empat kali	6	9.4	98.4
Lima Kali	1	1.6	100.0
Jumlah	64	100.0	

Jadual 4.2 di atas menunjukkan kekerapan penggunaan imitasi Gaya *Istifha:m* dalam penulisan karangan responden. Berdasarkan jadual tersebut, sebanyak 26 orang responden daripada 64 orang responden tidak menggunakan gaya bahasa *Istifha:m* dalam penulisan karangan mereka. Kekerapan imitasi yang paling tinggi adalah sebanyak satu kali yang melibatkan 19 orang responden atau 29.7% responden

manakala kekerapan yang paling rendah adalah sebanyak lima kali pengimitasian yang hanya melibatkan seorang responden atau 1.6% responden.

Seterusnya kekerapan pengimitasian sebanyak dua kali melibatkan 9 orang responden atau 14.1% responden manakala tiga kali pengimitasian adalah melibatkan 3 orang responden atau 4.7% responden dan empat kali pengimitasian adalah melibatkan 4 orang responden atau 9.4% responden.



Carta 4.1: Perbezaan Penggunaan Gaya Bahasa *Istifha:m*

Carta 4.1 di atas menunjukkan hasil dapatan kajian bagi objektif kajian satu iaitu penggunaan imitasi dalam penulisan karangan pelajar. Carta tersebut juga telah menunjukkan terdapat perbezaan di antara penggunaan imitasi dan tiada penggunaan imitasi dalam kalangan pelajar. Sebanyak 59% atau 38 orang responden telah berjaya mengimitasikan gaya bahasa *Istifha:m* berbanding 41% atau 26 orang dari 64 orang responden yang tidak menggunakan gaya bahasa ini. Jurang perbezaan adalah sebanyak 18%.

4.1.1.2 Gaya *Nida:*'


Gaya *Nida:*' ataupun teknik seruan juga berlaku dalam proses imitasi subjek kajian. Berikut adalah keputusannya:

Jadual 4.3: Taburan Kekерapan Penggunaan Gaya Bahasa *Nida:*'

PENGGUNAAN	KEKERAPAN	PERATUS (%)	PERATUS KUMULATIF
Tiada Penggunaan	29	45.3	45.3
Sekali	17	26.6	71.9
Dua kali	11	17.2	89.1
Tiga kali	6	9.4	98.4
Empat kali	1	1.6	100.0
Jumlah	64	100.0	

Jadual 4.3 menunjukkan penggunaan imitasi bagi gaya bahasa *Nida:*' atau seruan yang digunakan oleh responden. Seramai 29 orang atau 45.3% responden daripada 64 orang responden langsung tidak menggunakan gaya bahasa *Nida:*' di dalam penulisan karangan mereka. Seterusnya, jumlah kedua tertinggi direkodkan adalah 17 orang atau 26.6% responden yang telah menggunakan gaya bahasa *Nida:*' dengan kadar sekali penggunaan sahaja.

Bagi jumlah dua kali penggunaan direkodkan sebanyak 11 orang atau 17.2% reponden, manakala tiga kali penggunaan pula hanya terdapat seramai 6 orang atau 9.4% responden. Terdapat juga, seorang responden atau 1.6% yang telah menggunakan gaya bahasa *Nida:*' sebanyak empat kali di dalam satu penulisan karangan.



Carta 4.2 : Perbezaan Penggunaan Gaya Bahasa *Nida:*'

Bagi menunjukkan perbezaan penggunaan, Carta 4.2 di atas telah menunjukkan perbezaan penggunaan imitasi Gaya *Nida:*' dalam penulisan karangan responden. Penggunaan gaya bahasa tersebut adalah melebihi daripada tiada penggunaan. Ini dapat dilihat dengan sebanyak 55% atau 35 orang responden telah berjaya mengimitasikan gaya bahasa *Nida:*' berbanding 45% atau 29 orang dari 64 orang responden yang tidak menggunakan gaya bahasa ini. Ini menunjukkan perbezaan antara kedua-dua pengguna tersebut adalah sebanyak 6 orang sahaja.

4.1.1.3 Gaya Amr


Imitasi gaya Amr atau perintah juga telah berlaku dalam penulisan karangan responden seperti jadual berikut :-

Jadual 4.4: Taburan Kekerapan Penggunaan gaya bahasa *Amr*

PENGGUNAAN	BILANGAN	PERATUS	PERATUS KUMULATIF
Tiada Penggunaan	28	43.8	43.8
Sekali	15	23.4	67.2
Dua kali	14	21.9	89.1
Tiga kali	3	4.7	93.8
Empat kali	2	3.1	96.9
Lima kali	1	1.6	98.4
Tujuh kali	1	1.6	100.0
Jumlah	64	100.0	

Jadual 4.4 menunjukkan kekerapan penggunaan imitasi gaya bahasa *Amr* atau arahan. Seramai 28 orang atau 43.8% responden daripada 64 orang responden yang langsung tidak mengimitasi gaya bahasa *Amr* atau arahan pada penulisan karangan mereka. Seterusnya jumlah kedua tertinggi direkodkan adalah sebanyak 15 orang atau 23.4% responden yang telah mengimitasi gaya *Amr* atau arahan sebanyak sekali dalam penulisan karangan mereka. Pengimitasian sebanyak dua kali pula telah dilakukan oleh 14 orang atau 21.9% responden.

Bagi jumlah pengimitasian yang melebihi dua kali seperti tiga kali penggunaan dan empat kali penggunaan masih menunjukkan bilangan responden yang rendah iaitu masing-masing sebanyak 3 orang atau 4.7% responden dan 2 orang atau 3.1% responden. Walau bagaimanapun, pengimitasian sebanyak lima kali dan tujuh kali adalah hanya melibatkan seorang atau 1.6% responden sahaja dan tiada rekod dibuat bagi pengimitasian sebanyak enam kali.



Carta 4.3 : Perbezaan Penggunaan Gaya Bahasa *Amr*

Bagi menunjukkan perbezaan penggunaan, Carta 4.3 di atas telah menunjukkan perbezaan penggunaan imitasi Gaya *Amr* dalam penulisan karangan responden. Sebanyak 56% atau 36 orang responden telah mengimitasikan gaya bahasa *Amr* berbanding 44% atau 28 orang dari 64 orang responden yang tidak menggunakan gaya bahasa ini.

4.1.1.4 Gaya *Nahy*:


Gaya bahasa *Nahy*: atau larangan juga termasuk dalam elemen yang boleh diimitasi oleh responden dalam kajian ini. Berikut adalah data kekerapan gaya bahasa *Nahy*:

Jadual 4.5 : Taburan Kekерapan Penggunaan gaya bahasa *Nahy*

PENGGUNAAN	KEKERAPAN	PERATUS	PERATUS KUMULATIF
Tiada Penggunaan	23	35.9	35.9
Sekali	21	32.8	68.8
Dua kali	11	17.2	85.9
Tiga kali	9	14.1	100.0
Jumlah	64	100.0	

Menurut Jadual 4.5, seramai 23 orang atau 35.9% responden daripada 64 orang responden yang tidak mengimitasi gaya bahasa *Nahy*. Walau bagaimanapun responden yang telah mengimitasi gaya bahasa tersebut dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu seramai 21 orang atau 32.8% responden telah berjaya mengimitasikan gaya bahasa *Nahy* sebanyak satu kali penggunaan, manakala 11 orang atau 17.2% responden pula telah berjaya mengimitasi gaya bahasa ini sebanyak dua kali penggunaan.


Seterusnya bilangan responden yang mampu untuk mengimitasi sebanyak tiga kali penggunaan gaya bahasa *Nahy* dalam penulisan karangan mereka adalah paling rendah iaitu sebanyak 9 orang responden yang membawa kepada 14.1% daripada 64 orang responden yang telah dikaji.



Carta 4.4 : Perbezaan Penggunaan Gaya Bahasa *Nahy*:

Bagi menunjukkan perbezaan penggunaan, Carta 4.4 telah menunjukkan perbezaan penggunaan imitasi Gaya *Nahy* dalam penulisan karangan responden. Sebanyak 41 orang atau 64% responden telah mengimitasikan gaya bahasa *Nahy* berbanding 23 orang atau 36% responden dari 64 orang responden yang langsung tidak menggunakan gaya bahasa ini.

4.1.1.5 Rumusan



Carta 4.5 : Kekerapan penggunaan imitasi dalam kalangan pelajar

Merujuk carta 4.5, secara jelas menunjukkan penggunaan imitasi dalam penulisan karangan pelajar adalah berlaku di setiap gaya bahasa yang dikaji. Walau bagaimanapun gaya bahasa *Nahy* menunjukkan penggunaan yang tertinggi iaitu sebanyak 41 orang pelajar berbanding gaya bahasa *Nida:*' yang menunjukkan penggunaan yang paling rendah iaitu sebanyak 35 orang pelajar.

4.1.2 Menganalisis Ayat-Ayat Imitasi yang Digunakan

Perbincangan berikut bertujuan untuk menjawab soalan kajian yang kedua, iaitu menganalisis ayat-ayat imitasi yang digunakan dalam penulisan karangan pelajar USIM. Pengkaji telah melakukan analisis bagi dapatan kajian bagi melihat perubahan yang berlaku hasil daripada imitasi sama ada dari segi penggantian ayat secara keseluruhan atau penggantian leksikal. Analisis imitasi yang dianalisis juga hanya melibatkan pembahagian Gaya Bahasa *Insya'iy* sahaja.

4.1.2.1 Gaya *Istifha:m*

Kekerapan penggunaan gaya bahasa *Istifha:m* di dalam teks model karangan adalah sebanyak sekali penggunaan. Penggunaan gaya bahasa ini telah dimulakan pada permulaan penulisan karangan iaitu :-

هَلْ تُحِبُّونَ الْحَيَاةَ؟

*(Adakah kamu sukakan kehidupan?)

Penggantian keseluruhan ayat

Peniruan gaya bahasa *Istifha:m* ini dapat dilihat dengan jelas di dalam penulisan responden. Namun begitu responden telah mengubah penulisan mereka dengan

menggunakan pelbagai bentuk ayat tetapi masih menggunakan gaya bahasa *Istifha:m* seperti berikut:

1. هَلْ نَسْتَعْمِلُ أَوْقَاتَنَا اسْتِعْمَالًا كَامِلًا؟

*(Adakah kita menggunakan waktu kita dengan penggunaan yang sepenuhnya?)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya *Istifha:m* dalam penulisannya.

Responden telah menggunakan kata tanya [هَلْ] di awal ayat seperti di dalam model karangan yang diberikan dan menukarkan keseluruhan ayat [تُحِبُّونَ الْحَيَاةَ] kepada [نَسْتَعْمِلُ أَوْقَاتَنَا اسْتِعْمَالًا كَامِلًا].

2. مَاذَا تَفْعَلُ فِي حَيَاتِكَ؟

*(Apakah yang kamu lakukan dalam kehidupan kamu?)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan *huruf istifha:m* atau Kata Tanya [هَلْ] kepada [مَاذَا] dan seterusnya menukar jumlah ayat [تُحِبُّونَ الْحَيَاةَ] kepada jumlah ayat lain iaitu [تَفْعَلُ فِي حَيَاتِكَ] tetapi masih mengekalkan gaya bahasa yang sama iaitu gaya bahasa *Istifha:m*.

3. هَلْ تَسْتَعْمِلُ أَوْقَاتَكُمْ؟

*(Adakah kamu menggunakan waktu kamu?)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya *Istifha:m* dalam penulisannya.

Responden menggunakan kata tanya [هَلْ] di awal ayat seperti di dalam model karangan yang diberikan dan menukarkan keseluruhan ayat [تُحِبُّونَ الْحَيَاةَ] kepada [تَسْتَعْمِلُ أَوْقَاتَكُمْ].

4. هَلْ أَنْتُمْ تَسْتَخْدِمُونَ الْوَقْتَ جَيِّدًا؟

*(Adakah kamu menggunakan waktu dengan baik?)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya *Istifha:m* dalam penulisannya.

Responden menggunakan kata tanya [هَلْ] di awal ayat seperti di dalam model karangan yang diberikan dan menukarkan keseluruhan ayat [تُحِبُّونَ الْحَيَاةَ] kepada [تَسْتَخْدِمُونَ الْوَقْتَ جَيِّدًا] dengan penambahan penggunaan *ha:l*.

5. هَلْ يَحْفَظُ الْإِنْسَانُ أَوْقَاتَهُمْ؟

*(Adakah manusia memelihara waktu mereka?)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya *Istifha:m* dalam penulisannya.

Responden menggunakan kata tanya [هَلْ] di awal ayat seperti di dalam model karangan yang diberikan tetapi telah menggantikan keseluruhan ayat [تُحِبُّونَ الْحَيَاةَ] kepada [يَحْفَظُ الْإِنْسَانُ أَوْقَاتَهُمْ].

6. هَلْ نَعْرِفُ أَنَّ حَيَاتَنَا كَالذَّهَبِ؟

*(Adakah kita mengetahui bahawa kehidupan kita adalah seperti emas?)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Istifha:m* dalam penulisannya. Responden menggunakan kata tanya [هَلْ] di awal ayat seperti di

dalam model karangan yang diberikan tetapi telah menggantikan keseluruhan ayat [تُحِبُّونَ الْحَيَاةَ] kepada [نَعْرِفُ أَنَّ حَيَاتَنَا كَالذَّهَبِ].

7. هَلْ تَعْرِفُونَ الْوَقْتَ؟

*(Adakah kamu mengetahui tentang masa?)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Istifha:m* dalam penulisannya. Responden menggunakan kata tanya [هَلْ] di awal ayat seperti di dalam model karangan yang diberikan tetapi telah menggantikan keseluruhan ayat [تَعْرِفُونَ الْوَقْتَ] kepada [تَعْرِفُونَ الْحَيَاةَ].

8. مَا هِيَ الْحِكْمَةُ مِنْ سُورَةِ الْعَصْرِ الَّتِي قَرَأْنَا يَوْمِيًّا؟

*(Apakah hikmah daripada surah Al-Asr yang kita baca seharian?)

Dalam ayat ini, responden telah menukar dengan menggantikan partikel *Istifha:m* [هَلْ] kepada partikel *Istifha:m* [مَا] seterusnya menukarkan keseluruhan jumlah ayat kepada jumlah ayat lain iaitu [الْحِكْمَةُ مِنْ سُورَةِ الْعَصْرِ الَّتِي قَرَأْنَا يَوْمِيًّا] tetapi masih mengekalkan gaya bahasa yang sama iaitu gaya bahasa *Istifha:m*.

9. كَيْفَ بَنَحَ فِي حَيَاتِهِ بِنَاحٍ عَظِيمًا؟

*(Bagaimana dia telah berjaya dalam hidupnya dengan kejayaan yang hebat?)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan partikel *Istifha:m* [هَلْ] kepada partikel *Istifha:m* [كَيْفَ] dan menukarkan keseluruhan jumlah ayat kepada jumlah ayat lain iaitu [بَنَحَ فِي حَيَاتِهِ بِنَاحٍ عَظِيمًا] tetapi dalam masa yang sama masih mengekalkan gaya bahasa *Istifha:m*.

10. لِمَاذَا لَا نُفَكِّرُ عَنْ كَيْفِيَّةِ عِلَاجِهِ؟

*(Kenapa kita tidak memikirkan tentang cara penyelesaiannya)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan partikel *Istifha:m* [هَلْ] kepada partikel *Istifha:m* [لِمَاذَا] dan menukarkan keseluruhan jumlah ayat kepada jumlah ayat lain iaitu [لَا نُفَكِّرُ عَنْ كَيْفِيَّةِ عِلَاجِهِ] tetapi dalam masa yang sama masih mengekalkan gaya bahasa *Istifha:m*.

11. هَلْ تَمَلُّ فَرَاعَكَ بِأُمُورِ الْمَفِيدَةِ؟

*(Adakah kamu mengisi masa lapang kamu dengan perkara yang berfaedah)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan keseluruhan ayat [تُحِبُّونَ الْحَيَاةَ] kepada [تَمَلُّ فَرَاعَكَ بِأُمُورِ الْمَفِيدَةِ] disamping mengekalkan penggunaan partikel *Istifha:m* [هَلْ].

Penggantian Leksikal

Namun begitu terdapat peniruan dengan menggantikan leksikal tetapi masih mengekalkan struktur ayat seperti di dalam model karangan. Di dalam bahagian ini, responden telah menukar jumlah ayat [تُحِبُّونَ الْحَيَاةَ] kepada leksikal lain iaitu tetapi masih menggunakan Kata Tanya atau partikel *istifha:m* [هَلْ] yang sama. Contoh-contoh penggantian leksikal dalam penulisan responden adalah seperti berikut:

1. هَلْ تَشْكُرُونَ بِالْحَيَاةِ؟

*(Adakah kamu bersyukur dengan kehidupan?)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [تُحِبُّونَ] kepada leksikal [تَشْكُرُونَ].

2. هَلْ تُحِبُّونَ مُبَدِّرِينَ الْوَقْتِ؟

*(Adakah kamu suka membazirkan waktu?)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [الْحَيَاةَ] kepada leksikal [مُبَدِّرِينَ الْوَقْتِ].

3. هَلْ أَنْتُمْ تَهْتَمُّونَ الْحَيَاةَ؟

*(Adakah kamu mementingkan kehidupan?)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [تُحِبُّونَ] kepada leksikal [تَهْتَمُّونَ].

4. هَلْ تُحِبُّونَ ضَيِّعَ الْوَقْتِ؟

*(Adakah kamu suka membazirkan waktu?)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [الْحَيَاةَ] kepada leksikal [ضَيِّعَ الْوَقْتِ].

5. هَلْ تُحِبُّونَ التَّأَجِيلَ؟

*(Adakah kamu suka berlengah-lengah?)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [الْحَيَاةَ] kepada leksikal [التَّأَجِيلَ].

6. هَلْ تُفَكِّرُونَ عَنِ الْحَيَاةِ؟

*(Adakah kamu suka akan kehidupan?)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [تُحِبُّونَ] kepada leksikal [تُفَكِّرُونَ].

4.1.2.2 Gaya *Nida:*'

Kekerapan penggunaan gaya *Nida:*' di dalam teks model karangan adalah sebanyak dua kali penggunaan. Penggunaan gaya ini telah memfokuskan penulisan karangan ini kepada golongan pemuda dengan penggunaan istilah 'Wahai Pemuda' atau *أَيُّهَا الشَّبَابُ!*. Ini memberikan gambaran yang jelas bahawa penulisan teks model karangan ini lebih terarah kepada golongan pemuda dan remaja.

Penggantian keseluruhan ayat

Peniruaan gaya *Nida:*' dapat dilihat dengan jelas pada penulisan responden. Beberapa orang responden juga telah mempelbagaikan bentuk gaya *Nida:*' dengan menggantikan partikel *Nida:*' kepada partikel yang lain seperti berikut:

1. هَيَّا نُنَفِّكْرُ مَعَا!

*(Marilah kita berfikir bersama-sama!)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Nida:*' dalam penulisannya. Responden telah menggunakan kata seru [هَيَّا] di awal ayat dan menukarkan keseluruhan ayat kepada [نُنَفِّكْرُ مَعَا].

2. هَيَّا نَقْبِضُ الْفُرْصَ!

*(Marilah kita merebut peluang!)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Nida:*' dalam penulisannya. Responden telah menggunakan kata seru [هَيَّا] di awal ayat dan menukarkan keseluruhan ayat kepada [نَقْبِضُ الْفُرْصَ].

Penggantian Leksikal

Namun begitu terdapat pengimitasian dengan penggantian leksikal ‘Pemuda’ [الشَّبَابُ] tetapi masih mengekalkan struktur ayat seperti di dalam model karangan. Di dalam bahagian ini, responden telah menukar jumlah ayat [الشَّبَابُ] kepada leksikal lain tetapi masih menggunakan Kata Seru [أَيُّهَا] yang sama disamping penambahan Kata Seru [يَا]. Contoh-contoh penggantian leksikal dalam penulisan responden adalah seperti berikut:

1. أَيُّهَا الْإِنْسَانُ!

*(Wahai insan!)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [الشَّبَابُ] kepada leksikal [الْإِنْسَانُ].

2. يَا الشَّبَابُ !

*(Wahai pemuda-pemuda!)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [أَيُّهَا] kepada leksikal [يَا].

3. أَيُّهَا النَّاسُ!

*(Wahai manusia!)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [الشَّبَابُ] kepada leksikal [النَّاسُ].

4. يَا أَيُّهَا النَّاسُ !

*(Wahai sekalian manusia!)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [الشَّبَابُ] kepada leksikal [النَّاسُ] dan menambahkan partikel *Nida*: ' [أَيُّهَا] .

5. أَيُّهَا الطُّلَّابُ!

*(Wahai pelajar-pelajar!)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [الشَّبَابُ] kepada leksikal [الطُّلَّابُ].

6. يَا أَيُّهَا الْإِنْسَانُ

*(Wahai sekalian insan!)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [الشَّبَابُ] kepada leksikal [الْإِنْسَانُ].

7. يَا أَيُّهَا الْكِرَامُ!

*(Wahai sekalian orang yang dimuliakan!)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [الشَّبَابُ] kepada leksikal [الْكَرَامُ].

8. أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ!

*(Wahai orang-orang Islam!)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [الشَّبَابُ] kepada leksikal [الْمُسْلِمُونَ].

4.1.2.3 Gaya *Amr*

Penggunaan gaya *Amr* di dalam teks modul karangan adalah sebanyak enam kali penggunaan. Penggunaan gaya ini disandarkan kepada kata ganti diri kedua iaitu kamu (ramai). Ini menunjukkan penggunaan gaya *Amr* lebih berfokus kepada kata perintah yang cenderung kepada galakan untuk melaksanakan sesuatu tindakan.

1. فَاحْرِصُوا عَلَى أَوْقَاتِكُمْ

*(Peliharalah waktu-waktu kamu)

2. اقْبِضُوا نَاصِيَةَ الْفُرْصِ بَيْنَ أَيْدِيكُمْ

*(Genggamlah peluang diantara tangan kamu)

3. خُذُوا دَرَسَكُمْ عَنِ السَّاعَةِ الَّتِي تَعِيشُونَ فِيهَا

*(Ambillah pengajaran dari masa yang kamu tinggal dengannya)

4. أَعِيدُوا النَّظَرَ

*(Renungkanlah pandangan kamu)

5. قَدِّرُواكُمْ مِنَ الْوَقْتِ يُصَيِّعُ سُدَى

*(Hitunglah, berapa waktu yang telah disia-siakan tanpa faedah)

6. فَكِّرُوا فِي الْعُطْلَةِ الصَّيْفِيَّةِ وَحَدَّهَا

*(Fikirlah pada cuti musim panas)

Penggantian keseluruhan ayat

Peniruan gaya bahasa *Amr* dapat dilihat di dalam penulisan responden. Responden telah mengimitasi gaya bahasa ini dengan menggunakan Ayat Perintah yang pelbagai seperti berikut:

1. اسْتَحْدِمُوا أَوْقَاتِكُمْ

*(Gunalah waktu-waktu kamu)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Amr* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan ayat perintah [اسْتَحْدِمُوا] di awal ayat dan seterusnya menukarkan ayat selepasnya kepada [أَوْقَاتِكُمْ].

2. اسْتَحْدِمُوا عُطَّلَاتِكُمْ بِالْمُطَالَعَةِ أَوْ الْأَعْمَالِ

*(Gunakanlah cuti kamu dengan mengulang kaji dan pekerjaan)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Amr* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan ayat perintah atau kata kerja *Amr* [اسْتَحْدِمُوا] di awal ayat dan seterusnya menukarkan ayat selepasnya kepada [عُطَّلَاتِكُمْ بِالْمُطَالَعَةِ أَوْ الْأَعْمَالِ].

3. اعْتَنِمِ الْوَقْتَ

*(Rebutlah waktu)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Amr* dalam penulisannya. Responden telah menukarkan ayat perintah [اسْتَحْدِمُوا] kepada ayat perintah [اعْتَنِمِ] di awal ayat.

4. اعْرِفُوا

*(Ketahuilah kamu semua)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Amr* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan ayat perintah [اعْرِفُوا] di permulaan ayat.

5. اِبْتَعِدِ الْأَعْمَالَ غَيْرَ جَدْوَى

*(Jauhkanlah daripada pekerjaan yang sia-sia)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Amr* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan ayat perintah [اِبْتَعِدْ] di awal ayat dan seterusnya menukarkan ayat selepasnya kepada [الْأَعْمَالَ غَيْرَ جَدْوَى].

6. شَعُّوْا وَقْتَكُمْ بِطَرِيْقَةٍ حَيْدَةٍ

*(Sibukkanlah waktu kamu dengan cara yang baik)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Amr* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan ayat perintah [شَعُّوْا] di awal ayat dan seterusnya menukarkan ayat selepasnya kepada [وَقْتَكُمْ بِطَرِيْقَةٍ حَيْدَةٍ].

7. اسْتَمِعُوا حَيْدًا

*(Dengarlah dengan baik)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Amr* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan ayat perintah [اسْتَمِعُوا] di awal ayat dan seterusnya menukarkan ayat selepasnya kepada [حَيْدًا].

8. كُونُوا بُحْلَاءَ بِأَوْقَاتِكُمْ

*(Jadilah orang-orang yang bakhil dengan waktu mereka)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Amr* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan ayat perintah [كُونُوا] di awal ayat dan seterusnya menukarkan ayat selepasnya kepada [بُحْلَاءَ بِأَوْقَاتِكُمْ].

9. اَعْتَنِمِ كُلَّ السَّاعَةِ

*(Rebutlah setiap waktu)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Amr* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan ayat perintah [اَعْتَنِمِ] di awal ayat dan seterusnya menukarkan ayat selepasnya kepada [كُلَّ السَّاعَةِ].

10. اجْتَنِبُوا التَّاجِيلَ

*(Jauhkanlah daripada penangguhan)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Amr* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan ayat perintah [اجْتَنِبُوا] di awal ayat dan seterusnya menukarkan ayat selepasnya kepada [التَّاجِيلَ].

11. اهْتَمُّوا الْمَهَامَ فَوْرًا

*(Pentingkanlah tugas dengan segera).

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Amr* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan ayat perintah [اهْتَمُّوا] di awal ayat dan seterusnya menukarkan ayat selepasnya kepada [الْمَهَامَ فَوْرًا].

Penggantian Leksikal

Peniruan dengan menggunakan kaedah penggantian leksikal juga turut dilakukan oleh responden seperti contoh berikut:

1. اهْتَمَّ عَلَى أَوْقَاتِكَ

*(Pentingkanlah waktu kamu)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [اِحْرَصُوا] kepada [اهْتَمَّ] tetapi masih mengekalkan leksikal [عَلَى أَوْقَاتٍ]

2. خُذُوا هَذِهِ الْفُرْصَةَ

*(Ambillah peluang ini)

Dalam ayat ini, responden telah mengekalkan leksikal [خُذُوا] dan menggantikan [دَرَسَكُمْ] kepada [هَذِهِ الْفُرْصَةَ]

3. قَدِّرُوا كَمَ مِنْ الْوَقْتِ تُضَيِّعُ لَهُ

*(Hitunglah, berapa jumlah dari waktu kamu yang telah disia-siakan)

Dalam ayat ini, responden telah mengekalkan leksikal [قَدِّرُوا كَمَ مِنْ الْوَقْتِ] dan menggantikan [سُدَى] kepada [لَهُ]

4. فَكِّرُوا فِي الْعُطْلَةِ الْجَامِعِيَّةِ

*(Fikirlah pada musim cuti semester)

Dalam ayat ini, pelajar telah menggantikan leksikal [الصَّيْفِيَّةِ] kepada [الْحَامِعِيَّةِ] bagi bersesuaian dengan suasana di Malaysia.

5. احْفَظُوا عَلَى أَوْقَاتِكُمْ

*(Peliharalah waktu-waktu kamu)

Dalam ayat ini, pelajar telah menggantikan leksikal [احْرَصُوا] kepada [احْفَظُوا] tetapi masih mengekalkan leksikal [عَلَى أَوْقَاتٍ]

6. اَحْرِصُوا عَلَى حَيَاتِكُمْ

*(Peliharalah kehidupan kamu)

Dalam ayat ini, pelajar telah menggantikan leksikal [أَوْفَاتِكُمْ] kepada [حَيَاتِكُمْ] tetapi masih mengekalkan leksikal [اَحْرِصُوا]

4.1.2.4 Gaya *Nahy*

Penggunaan gaya *Nahy* di dalam teks modul karangan adalah sebanyak tiga kali penggunaan. Penggunaan gaya ini disandarkan kepada kata ganti diri kedua iaitu kamu (ramai). Gaya *Nahy* ini ditujukan kepada ramai kerana mesej yang disampaikan berbentuk nasihat umum. Oleh itu, penggunaan kata ganti diri kamu yang merujuk kepada jumlah yang ramai (أَنْتُمْ) adalah bersesuaian dengan konteks penulisan.

1. لَا تُضَيِّعُوهَا سُدَى

*(Jangan sia-siakannya begitu sahaja)

2. لَا تَسْتَمْسِكُوا بِالْمَاضِي

*(Jangan berpegang dengan masa lalu)

3. لَا تُحْمَلُوا بِالْمُسْتَقْبَل

*(Jangan bebankan masa hadapan)

Penggantian keseluruhan ayat

Peniruan gaya *Nahy* dalam karangan responden dapat dilihat di dalam penulisan responden. Responden telah mengimitasi gaya bahasa ini dengan menggantikan leksikal yang pelbagai seperti berikut:

1. لَا تُضَيِّعُوا أَوْقَاتِكُمْ

*(Jangan sia-siakan waktu-waktu kamu)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Nahy* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan partikel *Nahy* [لَا] di awal ayat seperti di dalam model karangan yang diberikan dan menukarkan keseluruhan ayat kepada [تُضَيِّعُوا أَوْقَاتِكُمْ].

2. لَا تَجْعَلُوا الرَّاحَةَ ...

*(Jangan jadikan kerehatan...)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Nahy* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan partikel *Nahy* [لَا] di awal ayat seperti di dalam model karangan yang diberikan dan menukarkan keseluruhan ayat kepada [تَجْعَلُوا الرَّاحَةَ].

3. لَا تَرَى بِالْمَاضِي

*(Jangan memandang masa lalu)

Dalam ayat ini, responden telah mengimitasi gaya bahasa *Nahy* dalam penulisannya. Responden telah menggunakan partikel *Nahy* [لَا] di awal ayat seperti di dalam model karangan yang diberikan dan menukarkan keseluruhan ayat kepada [تَرَى بِالْمَاضِي].

Penggantian Leksikal

Peniruan dengan menggunakan kaedah penggantian leksikal juga turut dilakukan oleh responden seperti contoh berikut:

1. لَا تُضَيِّعُوهَا بِأَعْمَالٍ غَيْرِ مُفِيدَةٍ

*(Jangan abaikannya dengan perkara yang tidak berfaedah)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [سُدَى] dengan leksikal [لَا تُضَيِّعُوهَا بِأَعْمَالٍ غَيْرِ مُفِيدَةٍ] tetapi masih mengekalkan leksikal [لَا تُضَيِّعُوهَا].

2. لَا تُضَيِّعُوهَا إِلَى الْأَحْوَالِ لَا يَسْتَفِيدُ

*(Jangan bazirkannya kepada perkara-perkara yang tidak berfaedah)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [سُدَى] dengan leksikal [لَا تُضَيِّعُوهَا إِلَى الْأَحْوَالِ لَا يَسْتَفِيدُ] tetapi masih mengekalkan leksikal [لَا تُضَيِّعُوهَا].

3. لَا تَبْذِيرُهَا سُدَى بِأُمُورٍ غَيْرِ مُفِيدٍ

*(Jangan bazirkannya begitu saja dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [لَا تُضَيِّعُوهَا] dengan leksikal [لَا تَبْذِيرُهَا] dan mengekalkan leksikal [سُدَى] disamping beberapa leksikal tambahan yang lain. Walau bagaimanapun, penggunaan leksikal [تَبْذِيرُ] adalah salah dan akan di jelaskan oleh pengkaji pada bahagian Kesilapan Penulisan.

4. لَا تُضَيِّعِ الْوَقْتَ فِي حَيَاتِكَ

*(Jangan sia-siakan waktu di dalam hidup kamu)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [سُدَى] dengan [فِي حَيَاتِكَ] disamping menambah leksikal [الْوَقْتَ] selepas leksikal [لَا تُضَيِّعِ].

5. لَا تُحْمَلُوا الْمَشْكَالَةَ وَالْمَسْئَلَةَ بِالْمُسْتَقْبَلِ

*(Jangan bebankan masalah dengan masa hadapan)

Dalam ayat ini, responden telah menambahkan leksikal [المشكلة والمسئلة] disamping mengekalkan leksikal yang lain [لا تُحمّلوا] dan [بالمستقبل].

6. لا تُبدروها سدى

*(Jangan bazirkannya begitu sahaja)

Dalam ayat ini, responden telah menggantikan leksikal [تصيعوها] kepada leksikal [لا تُبدروها] tetapi masih mengekalkan leksikal [سدى]

7. لا تستمسكوا الأعمال في الماضي

*(Jangan berpegang perbuatan pada masa lalu)

Dalam ayat ini, responden telah menambah leksikal [الأعمال] disamping mengekalkan leksikal yang lain iaitu [لا تستمسكوا] dan [في الماضي]

8. لا تحمّلوا الأعمال في المستقبل

*(Jangan bebaskan perbuatan pada masa hadapan)

Dalam ayat ini, responden telah menambah leksikal [الأعمال] disamping mengekalkan leksikal yang lain iaitu [لا تحمّلوا] dan [في المستقبل]

9. لا تستمسكوا الوقت الماضي

*(Jangan berpegang dengan waktu lalu)

Dalam ayat ini, responden telah menambahkan leksikal [الوقت] di samping mengekalkan leksikal [لا تستمسكوا]

10. لَا تُكَلِّفُوا بِالْمُسْتَقْبَلِ

*(Jangan bebankan dengan masa hadapan)

Dalam ayat ini, pelajar telah menggantikan leksikal [تُكَلِّفُوا] kepada [تُكَلِّفُوا] tetapi masih mengekalkan leksikal [المُسْتَقْبَلِ]

4.1.3 Aspek-Aspek Kesilapan yang Berlaku di dalam Proses Imitasi

Analisis berikut adalah bertujuan untuk menjawab soalan kajian yang ketiga iaitu apakah aspek-aspek kesilapan yang sering berlaku di dalam proses imitasi dalam penulisan karangan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia. Pengkaji telah melakukan analisis terhadap kesilapan-kesilapan yang berlaku sepanjang proses imitasi dan berikut adalah hasil analisis pengkaji terhadap kesilapan yang telah berlaku dalam proses tersebut. Semua kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tidak akan dibariskan kerana ia adalah kesilapan.

4.1.3.1 Kesilapan Leksikal

1. هل نعرف مقصده؟ [مقصوده] (Adakah kita mengetahui maksudnya?)

Dalam contoh ini, kesilapan berlaku kerana pelajar menggugurkan fonem atau vokal [wau] yang sepatutnya ditulis.

2. هل تحبون مباظر الوقت؟

Dalam contoh ini, kesilapan berlaku kerana pelajar menulis/mengeja [مبذر] dengan [مباظر] iaitu menukar konsona dzal kepada dza'.

3. لا تبذرا الوقت سدى

Dalam contoh ini, kesilapan berlaku kerana pelajar menggururkan fonem atau vokal [wau] yang sepatutnya ditulis untuk merujuk kepada *jama'* atau ramai.

4. فاهتماموا على أوقاتكم

Dalam contoh ini, pelajar telah mengimitasi gaya bahasa *Amr*. Namun begitu kesilapan berlaku pada perkataan [اهتماموا] sedangkan perkataan yang sepatutnya adalah [اهتموا].

5. هل الوقت المهام عندكم؟

Dalam contoh ini, pelajar telah mengimitasi gaya bahasa *Istifha:m*. Namun begitu berlaku kesilapan pada perkataan [المهام] sedangkan perkataan yang lebih tepat ialah [مهمة].

6. إحفظوا وقتكم

Dalam contoh ini, pelajar telah melakukan kesilapan pada perkataan [إحفظوا] iaitu menggunakan hamzah *Qata'* pada kata kerja *Amr*.

7. الوقت مهمة جدا في حياتنا

Dalam contoh ini, pelajar melakukan kesilapan pada perkataan [مهمة] iaitu menggunakan perkataan muannas sedangkan perkataan yang lebih tepat adalah [مهم] iaitu muzakkar.

8. اخططوا العمل بالدقة

Dalam contoh ini, pelajar telah melakukan kesilapan pada perkataan [اخططوا]. Perkataan tersebut adalah salah bagi menunjukkan kata kerja *Amr* dan perkataan yang tepat ialah [خطط] atau [خططوا] untuk menunjukkan *jama'*.

9. لا تأجيل أعمالكم

Dalam contoh ini, pelajar telah mengimitasi gaya bahasa *Nahy*. Walau bagaimanapun, kesilapan berlaku pada perkataan [تأجيل] kerana menggunakan perkataan kata terbitan iaitu masdar. Perkataan yang tepat adalah menunjukkan kata kerja *Mudhori* iaitu [تؤجل].

4.1.3.2 Kesilapan Sintaksis/Nahu

1. كل ساعة من مادة الحياة سمحسوبة علينا في لقاء الله

Dalam contoh ini, pelajar telah mengimitasi perkataan [محسوبة] tetapi berlaku kesilapan disebabkan pelajar sepatutnya menggunakan kata kerja *Mudhori* disebabkan penggunaan huruf *Istiqbal* (Sin) yang sepatutnya bersambung dengan kata kerja *Mudhori*.

2. كونوا مجتهدون

Dalam contoh ini pelajar telah mengimitasi gaya bahasa *Istifha:m*, tetapi kesilapan yang berlaku adalah pada perkataan [مجتهدون] yang sepatutnya adalah

[مجتهدين] disebabkan leksikal pada berada pada kedudukan *Khabar Ka:na* [خير] dan perlu dibaca *mansub*.

3. أيها الشباب، اغتتم الوقت

Dalam contoh ini, pelajar telah mengimitasi gaya bahasa *Nida'* dan *Amr*. Kesilapan yang dilakukan adalah pada perkataan [اغتتم] yang sepatutnya adalah [اغتنموا] disebabkan leksikal berada pada tempat *jama'* dan merujuk kepada [الشباب] iaitu pemuda-pemudi.

4. لا تبذيرها ولو قليل

Dalam contoh ini, pelajar telah mengimitasi gaya bahasa *Nahy*. Namun begitu berlaku kesilapan pada perkataan [لو] iaitu huruf *nasab* yang sepatutnya lebih tepat pelajar menggunakan kata kerja *Mudhori'* selepas perkataan tersebut.

5. لا بد عليكم أن يحرصوا على أوقاتكم

Dalam contoh ini, berlaku kesilapan pada perkataan [يحرصوا] iaitu menggunakan kata kerja *Mudha:ri'* untuk ramai bagi *dhami:r ghaib* sedangkan lebih tepat adalah pelajar menggunakan kata kerja *Mudha:ri'* untuk ramai bagi *dhami:r mukha:tab* [تحرصوا].

6. إذا فاحرصوا على أوقاتكم

Dalam contoh ini, pelajar cuba untuk mengimitasi ayat seperti di dalam model karangan [إذا فاحرصوا على أوقاتكم] tetapi berlaku kesilapan apabila pelajar telah menggantikan Ayat Perintah iaitu Kata Kerja *Amr* [احرصوا] kepada kata kerja *Mudha:ri'* [يحافظوا].

7. هل تحب الحياتنا؟

Dalam contoh ini, pelajar melakukan kesilapan kerana menambah alif lam [ال] pada perkataan [الحياتنا] dan menyebabkan berlakunya pengulangan *ma'rifaṭ*. Selain daripada penggunaan *dhami:r Nahnu* atau kami tidak bertepatan dengan kata kerja *Mudha:ri'* yang menggunakan *dhami:r Anta* atau kamu (seorang)

8. هل يمكننا يمثل القادة البلاد؟

Dalam contoh ini, pelajar telah menggugurkan huruf *Nasab* [أن] diantara perkataan [يمكننا] dan [يمثل]. Selain daripada itu, pelajar turut melakukan kesilapan pada perkataan [يمثل] iaitu menggunakan kata kerja *Mudha:ri'* untuk seorang sedangkan perkataan yang lebih tepat ialah [نمثل] iaitu kata kerja *Mudha:ri'* untuk ramai/kami.

9. استخدم أوقاتكم

Dalam contoh ini, pelajar telah melakukan kesilapan pada perkataan [استخدم] iaitu menggunakan kata kerja *Amr* bagi mufrad atau seorang, sedangkan perkataan yang tepat ialah [استخدموا] iaitu untuk jama' atau ramai.

10. لم تضيع الوقت في حياتنا.

Dalam contoh ini, pelajar telah melakukan kesilapan pada perkataan [لم] iaitu menggunakan huruf *Nafy* sedangkan perkataan yang lebih tepat adalah partikel *Nahy* iaitu [لا]. Selain daripada itu, pelajar turut melakukan kesilapan pada perkataan [تضيع] iaitu menggunakan kata kerja *Mudha:ri'* untuk seorang sedangkan perkataan yang lebih tepat ialah [نضيع] iaitu kata kerja *Mudha:ri'* untuk ramai/kami.

11. هل أنتم تشغل أوقاتكم بالعمل المفيدة؟

Dalam contoh ini, pelajar telah melakukan kesilapan pada perkataan [تشغل] iaitu menggunakan kata kerja *Mudha:ri'* untuk *mufrad* atau seorang sahaja sedangkan penggunaan [أنتم] di hadapan menunjukkan kata kerja *Mudhori'* tersebut perlu digunakan untuk *jama'* iaitu [تشغلون]

12. احفظوا وقتهم.

Dalam contoh ini, pelajar telah melakukan kesilapan pada penggunaan *dhami:r* [هم] pada perkataan [وقتهم] sedangkan *dhami:r* yang sepatutnya ialah [كم] kerana bertepatan dengan kata kerja *Amr* sebelumnya.

13. أيها المسلمین

Dalam contoh ini, pelajar melakukan kesilapan pada perkataan [المسلمين] iaitu menggunakan *ism mansu:b* pada tempat *Muna:da* sedangkan hukum *Muna:da* adalah *Marfu'*

4.1.3.3 Kesilapan Morfologi

1. لا تبذيرها ولو قليل

Dalam contoh ini, pelajar telah mengimitasi gaya bahasa *Nahy*. Namun begitu berlaku kesilapan pada perkataan [تبذير] iaitu menggunakan *ism masdar* sedangkan perkataan itu lebih tepat menggunakan kata kerja *mudha:ri'* disebabkan bertepatan dengan jumlah sebelumnya iaitu [فاستخدموا أوقاتكم].

2. فاهتماموا على أوقاتكم

Dalam contoh ini, pelajar telah mengimitasi gaya bahasa *Amr*. Namun begitu kesilapan berlaku pada perkataan [اهتماموا] iaitu menggunakan *ism masdar* sedangkan perkataan itu lebih tepat menggunakan kata kerja *Amr*.

3. اغتنم الفرص أمامه!

Dalam contoh ini, pelajar telah mengimitasi gaya bahasa *Amr*. Namun begitu kesilapan berlaku pada perkataan [اغتنم] iaitu menggunakan *ism masdar* sedangkan perkataan itu lebih tepat menggunakan kata kerja *Amr*.

4.2 Dapatan Kajian

4.2.1 Dapatan daripada Penggunaan Imitasi dalam Penulisan

Daripada dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa penggunaan imitasi telah berjaya dilakukan oleh responden di dalam penulisan mereka. Berikut dilampirkan perbandingan penggunaan diantara setiap gaya bahasa yang dikaji.

Jadual 4.6 : Perbezaan Kekerapan Penggunaan Imitasi Gaya Bahasa

GAYA BAHASA	KEKERAPAN PENGGUNAAN	PERATUS
<i>Istifha:m</i>	38	59
<i>Nida:'</i>	35	55
<i>Amr</i>	36	56
<i>Nahy</i>	41	64

Berdasarkan jadual 4.6 di atas, penggunaan kesemua gaya bahasa tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Walau bagaimanapun penggunaan gaya bahasa *Nahy* adalah lebih tinggi penggunaannya dalam kalangan responden. Ini mungkin disebabkan pengulangan sebanyak 3 kali di dalam model karangan menyebabkan responden faham penggunaannya dengan baik. Di samping itu, penggunaan gaya bahasa *Istifha:m* juga menunjukkan kekerapan penggunaan kedua tertinggi. Ini juga turut membuktikan ayat yang berbentuk persoalan adalah mudah diimitasi oleh responden.

Kekerapan penggunaan gaya bahasa *Amr* tidak menunjukkan tahap yang tertinggi walaupun pengulangan gaya bahasa ini berlaku sebanyak 6 kali di dalam model karangan. Ini menunjukkan penulisan ayat penyata lebih menjadi pilihan

responden dalam penulisan mereka berbanding ayat arahan. Kekekapan yang paling rendah juga turut berlaku pada imitasi gaya bahasa *Nida:*, disebabkan responden lebih memilih untuk menulis dalam ayat penyata berbanding ayat seruan.

4.2.2 Dapatan daripada Penggunaan Ayat-Ayat Imitasi

Berikut adalah hasil dapatan yang telah diperolehi oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu apakah ayat-ayat imitasi yang digunakan oleh responden dalam penulisan mereka. Daripada analisis kajian, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat beberapa teknik imitasi yang telah dilakukan oleh responden di dalam karangan mereka. Diantara teknik imitasi yang telah digunakan oleh responden ialah imitasi model, penggantian leksikal dan penggantian keseluruhan ayat. Berikut adalah huraian tentang ketiga-tiga teknik yang telah digunakan dalam imitasi penulisan karangan iaitu:

1. Imitasi model : Imitasi model ialah imitasi tanpa mengubah langsung leksikal atau struktur ayat. Di dalam teknik imitasi ini, responden telah mengimitasi model tanpa mengubah struktur ayat. Ini menjadikan penulisan responden adalah seperti model karangan yang diberikan. Walau bagaimanapun, imitasi ini bukanlah melibatkan keseluruhan teks karangan, tetapi hanya melibatkan beberapa jumlah perkataan sahaja.
2. Penggantian leksikal: Imitasi penggantian leksikal ialah imitasi ayat di dalam model tetapi menukarkan leksikal tanpa mengubah struktur ayat. Pengimitasian teknik ini melibatkan penggantian leksikal dalam struktur ayat yang telah diimitasi dari teks modul. Imitasi ini tidak mengubah bentuk ayat tersebut.

3. Penggantian keseluruhan ayat: Imitasi penggantian keseluruhan ayat ialah satu teknik imitasi yang hanya mengimitasi gaya bahasa model dan telah menggantikan keseluruhan struktur ayat dengan ayat responden sendiri.

Berikut adalah jadual yang menunjukkan penggunaan ketiga-tiga teknik imitasi ini di dalam penulisan responden:

Jadual 4.7: Kekekapan Penggunaan Teknik Imitasi dalam Penulisan Karangan

GAYA BAHASA	TEKNIK IMITASI	KEKERAPAN IMITASI
<i>Istifha:m</i>	Imitasi Model	3
	Penggantian Leksikal	10
	Penggantian Keseluruhan Ayat	62
<i>Nida:’</i>	Peniruan Model	8
	Penggantian Leksikal	38
	Penggantian Keseluruhan Ayat	16
<i>Amr</i>	Peniruan Model	37
	Penggantian Leksikal	19
	Penggantian Keseluruhan Ayat	15
<i>Nahy</i>	Peniruan Model	47
	Penggantian Leksikal	16
	Penggantian Keseluruhan Ayat	5

Berdasarkan jadual 4.7 tersebut, pengkaji mendapati beberapa teknik imitasi yang telah dilakukan oleh responden dalam penulisan karangan iaitu imitasi model karangan, penggantian leksikal dan penggantian keseluruhan ayat. Bagi setiap gaya bahasa yang dikaji, pengkaji turut mendapati terdapat beberapa responden yang memilih

ketiga-tiga teknik atau dua teknik serentak. Walau bagaimanapun kebanyakan responden hanya menggunakan satu teknik sahaja bagi satu-satu gaya bahasa.

Bagi imitasi gaya bahasa *Istifha:m*, penggantian keseluruhan ayat telah dilakukan sebanyak 62 kekerapan oleh 38 orang responden yang mengimitasi gaya bahasa *Istifha:m* ini. Seterusnya penggantian leksikal pula menunjukkan 10 kekerapan dan imitasi model pula menunjukkan jumlah yang paling rendah iaitu hanya 3 kekerapan sahaja. Ini menunjukkan responden memahami gaya bahasa *Istifha:m* dengan baik sehingga dapat menulis ayat baru.

Bagi imitasi gaya bahasa *Nida:’* pula, penggantian leksikal menunjukkan jumlah kekerapan yang tinggi iaitu sebanyak 38 kekerapan oleh 35 orang responden. Seterusnya penggantian keseluruhan ayat pula menunjukkan 16 kekerapan manakala peniruan model hanya menunjukkan 8 kekerapan sahaja.

Imitasi gaya bahasa *Amr* pula menunjukkan sebaliknya iaitu peniruan model adalah jumlah kekerapan yang tertinggi iaitu sebanyak 37 kekerapan yang dilakukan oleh 36 orang responden. Jumlah kedua tertinggi pula ialah penggantian leksikal iaitu sebanyak 19 kekerapan dan penggantian keseluruhan ayat pula hanya sebanyak 15 kekerapan sahaja.

Bagi imitasi gaya bahasa *Nahy* pula, peniruan model turut menunjukkan jumlah kekerapan yang tertinggi iaitu sebanyak 47 kekerapan yang dilakukan oleh 41 orang responden. Jumlah kekerapan penggantian leksikal hanyalah berlaku sebanyak 16 kekerapan dan penggantian keseluruhan ayat hanya 5 kekerapan sahaja.

Selain daripada itu, dapatan kajian turut mendapati bahawa penggunaan ketiga-tiga teknik imitasi tersebut turut dibantu dengan maklumat dan pengetahuan yang sedia ada pada responden. Walau bagaimanapun kepelbagaian pengetahuan dan maklumat

yang dipelajari amat kurang di gunakan ketika dalam penulisan Berikut adalah dapatan tentang pengetahuan responden terhadap ayat gaya bahasa.

4.2.2.1 Pengetahuan tentang Ayat *Istifha:m* (Ayat Tanya)

Berdasarkan maklumat yang ditunjukkan dalam jadual 4.6, penggunaan teknik penggantian keseluruhan ayat menunjukkan jumlah yang tertinggi dalam imitasi gaya bahasa *Istifha:m*, namun begitu melalui pemerhatian pengkaji ke atas hasil penulisan pelajar, dapat disimpulkan bahawa responden lebih banyak memfokuskan teknik penggantian keseluruhan ayat kepada satu bentuk Ayat Tanya sahaja iaitu penggunaan partikel *Hal* [هَلْ] (Adakah) berbanding jenis-jenis partikel *Istifha:m* yang lain. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa orang responden yang mengimitasi gaya bahasa *Istifha:m* ini dengan menggunakan partikel *Istifha:m* atau Kata Tanya yang lain seperti [مَاذَا] (Apakah), [كَيْفَ] (Bagaimanakah), dan [مَا] (Apa) di dalam penulisan mereka.

Penggunaan satu bentuk partikel atau Kata Tanya sahaja mungkin disebabkan kebergantungan yang terlalu kuat terhadap model karangan menyebabkan responden lupa jenis-jenis partikel atau Kata Tanya yang telah dipelajari mereka sebelum ini. Namun begitu responden masih mampu untuk menulis jumlah *Istifha:m* yang baik dan betul dengan menggunakan perkataan sendiri.

4.2.2.2 Pengetahuan tentang Ayat *Nida:'* (Ayat Seruan)

Melalui daripada imitasi responden, penggantian leksikal adalah teknik yang tertinggi dilakukan oleh responden dalam imitasi gaya bahasa *Nida:'*. Ini dapat dilihat

oleh pengkaji dengan penggantian leksikal [الشَّبَابُ] kepada beberapa leksikal lain seperti [النَّاسُ] dan [الْإِنْسَانُ] bagi menjadikan penulisan mereka lebih bersikap umum.

Selain daripada itu, pengkaji dapat melihat penambahan leksikal [أَيُّهَا] dalam penulisan gaya bahasa *Nida:*' di samping penggunaan partikel *Nida:*' yang lain seperti [هَيَّا]. Ini menunjukkan responden turut mengetahui beberapa partikel *Nida:*' yang lain. Namun begitu penggunaan partikel *Nida:*' [يَا] dan [أَيُّهَا] adalah paling banyak digunakan oleh responden disebabkan pendedahan kepada huruf *Nida:*' tersebut adalah paling banyak berbanding huruf-huruf yang lain terutamanya di dalam Al-Quran.

4.2.2.3 Pengetahuan tentang Ayat *Amr* (Ayat Perintah)

Melalui daripada imitasi responden di dalam penulisan karangan, pengkaji mendapati responden memahami penggunaan gaya bahasa *Amr*. Ini ditunjukkan dengan imitasi yang dilakukan oleh responden, walau bagaimanapun, teknik imitasi model adalah paling banyak dilakukan oleh responden mungkin disebabkan responden kurang pengetahuan tentang leksikal untuk menulis kata kerja *Amr* yang baik.

Selain daripada itu, berlaku juga kesilapan leksikal kata kerja *Amr* yang dilakukan oleh responden kerana terpengaruh dengan kata kerja yang lain. Disamping itu, penggunaan kata tanya *Amr* untuk *jama'* adalah paling tinggi digunakan oleh responden dalam penulisan dan sekaligus menunjukkan kebergantungan responden terhadap ayat *Amr* untuk *jama'* adalah tinggi disebabkan model karangan juga memfokuskan kepada kata ganti diri *jama'*. Namun begitu, kebergantungan ini menyebabkan berlakunya kesilapan dalam kalangan responden kerana tidak menggunakan kata kerja *Amr* untuk *jama'* sedangkan leksikal berikutnya ditujukan

kepada *jama'* Hal ini adalah disebabkan sikap kurang berhati-hati dalam kalangan responden dan pengaruh bahasa ibunda.

4.2.2.4 Pengetahuan tentang Ayat *Nahy* (Ayat Larangan)

Melalui daripada imitasi responden di dalam penulisan karangan dapat disimpulkan bahawa memahami penggunaan gaya bahasa *Nahy*. Pengulangan gaya bahasa *Nahy* tersebut di dalam contoh karangan sebanyak tiga kali membantu pemahaman responden terhadap gaya bahasa tersebut walaupun teknik imitasi model adalah teknik yang tertinggi digunakan oleh responden. Namun begitu, terdapat juga responden yang terkeliru dengan penggunaan ayat *Nafy* dan melakukan kesilapan menggunakan partikel *Nafy* bagi ayat *Nahy*, ini mungkin disebabkan pendedahan kepada ayat *Nahy* adalah kurang berbanding dengan ayat *Nafy*.

4.2.3 Dapatan daripada aspek kesilapan yang berlaku

Dapatan berikut bertujuan untuk menjawab soalan kajian yang ketiga, iaitu mengkaji aspek-aspek kesilapan yang sering berlaku ketika proses imitasi dalam penulisan karangan pelajar USIM. Walaupun model karangan telah disediakan kepada setiap pelajar, namun terdapat juga beberapa kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar seperti kesalahan yang melibatkan kata kerja, kata nama, kata ganti nama diri, ejaan, dan penyesuaian muzakkar dan muannath. Kesilapan ini akan memberi kesan kepada hasil karangan pelajar. Pengkaji telah melakukan analisis terhadap ayat dan perkataan yang diimitasi oleh pelajar yang terdapat beberapa kesilapan kesan daripada proses imitasi. Ayat dan perkataan yang dikaji hanyalah melibatkan imitasi daripada pembahagian 4 jenis Gaya Bahasa *Insya'i* sahaja.

Daripada dapatan kajian ke atas kesilapan penulisan pelajar, pengkaji mendapati pelajar-pelajar banyak melakukan kesilapan paling asas dalam bahasa Arab yang membabitkan kesilapan leksikal, sintaksis dan morfologi. Berikut adalah rumusan tentang kesilapan pelajar dalam penulisan karangan pelajar:

Jadual 4.8 : Kekerapan Kesalahan dalam Imitasi Gaya Bahasa

<i>Istifha:m</i>	<i>Nida:’</i>	<i>Amr</i>	<i>Nahy</i>
13	2	8	8

Berdasarkan Jadual 4.7, pengkaji mendapati kekerapan kesilapan yang paling tinggi adalah pada gaya bahasa *Istifha:m* iaitu sebanyak 13 kekerapan, manakala gaya bahasa *Amr* dan *Nahy* pula merekodkan kesilapan sebanyak 8 kekerapan. Gaya bahasa yang paling rendah kesilapan ialah gaya bahasa *Nida:’* iaitu sebanyak dua kekerapan sahaja.

Namun begitu jika pengkaji melihat kepada analisis kajian, kesilapan pelajar bukanlah daripada kesilapan gaya bahasa tetapi lebih kepada kesilapan asas seperti kesilapan dalam leksikal, sintaksis dan morfologi. Diantara aspek-aspek kesilapan yang paling jelas berlaku adalah seperti berikut:

1. Kesilapan penulisan dari aspek imla:’

Di dalam aspek ini, didapati berlaku beberapa kesilapan dari aspek imla:’ terutamanya yang melibatkan pengguguran fonem atau vokal seperti contoh vokal waw pada perkataan [مقصد]. Selain daripada itu juga berlaku pertukaran konsonan yang hampir sama sebutannya seperti konsonan. dzal kepada dza’.

2. Kesilapan penulisan dari aspek penyesuaian muzakkar dan muannath

Di dalam aspek ini, didapati berlaku kesilapan dalam penentuan *Khabar Mubtada:*'. Kesilapan berlaku apabila *Mutada:*' menunjukkan *Muzakkar* dan *Khabar Mubtada:*' adalah sebaliknya iaitu *Muannath* seperti contoh:

الوقت مهمة جدا في حياتنا

3. Kesilapan penulisan dari aspek kata kerja.

Aspek ini menunjukkan kesilapan yang tertinggi di dalam kajian ini. Di antara kesilapan yang berlaku adalah penggunaan *Masdar* pada tempat kata kerja seperti contoh berikut:

i. فاهتماموا على أوقاتكم - اغتنام الفرص أمامه - لا تأجيل أعمالكم

Selain daripada itu kesilapan yang berlaku adalah pada penggunaan timbangan kata kerja yang betul seperti contoh berikut:

ii. هل أنتم تشغل أوقاتكم بالعمل المفيدة؟ - لم تضيع الوقت في حياتنا

4. Kesilapan penulisan dari aspek kata nama.

Di dalam aspek ini, kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah kesilapan pada hukum *i'ra:b* seperti contoh أيها المسلمین yang sepatutnya menggunakan hukum *Marfu:*'.

5. Kesilapan penulisan dari aspek kata ganti diri.

Di dalam aspek ini, berlaku kesilapan apabila kata ganti diri yang digunakan adalah bertentangan dengan kata kerja seperti contoh:

احفظوا وقتهم - استخدم أوقاتك

Hasil daripada dapatan kajian ini dengan jelas membuktikan bahawa semua kesalahan yang dilakukan adalah daripada perkara-perkara asas dalam ilmu tatabahasa Arab yang tidak patut berlaku. Pengkaji juga mendapati pelajar dapat memperbetulkan kesalahan mereka sendiri namun begitu kesilapan yang berlaku mungkin disebabkan kurangnya latihan dalam penulisan dan hanya menumpukan pada isi karangan semata-mata sahaja. Selain daripada itu juga, perkara ini mungkin adalah disebabkan kurangnya pengetahuan pelajar dalam morfologi bahasa Arab serta kurang latihan dan paling utama adalah kurangnya dalam penggunaan kamus

4.3 Kesimpulan

Secara umumnya, pengkaji telah menghurai secara terperinci dapatan kajian berdasarkan instrumen kajian yang diperolehi dalam pelaksanaan kajian ini iaitu kertas jawapan penulisan karangan pelajar. Analisis data daripada kertas jawapan penulisan karangan pelajar memberikan penjelasan yang mendalam tentang penggunaan imitasi dalam penulisan karangan pelajar disamping secara langsung menyatakan kemampuan pelajar dalam mengimitasi gaya bahasa Arab di dalam penulisan karangan. Di samping itu, analisis data ini juga turut secara tidak langsung menyatakan kesilapan asas yang menjadi kelemahan utama dalam penulisan karangan.

BAB 5

RUMUSAN DAN SARANAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan dan merumuskan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji sebelum ini. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada hasil kajian, beberapa cadangan dan saranan kepada pihak-pihak berkenaan turut dinyatakan dengan tujuan untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis. Di samping itu juga, pengkaji juga menyarankan beberapa cadangan kajian lanjut yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji lain pada masa akan datang.

5.1 Rumusan

Bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan lagi rumusan kajian dengan membuat rumusan terhadap penggunaan imitasi dalam penulisan karangan daripada kajian lepas dan rumusan berkaitan dengan dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji.

5.1.1 Rumusan Penggunaan Imitasi dalam Penulisan Karangan daripada Kajian Lepas

Berdasarkan perbentangan yang dikemukakan daripada bab dua, terdapat pelbagai pendapat dalam penggunaan model karangan sebagai bahan imitasi dalam penulisan karangan pelajar. Secara keseluruhannya, kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa penggunaan model karangan dapat membantu kemahiran menulis pelajar.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa penggunaan model karangan ini akan menyekat kebolehan pelajar untuk lebih kreatif dalam penulisan mereka. Namun McCampbell (2012) telah menegaskan bahawa penggunaan model karangan ini adalah salah satu kaedah pembelajaran yang menjadi sebagai bahan bantu mengajar untuk memantapkan penguasaan penulisan dan bukanlah satu-satunya cara untuk menyelesaikan masalah dalam penulisan pelajar.

Selain daripada itu, Richard M. Eastman (1984) juga turut menegaskan bahawa imitasi di dalam penulisan adalah berbentuk pemilihan daripada penggunaan leksikal, struktur ayat dan pendekatan terhadap pembaca dan semua pemilihan ini akan mempengaruhi pelajar dalam prestasi penulisan mereka (Mahnaz Seidi:2011). Namun begitu Kamarudin (1997) menyatakan imitasi adalah salah satu teknik yang diaplikasi dalam pendekatan model dalam pembelajaran dan pengajaran penulisan.

5.1.2 Rumusan daripada Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis dan dapatan kajian yang diperolehi, beberapa rumusan dapat dinyatakan berdasarkan tiga objektif kajian berikut:

Pertama, bagi menjawab soalan kajian tentang penggunaan imitasi dalam penulisan karangan pelajar. Kajian telah mendapati bahawa imitasi dapat dijalankan dalam pembelajaran penulisan karangan pelajar. Penggunaan imitasi juga telah direkodkan di dalam setiap gaya bahasa yang telah dikaji iaitu gaya bahasa *Istifha:m*, *Nida:’*, *Amr* dan *Nahy*. Perbezaan di antara setiap gaya bahasa hanyalah berdasarkan kekerapan penggunaan imitasi yang dilakukan oleh setiap pelajar. Walaupun kajian hanya merekodkan imitasi yang berlaku pada ayat gaya bahasa *Istifha:m*, *Nida:’*, *Amr* dan *Nahy* sahaja, namun dapatan kajian telah memperolehi penemuan baru bahawa kaedah ini akan dapat membantu pelajar dalam menulis karangan yang baik dan tepat

mengikuti gaya bahasa Arab. Imitasi ini juga turut membantu pelajar dalam menulis jumlah ayat yang lebih kreatif dan menarik. Selain daripada itu juga, turut membantu pelajar mempelbagaikan kaedah dan cara dalam penulisan mereka dan tidak terarah kepada satu jenis penulisan sahaja. Ini dapat menarik minat pelajar untuk memperbaiki cara penulisan mereka dari semasa ke semasa. Penemuan ini juga turut memberikan maklumat kepada tenaga pengajar terhadap aktiviti-aktiviti atau kaedah yang dapat digunakan dalam membantu pelajar meningkatkan tahap penguasaan dalam penulisan karangan.

Soalan kajian kedua pula iaitu menganalisis ayat-ayat imitasi yang digunakan dalam penulisan karangan pelajar dapat dilihat dalam pengimitasian pelajar ke atas gaya bahasa yang dikaji iaitu gaya *Istifha:m*, *Nida:'*, *Amr* dan *Nahy*. Kajian telah menunjukkan terdapat berdasarkan dapatan yang diperolehi. Dapatan juga telah mendapati bahawa teknik yang digunakan oleh pelajar dalam imitasi iaitu imitasi model, penggantian leksikal dan penggantian keseluruhan ayat. Berdasarkan kajian ini juga turut mendapati pelajar telah mengimitasi teknik-teknik tersebut dengan baik dengan menggunakan segala maklumat dan pengetahuan yang sedia ada bagi menghasilkan ayat gaya bahasa yang baik dan terkini. Imitasi model ialah imitasi yang dilakukan oleh pelajar tanpa mengubah langsung ayat ini banyak digunakan bagi gaya *Amr* dan *Nahy* dan amat sedikit digunakan bagi gaya *Istifha:m* dan *Nida:'*. Namun begitu teknik penggantian leksikal dan penggantian keseluruhan ayat turut dilakukan oleh pelajar bagi setiap gaya bahasa. Kajian ini juga turut membuktikan bahawa para pelajar mampu untuk mengimitasi gaya bahasa dengan baik dan ini diyakini jika diberikan segala tunjuk ajar dan latihan yang lebih, para pelajar mampu untuk menghasilkan penulisan yang baik bukan sahaja bagi penulisan gaya bahasa tetapi penulisan secara keseluruhannya.

Bagi soalan kajian yang ketiga pula, pengkaji mendapati kesilapan yang sering berlaku di dalam proses imitasi adalah kesilapan yang berulang dan kesilapan yang paling asas dalam bahasa Arab yang membabitkan kesilapan leksikal, sintaksis dan morfologi. Malah kesilapan yang tertinggi adalah kesilapan asas yang berlaku dalam ilmu sintaksis bahasa Arab seperti kesilapan *dhami:r*, kesalahan kata kerja dan kesalahan *fa:'il*. Kesilapan ini kerap berlaku disebabkan penumpuan para pelajar adalah kepada isi kandungan penulisan karangan sehingga menyebabkan mereka mengabaikan perkara-perkara lain yang juga turut penting dalam penulisan. Disamping itu juga pengaruh bahasa ibunda juga adalah penyebab kepada kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Selain daripada itu, kesilapan ini turut berlaku kerana kebanyakan pelajar kurang praktikal ilmu sintaksis bahasa Arab di dalam penulisan sehingga menyebabkan mereka lalai ketika menulis. Justeru itu, pengkaji melihat imitasi bukanlah satu kaedah utama dalam menyelesaikan masalah kesilapan tatabahasa pelajar dalam penulisan tetapi imitasi adalah satu kaedah untuk membantu pelajar dalam menulis karangan bahasa Arab dengan gaya bahasa yang betul dan mengurangkan gaya terjemahan *harfiat* yang kerap berlaku dalam kalangan pelajar ketika menulis karangan bahasa Arab.

5.2 Saranan

Daripada hasil kajian ini, pengkaji sertakan beberapa saranan dan cadangan berkaitan dengan imitasi dalam penulisan karangan.

5.2.1 Saranan untuk Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan.

Seterusnya, pengkaji berharap hasil kajian ini dapat membantu banyak pihak dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan walaupun pada dasarnya kajian ini tidaklah mendatangkan impak yang besar, namun imitasi ini dapat digunakan

sebagai latih tubi dalam pembelajaran penulisan. Penglibatan semua pihak amatlah diharapkan bagi memastikan mutu penulisan karangan pelajar adalah bertambah baik dan mengurangkan penggunaan terjemahan perkataan daripada bahasa ibunda kepada bahasa Arab serta mengelakkan penggunaan ayat dan perkataan yang tidak difahami oleh pemeriksa atau tenaga pengajar. Berikut adalah pihak-pihak yang harus mengambil perhatian dalam memastikan pemantapan bahasa Arab dalam kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar:

i. Tenaga pengajar

- a. Mencari dan menggunakan kaedah-kaedah terkini dalam memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya teknik-teknik mengimitasi bahasa Arab dengan gaya bahasa yang terbaik. Juga ditekankan latihan yang intensif dalam memperbaiki asas-asas bahasa seperti pemantapan sintaksis, morfologi, dan leksikal bahasa dapat memperkemas lagi gaya imitasi di kalangan pelajar. Daya kreativiti yang ada pada pengajar dalam menerapkan penguasaan teknik imitasi di kalangan penulisan pelajar amatlah dihargai di samping menambahkan lagi kualiti hasil karangan mereka.
- b. Galakan dan dorongan kepada pelajar dalam menajamkan kemahiran menulis mereka untuk menyampaikan buah fikiran dan idea dalam bentuk yang lebih baik. Pendedahan sumber-sumber rujukan yang baik kepada pelajar akan membantu mereka membiasakan diri dengan teknik-teknik dan gaya bahasa yang sesuai mengikut jenis karangan dan penulisan.

ii. Pelajar

- a. Menggunakan ruang-ruang kemudahan dan teknologi terkini dalam memantapkan lagi kemahiran bahasa khususnya dalam bidang penulisan. Dengan cara ini, gaya bahasa yang baik dapat diserap melalui input-input yang baik seperti pembacaan daripada sumber-sumber bahasa yang baik penulisannya.
- b. Memperbanyakkan latihan tubi dalam mengimitasi gaya bahasa Arab yang terbaik sehingga mencapai tahap yang cemerlang, seperti tidak lagi berlaku kesilapan-kesilapan bahasa yang asas, samada dari segi sintaksis, morfologi, mahupun leksikal.

iii. Penulis- penulis modul.

Penulis-penulis modul merupakan kumpulan yang bertanggungjawab dalam menyediakan sukatan pembelajaran. Justeru itu, beberapa perkara perlu di ambil perhatian oleh kumpulan tersebut:

- a. Sentiasa mendapat maklum balas daripada tenaga pengajar terhadap modul yang ditulis bersesuaian dengan tahap pelajar atau sebaliknya.
- b. Sentiasa memastikan bahan modul adalah bahan yang terkini dan bersesuaian dengan peringkat pembelajaran pelajar
- c. Sentiasa berusaha memastikan silibus modul atau sukatan modul adalah bertepatan dengan kehendak pelajar dan universiti serta bertepatan dengan keperluan fakulti

iv. Pihak Universiti.

- a. Pihak universiti haruslah memastikan segala kemudahan infrastruktur seperti makmal bahasa, sistem audio dan video dapat digunakan dengan baik dalam pembelajaran bahasa.
- b. Pihak universiti juga haruslah memastikan bilangan pelajar dalam setiap kelas pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah bersesuaian dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa iaitu bilangan yang paling maksimum bagi memudahkan penumpuan tenaga pengajar kepada pelajar.

5.2.2 Saranan untuk Kajian Akan Datang

Hasil kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan dan panduan kepada pengkaji-pengkaji lain yang ingin membuat kajian tentang pembelajaran dalam penulisan karangan pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan, kajian ini mempunyai pelbagai kelemahan. Justeru, pengkaji mengharapkan kelemahan-kelemahan tersebut dapat diperbaiki dalam penyelidikan yang akan datang. Daripada hasil kajian dan kesimpulan yang diperolehi, beberapa cadangan dinyatakan untuk kajian masa depan. Cadangan-cadangan tersebut ialah :

- i. Kajian ini adalah berbentuk kajian kes yang tidak menggunakan pre test serta dijalankan pada waktu yang terhad. Bagi kajian akan datang disarankan agar melakukan kaedah eksperimental dan dijalankan pada tempoh waktu yang tertentu agar hasil dapatan lebih menunjukkan

perkembangan penggunaan imitasi di dalam pembelajaran penulisan karangan.

- ii. Pemilihan responden seramai 64 orang daripada satu fakulti sahaja sebagai subjek kajian telah menghasilkan dapatan yang agak terhad. Justeru itu disarankan satu kajian yang merangkumi beberapa buah fakulti agar mendapat hasil dapatan yang menyeluruh serta dapat menunjukkan perbezaan penggunaan di antara beberapa fakulti.
- iii. Pemilihan lokasi kajian yang agak terhad kepada sebuah universiti sahaja membolehkan dapatan diperolehi daripada responden yang mempunyai pencapaian daripada tahap yang sama. Justeru itu, disarankan kajian merangkumi beberapa buah universiti agar dapat memperolehi responden yang pelbagai tahap supaya mendapat hasil dapatan yang boleh digeneralisasikan kepada semua peringkat pembelajaran.
- iv. Kajian ini hanya melibatkan imitasi gaya bahasa *Insya:’iy*. Ini menyebabkan tidak dapat mengetahui dengan tepat kesan penggunaan imitasi dalam karangan pelajar secara menyeluruh. Oleh yang demikian, banyak kajian yang boleh dijalankan terutama melibatkan imitasi yang dari pelbagai bentuk, seperti imitasi gaya bahasa *Khabary*, gaya bahasa *Syarat*, gaya bahasa *Qasam* dan lain-lain.

5.3 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, walaupun kajian ini terhad dan hanya memfokuskan kepada satu aspek imitasi sahaja, pengkaji berharap kajian ini dapat memberi sedikit gambaran tentang teknik imitasi yang dapat digunakan di dalam pembelajaran penulisan bahasa Arab. Kajian yang dijalankan ini juga diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang terbabit dalam proses pembelajaran untuk mempelbagaikan kaedah serta teknik dalam memastikan pencapaian pelajar dalam kemahiran penulisan bahasa Arab adalah terbaik seperti kemahiran bahasa yang lain.

University of Malaysia

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an Al-Kari:m

Tafsir

Ab. Halim, T. & Nik Mohd Rahimi, N. Y.(2010). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Aziz Abdul Talib. (1993). *Menguji Kemahiran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 16-57.

_____. (1996). *Menguji Kemahiran Bahasa: Prinsip, Teknik dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Ghani bin Md. Hassan (1999). *Kesilapan Membina Ayat Asas Bahasa Arab Dikalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Disertasi Sarjana Bahasa Moden, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdul Rasid Jamian. 2011. *Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar Bandar*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1(1):1-12

‘Abdullah Ali Mustafa.(2010).*Maharat Al-Lughatul Al-Arabiah*.Oman:Dar al-Masirah

Abdullah Hassan. (1983). *Rencana Linguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

_____. (1987). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Melayu*. Fajar Bakti: Kuala Lumpur.

_____. (1989). *Isu-isu Perancangan Bahasa*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

_____ dan Ainon Mohd (1994). *Tesaurus Melayu Moden Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abu Syarifah Abdul Kadir Syarif (1994). *Al-Kitabah al-Wazifiyyah Manhaj Jadi:d fi Fann Al-Kitabah wa Al-Ta'bi:r*. Amman: Maktabah Al-Falla:h

Adrian Yong Tat. Strategi pembelajaran bahasa metakognitif bahasa Melayu sebagai bahasa asing oleh pelajar-pelajar asing Disertasi Sarjana. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Ahmad Ibrahim Al-Hashimi (1999). *Jawahir al-Balaghah fil al-Ma'ani wa al-Baya:n wa al-Badi'*. Dengan ulasan dan penjelasan oleh Muhammad al-Tunjiy. Beirut : Muassasah al- Ma'arif.

Arbak Othman dan Ismail Hj. Adnan (1986) *Mengarang sebagai satu kemahiran*. Subang Jaya : Penerbitan Sarjana

Arfah Abdul Aziz et. al. (1992). *Asas Kemahiran Berbahasa KBSR*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asma Abdul Rahman dan Maimun Aqasha Lubis (2010). *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab untuk Kanak-Kanak Pintar*. Nilai: Universiti Sains Islam.

Asmah Omar (1990). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bandura, Albert. 1962. *Social Learning Through Imitation*. Lincoln, NE: University of Nebraska Press.

_____. 1963. The Role of Imitation in Personality Development. *Journal of Nursery Education*, 18(3): 207–215.

Che Radiah Mezah. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal Dalam Karangan Bahasa Arab* Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

_____. (2009). *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. 2011. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1):67–87

Chen Yoke Thin (2003). Satu tinjauan tentang masalah salah tulis, salah guna dan ketinggalan perkataan dalam penulisan karangan Bahasa Cina pelajar Tingkatan Empat. Thesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Chua, Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

Donato, R. 2000. *Sociocultural contributions to understanding the foreign and second language classroom*. Dalam KAmrul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin, Embi, *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Universiti Malaya: Penerbit Universiti Malaya.

Farnaz Sahebkhair (2011) *The Effect of Model Essays on Developing Accuracy and Complexity of EFL Learners' Writing in the Iranian Context*. ICT for Language Learning 4th Edition

Fatimah Busu. (2003). *Memupuk Bakat & Minat Penulisan Kreatif Teori & Proses*. Kuala Lumpur: Percetakan Cergas (M) Sdn. Bhd.

Fuad Ni'mat (1973). *Mulakhas Qawaid Al Lughah Al Arabiyah*. Edisi keenam. Kaherah: Maktabah al- Ilmi: lil- Ta'li:f wa al-Tarjamah.

Ghazali Yusri Abd Rahman. (2005). Kemahiran menulis tulisan Arab di kalangan pelajar-pelajar UiTM : Kelemahan dan cara mengatasinya. Projek Penyelidikan, Universiti Teknologi Mara. Nurulasyikin (2006) "Kemahiran Menulis Aksara Arab Di Kalangan Pelajar Sifar Arab,

Gorys Keraf (2000). *Diksi dan Gaya Bahasa Komposisi Lanjutan 1*. Ed yang diperbaharui. Jakarta : PT Gramedia Pustaka Utama.

Hamdi Abdul Hamid (2010). *Pengajaran Kosa Kata Arab Di Peringkat Menengah Rendah*. Desertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Harison Mohd Sidek (2012). *Imitation in Second Language Acquisition and Development*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Hasan Shaḥa:tah (1993). *Ta'li:m al-Lughat al-'Arabiyyat Baina al-Nazariyyat Wa al-Taṭbi:q*. Cairo : Da:r al-Maṣriyyat al-Lubna:niyyat.

Hashim Othman. (2003). *Kemahiran Menulis: Perspektif Komunikatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (2005). *Pentaksiran Karangan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Hassan Basri A.M Dahan (1996) *Analisis Kesilapan Dalam Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Satu Kajian Terhadap Pelajar Tahun Akhir Akademi Islam Universiti Malaya*.

Hughey, J. B., wormuth. D. R., Hartfiel, V. F., & Jacobs, H.L.(1983). *Teaching ESL Composition: Principal and Techniques: Why Write? Writing is Lifetime Skill*. Newbery House Publishers, Inc.

Ibn Manzūr. Jamāl al-din Muhammad. (1996). *Lisa:n al- 'Arab*. Beirut: Dār Ihyā al-Turāth al- 'Arabi

Isahak Haron (1979) Panduan Pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Menengah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

James. F. McCampbell (Sep., 1966). Using Models for Improving Composition. *The English Journal*, Vol. 55, No. 6 (Sep., 1966), pp. 772-776Published by: National Council of Teachers of English Stable URL: <http://www.jstor.org/stable/811516> .Accessed: 22/01/2012 00:13

Kamaruddin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (1997). *Penguasaan Kemahiran Menulis*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kamaruddin Hj. Husin (1998). *Pedagogi bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman

_____. (2002). *Pedagogi Bahasa*. Petaling Jaya, Logman Sdn. Bhd.

Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Kamarul Shukri Mat Teh. (2008). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Ringkasan Penyelidikan Siswazah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

Kamus Dewan (4th ed.). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khazri Osman dan Ku Siti Esah Ku Ibrahim (2012). *Analisa Kesalahan Pelajar Dalam Penulisan Bahasa Arab: Kajian Kursus Maharat Al-Kitabah*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012(PKEBAR'12). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Khazri Osman, Moktar Hussain, Suhaila Zailani, Hakim Zainal. Fakulti Pengajian Islam (2012) Analisis Kesalahan Pelajar dalam Penulisan Bahasa Arab: Kajian Kursus Maharat Al-Kitabah. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)* 2012 p. 130-138.

Keris Mas (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmud Kamal al-naqah, (1985). *Ta'lim al Lughah al-Arabiyyah lil Natiqina bi Lughahatun Ukhr*. Saudi Arabia: Universiti Ummul Qura.

Mahnaz Saeidi, Farnaz Sahebkhair (2011). The Effect of Model Essays on Accuracy and Complexity of EFL Learners ' Writing Performance. *Middle-East Journal of Scietific Research* 10 (1) p. 130-137

Mahzan Arshad. (2003). Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Suatu pendidikan bersepadu. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Marohaini Yusoff (2004). *Perlakuan dan Proses Menulis Karangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Mashitah Zainuddin (2005) Keberkesanan Penggunaan Teknik Pembelajaran Berkoperatif dalam Penulisan Karangan Pelajar Tingkatan Dua

Melanie C. González (2012) *Journal of Second Language Writing* 21 (3) p. 317-319

Mohd. Nadzri Bin Mohmud. (2006). *Analisis Penggunaan Ayat Majmuk Dalam Penulisan Karangan di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Enam Rendah*. (Unpublished master's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mok Soon Sang (2010). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.:

Muhamad Zaidi Zakaria (2011). *Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Menerusi Program J-Qaf*. Desertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mu'jam 'Arabiy Asasi. t.tpt: al-Munazzamah al-Arabiyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum

Mu'jam Wasi:t cet 4(2004:190) Mujamma' Lughatul al 'Arabiyah. Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Dauliyyah

Prof. Madya Dr. Naimah Abdullah , Dr. Norhayuza Mohamad , Zuraini Ramli , Aini Aziz , Prof. Madya HjH Juridah Atin , Midiyana Mohamad.(2009). *Tinjauan Terhadap Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BATA) dikalangan Masyarakat Islam Malaysia*. Akademi Pengajian Bahasa. Malaysia:Universiti Teknologi MARA.

Neil Miller dan John Dollard (1941). *Social Learning and Imitation*. New Haven, CT, US: Yale University Press. xiv 341 pp.

Normazidah Mahmood. (2002). *Soalan-soalan kemahiran menulis di dalam buku teks Bahasa Arab komunikasi : satu kajian kes*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nurulasyikin Muda (2006) *Kemahiran Menulis Aksara Arab Di Kalangan Pelajar Sifar Arab*. Desertasi Sarjana. Bangi :Universiti Kebangsaan Malaysia

Paul A. Eschholz (1980) *The Prose Models Approach: Using Products in the Process* dalam Donovan, T.R. and McCelland, B.w. (ed.) *Eight Approaches to Teaching Composition*. (ms 32-47).Illionois: National Council of Teachers of English

Rabiah Kulop.Hamzah. (1999). *Kemahiran Menulis:Pengalaman Penulis*. Persidangan Bengkel Pedagogi Bahasa Melayu, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.

Rahman Shaari (1993). *Memahami Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahmawati (2007) dalam Yayan Nurbayan (2011) Yayan Nurbayan. (2011). Using the Imitating Modul Techniques on Insyah' Teaching for Improving the Student's Writing Ability in Thesis. *International Journal for Educational Studies*. Vol. 4(1), 99-106.

Raja Hazirah binti Raja Sulaiman (2012). *Penguasaan Balaghah Dalam Kalangan Pelajar IPT*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Raminah Hj. Sabran. (1993). *Kecekapan berkomunikasi dalam bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Rebekha Abbuhl (2011). *Using Models in Writing Instruction : A Comparison With Native and Nonnative Speakers of English*. SAGE Open Inc. telah dimuat turun pada 21 Januari 2012

Dr. Rohi Baalbaki.(2005:450).AL-MAWRID: A Mordern Arabic-English Dictionary 7th edition. Beirut: Dar el-Ilm Lilmalayin

Rosni Samah. (2009) .*Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan penutur Jati*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

_____.(2012).*Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama*.GEMA Online™ Journal of Language Studies. Volume 12(2), May 2012. ISSN: 1675-8021

Salma Endut. (2003). *Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran menulis karangan bahasa Arab di kalangan pelajar di dua buah sekolah agama*. Kertas Kerja Projek Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salleh Abd Majid al-Arabi. (1981). *Ta''ālumil Lughatul Haiyyah wa Ta''alimuha*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Siti Fatimah Saad (2013). Kaedah Pengajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab di Peringkat Sekolah Rendah, Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013, Penang, Malaysia. e-ISBN 978-967-11768-1-8. Organized by WorldConferences.net

Siwaporn Saito (2010). *An Analysis Of Argumentative Essays Of Thai Third-Year English Majors Instructed By The Integrated Process-Genre Approach*

Skinner, B.F. (1975). *Verbal Behavior*. New York: Appleton – Century – Croft Inc.

Sokolik, M. (2003) *Exploring Skills: Writing*, pp.92/94 in Nunan, D. (2003) *Practical English Teaching*, McCraw Hill, New York

Steve Krashen (1981) *The Role of Input (Reading) and Instruction in Developing Writing Ability*. California: University of Southern California.

Sulaiman Masri dan Ahmad Khairi Mohd Nor (2004). *Seni Mengarang : Penulisan Rancangan KBSM, popular, ilmiah:panduan untuk pelajar, guru, mahasiswa, wartawan,editor dan pekerja*. Karisma Publication Sdn Bhd, Shah Alam

Tarigan, Henry Guntur (1985). *Membaca sebagai suatu keterampilan berbahasa*. Bandung: Penerbitan Angkasa

UNESCO. (1980). *Literacy 1972-1976. Progress Achieved in Literacy Throughout the World*. Paris: UNESCO.

Yusniza Mohd Ali (2006) *Pengaruh Faktor-Faktor Luaran Dan Dalaman Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Menulis Bahasa Arab*. Disertasi Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) pengenalan oleh Asmah Haji Omar (2002) *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi ejaan rumi baharu

Zainol Abidin Ahmad. (2003). *Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu : Satu Kajian Kes*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. 2003. Strategi pembelajaran bahasa pelajar sekolah menengah. *Jurnal Bahasa*, 3(2): 263-319.

Zulkifli Junoh (2000) *Jumlat ismiyyat dan jumlat fic'liyyat : satu kajian kes terhadap bahasa arab pelajar tingkatan empat dan lima sekolah menengah kebangsaan agama Kelantan*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya